

JAWAPAN

MODUL PEMBELAJARAN ABAD KE-21

Aktiviti 1: Peta Minda (*Mind Maps*)

Cadangan Jawapan

Kepentingan atau Kebaikan Hobi

- 1 Membolehkan kita mengisi masa lapang dengan aktiviti yang berfaedah
- 2 Dapat menambahkan pengalaman dan ilmu pengetahuan
- 3 Dapat merehatkan minda dan memberikan kepuasan diri
- 4 Dapat menambahkan pendapatan sampingan yang lumayan juga
- 5 Dapat mengekalkan kesihatan dan kecerdasan tubuh badan
- 6 Dapat memberikan kegembiraan dan ketenangan diri
- 7 Dapat mewujudkan hubungan persahabatan dengan rakan-rakan yang pelbagai bangsa dan latar belakang
- 8 Dapat mengelakkan kita daripada melakukan kegiatan yang tidak sihat

Aktiviti 2: Bulatan Suara (*Circle of Voices*)

Cadangan Jawapan

Peranan Ibu Bapa untuk Menangani Masalah Disiplin dalam Kalangan Murid

- 1 Menyemaikan nilai-nilai murni dalam diri anak-anak sejak mereka masih kecil
- 2 Memberikan pendidikan agama yang secukupnya kepada anak-anak
- 3 Menunjukkan contoh yang baik kepada anak-anak tentang aspek disiplin
- 4 Menyelami dan memahami jiwa anak-anak terutama anak-anak yang sedang meningkat remaja
- 5 Menasihati dan membimbing anak-anak sekiranya anak-anak terlibat dengan masalah disiplin agar tidak berpanjangan
- 6 Memuji dan memberikan ganjaran kepada anak-anak sekiranya mereka mengamalkan disiplin dengan baiknya
- 7 Memberikan penekanan kepada anak-anak tentang kepentingan disiplin dalam kehidupan untuk menjadi insan yang cemerlang
- 8 Berkongsi pelbagai pengalaman kepada anak-anak tentang masalah yang akan dihadapi oleh mereka jika tidak berdisiplin

Aktiviti 5: Meja Bulat (*Round Table*)

Cadangan Jawapan

"Syair Bidasari"

- Dua persoalan:
 - 1 Tanggungjawab seorang pemimpin
 - 2 Kebijaksanaan memimpin sebuah kerajaan
- Dua pengajaran:
 - 1 Sebagai seorang pemimpin, kita hendaklah menjalankan tanggungjawab yang diberikan oleh rakyat dengan amanahnya.
 - 2 Kita hendaklah sentiasa taat dan patuh akan perintah ketua atau pemimpin demi keharmonian organisasi.

"Gurindam Dua Belas (*Fasal yang Ketiga*)"

- Dua persoalan:

- 1 Kepentingan menjaga pancaindera
 - 2 Kepentingan mengawal anggota badan

- Dua pengajaran:
 - 1 Kita hendaklah menggunakan anggota pancaindera dengan baiknya, iaitu dengan melakukan kebaikan.
 - 2 Kita hendaklah mengelakkan diri daripada melakukan perbuatan yang tidak baik dan bertentangan dengan undang-undang.

Sajak "Sang Gembala Kuda"

- Dua persoalan:
 - 1 Ketegasan ketika memimpin
 - 2 Keberanian menempuh cabaran dan rintangan
- Dua pengajaran:
 - 1 Kita hendaklah melaksanakan tugas yang diamanahkan kepada kita dengan penuh tanggungjawab.
 - 2 Kita mestilah gigih berusaha untuk melakukan sesuatu tugas agar memperoleh kejayaan yang kita impikan.

Sajak "Aku Membaca Lagi"

- Dua persoalan:
 - 1 Peranan bangsa untuk mendaulatkan bahasa
 - 2 Jati diri bangsa yang kian terancam

- Dua pengajaran:

- 1 Sebagai rakyat yang cinta akan negara, kita hendaklah memikul tanggungjawab untuk mengangkat martabat bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara kita.
 - 2 Kita mestilah berani menghadapi pelbagai cabaran untuk mempertahankan maruah bahasa Melayu agar tidak dicemarkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Sajak "www.sibermerdeka.com.my"

- Dua persoalan:

- 1 Kepentingan membuat perancangan dengan bijak dan telitinya
 - 2 Keberanian menempuh cabaran dan rintangan dalam kehidupan

- Dua pengajaran:

- 1 Kita hendaklah berani menghadapi pelbagai cabaran dan rintangan dalam kehidupan.
 - 2 Kita hendaklah bijak semasa membuat perancangan hidup agar kita dapat menikmati kejayaan dan kebahagiaan.

Sajak "Gelanggang"

- Dua persoalan:

- 1 Kepentingan perpaduan dalam masyarakat yang berbilang bangsa
 - 2 Semangat cinta akan negara yang kukuh dan tidak berbelah bahagi

- Dua pengajaran:

- 1 Kita hendaklah melaksanakan tanggungjawab untuk menjaga kedaulatan negara daripada ancaman luar.
 - 2 Kita hendaklah bersatu padu untuk mengekalkan keharmonian dalam kalangan masyarakat yang berbilang bangsa.

Aktiviti 6: Bangun-Duduk (*TakeOff-TouchDown*)

Cadangan Jawapan

Penyataan 1: Salah

Penyataan 2: Betul

Penyataan 3: Salah

Penyataan 4: Betul

Penyataan 5: Salah

Penyataan 6: Betul

Aktiviti 7: Kerusi Panas (*Hot Seat*)

Cadangan Jawapan

Contoh jawapan yang akan diberi oleh murid yang memainkan watak Kaduk:

- 1 Tanah saya telah diambil oleh Raja setelah ayam yang saya tukar dengan ayam raja kalah dalam peristiwa menyabung ayam tersebut.
- 2 Saya menyerahkan tanah saya kepada Raja kerana tertakluk dengan syarat yang ditetapkan oleh Raja sebelum pertandingan bermula.
- 3 Nilai murni yang ada pada diri saya ialah kepatuhan dan ketaatan akan perintah Raja.
- 4 Pengajaran yang saya peroleh daripada peristiwa ini ialah kita hendaklah bersikap rasional sebelum membuat sesuatu keputusan agar keputusan yang kita ambil tidak memberikan kemudaratan kepada kita. Selain itu, kita hendaklah menjauhkan diri daripada perbuatan menyabung ayam yang melibatkan pertarungan kerana perbuatan tersebut akan merugikan diri kita.

Contoh jawapan yang akan diberi oleh murid yang memainkan watak Raja:

- 1 Saya mengambil tanah Kaduk kerana Kaduk telah bersetuju dengan syarat tersebut sekiranya Kaduk kalah dalam pertaruhan.
- 2 Tindakan yang saya ambil terhadap Kaduk adalah tidak wajar kerana mengambil kesempatan terhadap kuasa yang ada pada diri saya serta menindas golongan bawahan.
- 3 Seorang pemimpin yang baik perlu mempunyai ciri-ciri seperti bertanggungjawab, amanah, rasional, adil, bijaksana, dan jujur.
- 4 Untuk mewujudkan hubungan yang baik antara pemimpin dengan rakyat, setiap pemimpin hendaklah sentiasa mengambil berat dan menjaga kebaikan rakyatnya. Selain itu, setiap pemimpin hendaklah bersikap bijaksana dan adil ketika menjalankan pentadbirannya agar tidak berlakunya ketidakadilan terhadap rakyat, dan seterusnya menggugat hubungan baik antara pemimpin dengan rakyat.

Aktiviti 8: Pengurusan Grafik (Graphic Organiser)

Cadangan Jawapan

- Watak dan perwatakan yang terdapat dalam cerita “Kepimpinan Melalui Teladan”:
 - 1 Watak: Laksamana
Perwatakan: berjaya menewaskan Kertala Sari; bijaksana; berani dan gagah; digeruni pihak lawan; patuh akan perintah raja
 - 2 Watak: Kertala Sari
Perwatakan: hulubalang kerajaan Majapahit; berani ketika bertindak; kejam; memiliki ilmu kesaktian
 - 3 Watak: Raja Melaka
Perwatakan: pemerintah yang adil dan saksama; mengutamakan keharmonian rakyat dan negara; mengenang budi; rasional ketika membuat tindakan
- Nilai dan pengajaran yang terdapat dalam cerita “Kepimpinan Melalui Teladan”:
 - 1 Nilai: kebijaksanaan; keberanian; ketiaatan; tanggungjawab
 - 2 Pengajaran:
 - Kita hendaklah bijak semasa mengatur sesuatu strategi agar dapat menewaskan pihak musuh.
 - Kita hendaklah berani ketika berhadapan dengan musuh agar kita dapat menewaskannya.
 - Kita hendaklah taat akan perintah seseorang pemimpin yang menganrahkan kita untuk melakukan sesuatu tindakan.
 - Kita hendaklah melaksanakan tanggungjawab yang diberikan kepada kita dengan amanah dan baiknya.

Aktiviti 9: Susun Suai (Jigsaw Reading)

Cadangan Jawapan

Novel “Lefthenan Adnan Wira Bangsa”

Lefthenan Adnan	Mempunyai semangat patriotik yang tinggi
Pak Saidi	Mementingkan ilmu dan berpandangan jauh
Jeneral A.E Percival	Bersikap tidak adil ketika pembahagian senjata
Jeneral Tomoyuku Yamashita	Zalim dan tidak berperikemanusiaan

Novel “Di Sebalik Dinara”

Farisha	Teliti dan berhati-hati ketika membuat keputusan
Aqram	Patuh akan arahan ketua
Azraai	Amanah dan berpegang teguh pada janji
Karl	Bercita-cita tinggi berkaitan dengan penciptaan inovasi sains

Novel “Pantai Kasih”

Doktor Raiha	Bertanggungjawab dan dedikasi ketika menjalankan tugas
Doktor Uwang	Mempunyai wawasan yang tinggi
Doktor Sadiz	Tidak berperikemanusiaan dan kejam
Felicia Landosi	Bersikap acuh tidak acuh ketika menjalankan tugas

TOPIK 1 Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan

PRAKTIS BERPANDU

KERTAS 1 SPM: Bahagian A

Praktis SPM 1

Analisis Soalan

- (a) Kata Kunci: Huraikan pendapat anda
- (b) Skop Soalan: Usaha-usaha untuk memupuk jati diri bangsa
- (c) Kehendak Soalan: Menghuraikan pendapat berkaitan dengan gambar dan skop soalan yang panjangnya antara **200 hingga 250 patah perkataan**

Pelan Induk Mengarang (PELINDUNG)

Pendahuluan

remaja ialah seseorang yang berusia antara 12 hingga 21 tahun – usia remaja merupakan waktu yang sesuai untuk seseorang dididik dan dipupuk jati dirinya – tulang belakang masyarakat – berada di barisan hadapan ketika sama-sama menjayakan sesuatu aktiviti

Isi Utama 1: memperkenalkan tokoh pejuang kemerdekaan tanah air kepada remaja – memupuk jati diri

Huraian: gambar-gambar perlu disertakan keterangan tentang pengorbanan mereka – remaja akan menyedari asal usul dan pahit getir para pejuang kemerdekaan

Contoh: nama dan gambar pejuang kemerdekaan seperti Tunku Abdul

Rahman diletakkan di tempat yang strategik

Kesimpulan: remaja perlu mengenali tokoh pejuang kemerdekaan untuk memupuk jati diri mereka

Isi Utama 2: pihak kerajaan perlu mengadakan kempen tentang kepentingan jati diri remaja

Huraian: diadakan dengan konsisten – menampakkan hasil – agenda besar negara – langkah awal pemupuk semangat patriotik

Contoh: menghasilkan iklan melalui pelbagai saluran media untuk menunjukkan kepentingan jati diri kepada remaja

Kesimpulan: kempen tentang jati diri yang dilakukan secara berterusan dapat memupuk jati diri remaja

Isi Utama 3: penghayatan terhadap mata pelajaran Sejarah – memupuk jati diri remaja

Huraian: kebijaksanaan guru untuk menarik minat murid – jati diri dipupuk sedikit demi sedikit – syarat wajib lulus Sijil Pelajaran Malaysia

Contoh: diajarkan dengan kaedah menarik – meningkatkan kefahaman dan penghayatan remaja terhadap peristiwa sejarah

Kesimpulan: mata pelajaran Sejarah yang dihayati akan dapat memupuk jati diri remaja

Penutup

usaha perlu dilakukan secara holistik – berganding bahu agar usaha murni ini membawa hasil – remaja menyedari kepentingan jati diri – negara yang berjaya tentulah berpaksikan jati diri rakyatnya – jati diri bangsa sebagai asas kehebatan sebuah negara bangsa

Praktis SPM 2

Analisis Soalan

- (a) Kata Kunci: Huraikan pendapat anda
- (b) Skop Soalan: Langkah-langkah untuk memajukan industri pelancongan
- (c) Kehendak Soalan: Menghuraikan pendapat berkaitan dengan gambar dan skop soalan yang panjangnya **200 hingga 250 patah perkataan**

Pelan Induk Mengarang (PELINDUNG)

Pendahuluan

pelancongan merupakan industri yang menyumbangkan dana terbesar kepada negara – pendapatan negara melalui industri pelancongan berjumlah RM161 bilion pada tahun 2017 – Menteri Pelancongan mengatakan bahawa kerajaan berhasrat untuk “duduk sama rendah, berdiri sama tinggi” dengan negara lain bagi meningkatkan kemasukan pelancong asing

Isi Utama 1: kerajaan perlu menyediakan kemudahan pengangkutan yang efisien bagi memajukan industri pelancongan

Huraian: diteliti oleh pelancong – jadual pergerakan perlu dipatuhi – kemudahan pengangkutan awam bukan sekadar “indah khabar daripada rupa”

Contoh: contoh kemudahan pengangkutan yang dimaksudkan ialah kapal terbang, bas, sistem transit aliran ringan, dan teksi yang berjadual

Kesimpulan: bagi memajukan industri ini, kerajaan perlu menyediakan kemudahan pengangkutan terbaik – memudahkan pergerakan pelancong

Isi Utama 2: kerajaan perlu menyediakan kemudahan penginapan

Huraian: perlu disebar luas ke seluruh dunia – menarik kemasukan pelancong asing – perlu dilakukan secara konsisten dan bersungguh-sungguh

Contoh: hotel-hotel yang sedia ada perlu dinaik taraf – kemudahan rumah inap perlu diperbanyak – memudahkan pelancong membuat pilihan

Kesimpulan: industri pelancongan akan bertambah maju – kemudahan penginapan yang sesuai – memberikan keselesaan kepada pelancong

Isi Utama 3: penyediaan kemudahan teknologi maklumat

Huraian: pelancong berbesar hati jika kualiti capaian Internet sangat baik – sangat penting – mudah menghubungi keluarga

Contoh: kerajaan mencari jalan dengan menyediakan capaian Internet secara percuma di kawasan tumpuan pelancong

Kesimpulan: dengan adanya kemudahan teknologi maklumat, industri pelancongan akan terus maju – menarik kedatangan pelancong

Penutup

jelaslah bahawa industri ini mendatangkan impak positif kepada pelbagai pihak – rakyat terus memberi sokongan bagi memajukan industri pelancongan – kedua-dua pihak saling bergantung “bagai aur dengan tebing” – jika tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya – industri pelancongan perlu diperkasaan demi rakyat dan negara

PRAKTIS BERFORMAT SPM

Kertas 1: Bahagian A

1 Karangan Berdasarkan Gambar Rajah

mengawal; kejayaan; remaja; pelajaran; sistematik; sia-sia; pembahagian; berdisiplin; disayangi; guru; berdoa; imej; dipandang; pematuhan; penilaian; meningkatkan; disiplin; asas; kunci; harapan

2 Karangan Berdasarkan Gambar Ilustrasi

memandang; berjuang; kemerosotan; bertanggungjawab; membuang; tersekut; kualiti; merosot; pembangunan; tanah; keselamatan; saksi; kenderaan; pertambahan; dikeluarkan; menyedut; mengurangkan; peka; menjaga; tanggungjawab; kesedaran

3 Karangan Berdasarkan Ilustrasi Kartun

tinggal berdekatan; kehidupan masyarakat; menyuburkan semangat kejiranian; persatuan penduduk; taman perumahan; menjaga keselamatan; semangat kejiranian; beramah mesra; menjalinkan kemesraan; kekerapan perjumpaan; saling menziarahi; ditimpak musibah; memainkan peranan; diperaktikkan semula

4 Karangan Berdasarkan Gambar Rajah

Rangka Karangan

Pendahuluan

kad kredit; bank; pelanggan; gaya hidup masyarakat; pemilik kad kredit
Isi-isi Penting

- 1 menyenangkan urusan; wang tunai; keselamatan pengguna; secara ansuran
- 2 pinjaman tunai; mesin pengeluaran wang; kecemasan; hutang
- 3 berhutang; mengawal diri; nafsu; berdisiplin

Penutup

kebaikan; bergantung; kemudahan; kesedaran; penggunaan

5 Karangan Berdasarkan Iklan

Rangka Karangan

Pendahuluan

setiap orang ingin mendapatkan pekerjaan yang baik – mendatangkan pendapatan yang lumayan – melambangkan status seseorang – dengan gaji yang lumayan, seseorang dapat menggunakan wang berdasarkan keperluan dirinya – terdapat pelbagai sumber untuk memperoleh maklumat berkaitan dengan peluang pekerjaan

Isi-isi Penting

- 1 media cetak – medium utama yang mengiklankan peluang pekerjaan – nama jawatan kosong, keperluan pendidikan, dan juga tempat untuk seseorang pemohon menghantarkan maklumat tentang biodata diri bagi memohon jawatan tersebut – memilih dan mencuba untuk mendapatkan pekerjaan melalui media cetak
- 2 menerusi laman Internet, seseorang dapat mencari maklumat tentang pekerjaan – mengisi borang yang terdapat pada laman web tersebut – menghantar permohonan dalam tempoh yang singkat – maklumat tentang keputusan permohonan disiarkan di laman web tersebut melalui kod tertentu
- 3 terdapat juga syarikat tertentu yang mempelawa orang ramai untuk menjalani temu duga – hanya perlu membawa resume untuk berhadapan dengan wakil syarikat tersebut – proses memohon sesuatu pekerjaan menjadi lebih mudah – pemohon tidak perlu menunggu lama untuk mendapatkan jawapan

Penutup

maklumat berkaitan dengan pekerjaan boleh didapati daripada pelbagai sumber – kerajinan dalam penerokaan bagi mendapatkan pekerjaan merupakan faktor penting bagi seseorang untuk memperoleh pekerjaan – memastikan pekerjaan yang dipohon bersesuaian dengan kelulusan dan kelayakan

Aktiviti Pelibatan Ibu Bapa (PIB)

Cadangan Jawapan

Senarai cita-cita: Guru, doktor, askar, jurutera

Kepentingan:

- 1 Memberi motivasi untuk belajar dengan bersungguh-sungguh bagi mencapai cita-cita tersebut
- 2 Hidup mempunyai hala tuju kerana ada matlamat yang hendak dicapai
- 3 Mengutamakan disiplin dalam kehidupan bagi memastikan cita-cita yang diimpikan akan tercapai
- 4 Sentiasa bersemangat untuk mencapai kecemerlangan dalam pelajaran

6 Karangan Berdasarkan Petikan

Rangka Karangan

Pendahuluan

sebagai sebuah negara yang pernah dijajah dan melalui liku-liku perjuangan yang panjang untuk mencapai kemerdekaan, negara ini

mempunyai tempat bersejarah yang banyak serta menarik – boleh dikatakan semua negeri di Malaysia mempunyai tempat bersejarah – ada tempat bersejarah yang sudah lama terkenal dan ada juga yang baru ditemukan

Isi-isi Penting

- 1 usaha bagi mempromosikan tempat bersejarah di negara ini perlu dilakukan oleh Kementerian Pelancongan Malaysia ke seluruh dunia – syarikat penerangan Malaysia yang terbang ke seluruh dunia perlu membawa risalah berkaitan dengan tempat bersejarah – iklan-iklan berkaitan dengan tempat bersejarah di negara ini perlu diperbanyak di luar negara
- 2 tempat bersejarah di negara kita perlu dijaga dengan baiknya – selain mendapatkan fakta sejarah, pelancong juga berminat untuk merakamkan gambar atau video di tempat bersejarah untuk dijadikan kenangan – proses pemuliharaan tempat bersejarah ini perlu sentiasa terjaga – satu daya tarikan dalam aspek seni perlu menjadi nilai tambah kepada tempat bersejarah
- 3 setiap tempat bersejarah perlu dilabel – ada pengunjung yang datang semata-mata untuk mempelajari sejarah negara ini melalui tempat bersejarah itu – sistem pelabelan akan memudahkan pelancong untuk memahami maksud sesuatu tempat bersejarah – panduan pelancong juga perlu menguasai aspek sejarah

Penutup

usaha bagi menarik minat orang ramai untuk berkunjung ke tempat bersejarah di negara ini sangat penting – kegagalan pihak berwajib menjaga tempat bersejarah akan menyebabkan tempat-tempat bersejarah ini hilang ditelan zaman – berusaha supaya tempat bersejarah ini menjadi produk pelancongan yang membawa laba kepada negara

7 Karangan Berdasarkan Gambar Rajah

Rangka Karangan

Pendahuluan

kerajaan menyediakan pelbagai tempat rekreasi untuk kemudahan rakyat – terdapat juga kawasan rekreasi semula jadi seperti air terjun dan kawasan pantai – kebiasaannya orang ramai akan beriadah pada cuti hujung minggu bersama-sama keluarga – ada juga yang beriadah bersama-sama rakan

Isi-isi Penting

- 1 aktiviti riadah di kawasan rekreasi akan menyihatkan tubuh badan – udara segar di kawasan rekreasi menyebabkan orang ramai dapat menyedut udara yang lebih baik berbanding dengan udara di kawasan bandar – tempat beriadah seperti taman rekreasi biasanya dipenuhi flora dan fauna
- 2 aktiviti riadah dapat mengurangkan stres – setiap orang mempunyai tekanan dalam kehidupan – tekanan ini dapat diatasi melalui aktiviti riadah – ketika beriadah, fokus utama adalah untuk menyihatkan badan – melupakan permasalahan di tempat kerja buat seketika
- 3 aktiviti riadah juga dapat mengeratkan silaturahim – bertegur sapa dengan orang lain yang turut beriadah di situ – perkenalan akan terjalin dan membawa kepada persahabatan baharu – jalinan silaturahim begini sangat baik dan menyebabkan banyak kawan yang sentiasa membantu kita jika kita berada dalam kesusahan

Penutup

setiap orang perlu mengambil peluang untuk beriadah – terdapat banyak tempat beriadah yang boleh dimanfaatkan – perkara yang paling penting untuk beriadah ialah disiplin – tanpa disiplin, aktiviti riadah hanya menjadi hangat-hangat tahi ayam

AKTIVITI PAK-21: Kerusi Panas (Hot Seat)

Cadangan Jawapan

Rangka Karangan

Pendahuluan

setiap insan perlu mengambil berat terhadap aspek penjagaan kesihatan – kehidupan akan lebih bererti jika kita sentiasa sihat – dapat menjalani kehidupan harian dengan gembiranya dan cerianya

Isi-isi Penting

- 1 pemeriksaan kesihatan secara berkala – dapat memastikan kesihatan diri berada dalam keadaan yang baik – melahirkan masyarakat yang harmoni dan sejahtera
- 2 aktiviti senaman – peluh dapat mengeluarkan toksin dalam badan – melancarkan pengaliran darah – masyarakat yang cergas akan bersemangat untuk melakukan aktiviti-aktiviti yang bermanfaat
- 3 mengambil makanan seimbang – memastikan menu harian kita mengandungi semua zat yang diperlukan oleh tubuh – bebas daripada penyakit darah tinggi, kencing manis, kolesterol tinggi, dan penyakit jantung

Penutup

setiap individu perlu prihatin dan mengambil berat terhadap penjagaan kesihatannya – masyarakat yang sihat dan cerdas dapat memajukan negara

FOKUS KBAT

Rangka Karangan

Pendahuluan

masyarakat yang mengamalkan nilai-nilai murni akan menjalani kehidupan dengan lebih harmoni – nilai murni ialah perkara-perkara baik yang diamalkan oleh seseorang dan diterima dengan baiknya oleh anggota masyarakat

Isi-isi Penting

- 1 mengekalkan keharmonian masyarakat – kehidupan bermasyarakat yang terdiri daripada pelbagai latar belakang – nilai bersatu padu – masyarakat perlu bersinergi supaya keharmonian dapat diwujudkan
- 2 menyemaikan nilai kasih sayang sesama insan – nilai penyayang penting diamalkan dalam masyarakat – menilai seseorang dengan bersangka baik – tidak akan membenci antara satu dengan yang lain
- 3 mewujudkan suasana yang harmoni di kawasan kediaman – memerlukan nilai toleransi yang tinggi – hidup bertolak ansur – dapat membahagiakan orang lain dan diri sendiri – mengelakkan perpecahan masyarakat

Penutup

jelaslah bahawa amalan nilai murni amat penting dalam kehidupan bermasyarakat – memberikan pelbagai manfaat atau kebaikan – setiap anggota masyarakat perlu mempunyai keazaman yang tinggi untuk mengamalkan nilai murni

TOPIK 2 Karangan Respons Terbuka

PRAKTIS BERPANDU

KERTAS 1 SPM: Bahagian B

Praktis SPM 1

Analisis Soalan

- (a) Kata Kunci: Huraikan
- (b) Skop Soalan: Gaya hidup sihat
- (c) Kehendak Soalan: Menghuraikan usaha-usaha yang perlu dilakukan oleh ibu bapa bagi memupuk amalan gaya hidup sihat terhadap anak-anak
- (d) Jenis Karangan: Fakta
- (e) Dimensi Karangan: Keluarga

Pelan Induk Mengarang (PELINDUNG)

Pendahuluan: kesihatan sangat penting dalam kehidupan semua orang – urusan harian kita akan terganggu jika kesihatan kita tidak baik – untuk memastikan kesihatan terjaga, kita mestilah mengamalkan gaya hidup sihat – bersukan merupakan satu daripada amalan gaya hidup sihat – ibu bapa perlu menggalakkan anak-anak mengamalkan gaya hidup sihat

Isi Utama 1: ibu bapa perlu memberikan sokongan kepada anak-anak untuk mengamalkan gaya hidup sihat

Huraian: ibu bapa perlu sentiasa menyatakan perasaan bangga mereka akan anak-anak yang menjalani gaya hidup sihat

Contoh: jika anak-anak didapati cenderung untuk bersukan, ibu bapa tidak sewajarnya menghalang minat mereka

Kesimpulan: sokongan daripada ibu bapa sangat penting supaya anak-anak dapat mengamalkan gaya hidup sihat secara konsisten

Isi Utama 2: ibu bapa perlu memberikan bantuan kepada anak-anak

Huraian: ibu bapa perlu bersiap siaga untuk menyemarakkan semangat anak-anak untuk mengamalkan gaya hidup sihat – semangat mereka tidak luntur

Contoh: jika anak-anak memerlukan bantuan seperti keperluan sukan, ibu bapa perlulah menyediakan kemudahan tersebut – kemudahan anak-anak

Kesimpulan: bantuan daripada ibu bapa sangat penting kerana anak-anak yang masih setahun jagung ini masih memerlukan perhatian daripada ibu bapa

Isi Utama 3: ibu bapa sebagai suri teladan perlu menunjukkan contoh teladan yang baik kepada anak-anak

Huraian: ibu bapa tidak boleh menjadi “seperti ketam yang mengajar anaknya berjalan betul” sedangkan mereka berjalan serong – menjelaskan keyakinan anak-anak

Contoh: ibu bapa yang tidak merokok merupakan teladan yang terbaik kepada anak-anak – memberikan contoh yang baik – merokok membahayakan kesihatan

Kesimpulan: contoh teladan yang diamalkan oleh ibu bapa dapat memberikan kesedaran kepada anak-anak tentang kepentingan amalan gaya hidup sihat

Isi Utama 4: ibu bapa perlu memberikan pendidikan yang berinformatif kepada anak-anak berkaitan dengan gaya hidup sihat

Huraian: remaja kini mahukan informasi yang berfakta dan bukan sekadar kata-kata kosong sahaja – memberi keyakinan tentang kepentingan amalan gaya hidup sihat

Contoh: setiap ilmu yang dipindahkan kepada anak-anak perlu disusuli dengan fakta yang munasabah – lebih positif dan bersemangat untuk menjaga kesihatan

Kesimpulan: dengan adanya informasi yang berfakta, anak-anak khususnya remaja dapat menjadikan informasi tersebut sebagai pegangan untuk menjalani kehidupan mereka

Isi Utama 5: ibu bapa perlu bersama dengan anak-anak untuk mengamalkan gaya hidup sihat secara berjadual

Huraian: anak-anak akan lebih bersemangat jika ibu bapa dan seluruh anggota keluarga bersama-sama melibatkan diri dalam sukan dan amalan gaya hidup sihat yang lain

Contoh: ibu bapa boleh menjadikan cuti pada hujung minggu atau pada hari cuti umum sebagai hari untuk bersukan bersama dengan anak-anak dan anggota keluarga

Kesimpulan: dengan pelibatan ibu bapa bersama dengan anak-anak, suasana kehidupan berkeluarga akan lebih ceria, di samping dapat mengekalkan amalan gaya hidup sihat

Penutup: amalan gaya hidup sihat merupakan amalan sepanjang hayat – amalan gaya hidup sihat seperti bersukan yang diamalkan sejak usia muda akan menjadikan seseorang sentiasa sihat dan ceria – ibu bapa perlu bersedia untuk menjadikan diri mereka sebagai idola agar dicontohi oleh anak-anak – gabungan ibu bapa dan anak dalam pengamalan gaya hidup sihat diharapkan dapat menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat

Praktis SPM 2

Analisis Soalan

- (a) Kata Kunci: Huraikan
- (b) Skop Soalan: Pelancongan
- (c) Kehendak Soalan: Menghuraikan pendapat tentang peranan masyarakat untuk memajukan industri pelancongan Malaysia
- (d) Jenis Karangan: Pendapat
- (e) Dimensi Karangan: Masyarakat/Negara

Pelan Induk Mengarang (PELINDUNG)

Pendahuluan: pelancongan merupakan satu daripada sumber pendapatan negara – dunia telah mengiktiraf industri pelancongan di Malaysia sebagai satu daripada destinasi pelancongan yang terbaik di dunia – kerajaan telah mempromosikan sektor pelancongan melalui pelbagai saluran media massa di seluruh dunia – masyarakat juga memainkan peranan yang penting untuk memajukan industri pelancongan negara

Isi Utama 1: masyarakat berperanan sebagai duta kecil pelancongan negara bagi memajukan industri pelancongan

Huraian: industri pelancongan menyumbangkan pendapatan berbilion ringgit kepada negara – sebagai sumbangan, setiap individu perlu menghebahkan kehebatan negeri dari aspek pelancongan kepada semua orang luar melalui pelbagai metode

Contoh: sebagai contohnya, jika seseorang pergi ke negara luar kerana tugas tertentu, mereka dicadangkan supaya membawa risalah atau apa-apa sahaja informasi berkaitan dengan pelancongan di Malaysia – diedarkan kepada rakan-rakan dari negara lain

Kesimpulan: jelas dan nyata bahawa peranan yang dimainkan oleh anggota masyarakat sebagai duta kecil mampu memajukan industri pelancongan Malaysia

Isi Utama 2: masyarakat berperanan sebagai penjaga imej negara bagi memajukan industri pelancongan negara

Huraian: apabila seseorang ingin menyampaikan berita atau cerita tentang Malaysia kepada pihak lain, mereka haruslah mengutamakan kebaikan yang terdapat di sini – minimumkan informasi yang sebaliknya

Contoh: sebagai contohnya, masyarakat tidak menonjolkan isu kenaikan harga barang – sentiasa menonjolkan perpaduan yang hebat dalam kalangan masyarakat majmuk di negara ini

Kesimpulan: jelaslah bahawa masyarakat perlu menjaga imej negara apabila berkomunikasi dengan orang lain dalam usaha untuk memajukan industri pelancongan negara

Isi Utama 3: masyarakat berperanan sebagai pengamal budi bahasa yang baik bagi memajukan industri pelancongan negara

Huraian: budi bahasa yang diamalkan dalam pergaulan harian terutama dengan orang luar mampu menarik pelancong ke negara ini

Contoh: sebagai contohnya, setiap anggota masyarakat bercakap dengan lemah lembut dan sentiasa menghormati pelancong

Kesimpulan: jelaslah bahawa masyarakat perlu berbudi bahasa kerana elemen ini mampu menjadi asbab untuk memajukan industri pelancongan negara

Isi Utama 4: masyarakat berperanan sebagai pengamal kebersihan yang konsisten bagi memajukan industri pelancongan negara

Huraian: setiap anggota masyarakat sama ada orang awam atau peniaga perlu memastikan Kawasan mereka sentiasa bersih – sampah perlu dibuang di tempat yang disediakan

Contoh: sebagai contohnya, anggota masyarakat tidak membuang sampah di merata-rata tempat atau menghisap rokok di tempat awam
Kesimpulan: jelaslah bahawa masyarakat harus sedar bahawa kebersihan yang dijaga mampu menarik pelancong ke negara ini

Isi Utama 5: masyarakat juga berperanan sebagai orang yang ringan tulung bagi memajukan industri pelancongan negara

Huraian: sentiasa bersedia untuk membantu pelancong asing dengan rela hati – jika terlihat pelancong yang kelihatan seolah-olah memerlukan bantuan, perlulah segera bertanya dengan niat untuk membantu

Contoh: sebagai contohnya, kita perlu membantu pelancong yang memerlukan bantuan seperti bertindak sebagai penunjuk jalan dan sebagainya

Kesimpulan: jelaslah bahawa kesudian masyarakat untuk membantu pelancong yang berada di negara ini dapat membantu industri pelancongan negara

Penutup: berdasarkan huraian tentang peranan masyarakat untuk memajukan industri pelancongan negara, jelaslah bahawa masyarakat perlu memainkan peranan mereka dengan bersungguh-sungguh – perlu membantu negara meningkatkan pendapatan melalui industri pelancongan – kerajaan mengharapkan rakyat supaya sama-sama membantu bagi memajukan industri pelancongan

PRAKTIS BERFORMAT SPM

KERTAS 1: Bahagian B

1 Karangan Dimensi Diri/Sekolah

Analisis Soalan

- (a) Kata Kunci: Berikan pendapat
- (b) Skop Soalan: Penggunaan Internet
- (c) Kehendak Soalan: Memberikan pendapat tentang faedah-faedah penggunaan Internet dalam kehidupan searian
- (d) Jenis Karangan: Pendapat
- (e) Dimensi Karangan: Diri/Sekolah

Model Karangan

kepentingan; manusia; menguasai; manfaat; maklumat; masa; jari; makna; pembelajaran; pandangan; Bertukar-tukar; menghubungi; berbincang; polisi; pertukaran; idea; meningkatkan; rakan; memeriahkan; dorongan; motivasi; berkongsi; baik memotivasi; pembelajaran; sukar; masa; mekanisme; jualan; medium; keperluan; menghubungi; persekolahan; berkomunikasi; kekurangan; malu; bertanya; e-mel; universiti; memudahkan; pembelajaran; manusia; kehidupan; penting; muda; bergantung; kemahiran

Praktis SPM 1

Soalan 1

Rangka Karangan

Pendahuluan

format rencana – tajuk rencana, “Peranan Pihak Sekolah untuk Menangani Isu Keracunan Makanan di Sekolah” – penulis rencana – isu keracunan makanan berkait rapat dengan isu kebersihan – isu ini sentiasa mengisi tempat dan menjadi hebatan melalui pelbagai saluran media massa – semakin diperkatakan apabila melibatkan murid sekolah – pihak sekolah perlu memainkan pelbagai peranan untuk mengatasi masalah keracunan makanan

Isi-isi Penting

- 1 pihak sekolah perlu berperanan sebagai perancang supaya keracunan makanan dapat dihindarkan daripada murid sekolah – sebagai contohnya, pihak sekolah hendaklah menggariskan dasar-dasar penting berkaitan dengan kebersihan di kantin sekolah – perlu dipatuhi oleh pengusaha kantin pada setiap masa
- 2 pihak sekolah perlu berperanan sebagai penguat kuasa peraturan di kantin – sebagai contohnya, pihak sekolah memantau keadaan di kantin sekolah seperti tahap kebersihan makanan, kebersihan pekerja kantin, dan cara penyediaan makanan – kebersihan kantin dan kebersihan semasa penyediaan makanan amat perlu dititikberatkan
- 3 pihak sekolah perlu berperanan sebagai penilai pengusaha kantin – kebiasaannya, keracunan makanan bermula di kantin – sebagai contohnya, pihak sekolah perlu meletakkan gred kantin berdasarkan tahap kebersihan – jika gred semakin menurun, kebarangkalian untuk pengusaha kantin memperoleh tender berikutnya semakin tipis
- 4 di samping menghalalkan peranan ke arah pengusaha kantin, pihak sekolah juga berperanan sebagai pendidik yang unggul kepada murid – sebagai contohnya, guru membimbing murid supaya sentiasa menjaga kebersihan seperti membasuh tangan sehingga bersih sebelum menjamah makanan
- 5 pihak sekolah perlu berperanan sebagai penasihat kepada murid-murid – tidak membeli makanan yang terdedah di luar kawasan sekolah – sebagai contohnya, murid sentiasa digalakkkan supaya membawa makanan yang dimasak oleh ibu bapa di rumah daripada membeli makanan di luar – kebersihannya lebih terjamin

Penutup

jelaslah bahawa peranan sekolah sangat penting – pihak sekolah telah memainkan peranan ini sejak sekian lama – masyarakat terutamanya ibu bapa perlu memberikan kerjasama kepada pihak sekolah kerana usaha bagi mengatasi isu ini merupakan usaha bersama-sama

Soalan 2

Pendahuluan

kokurikulum ialah aktiviti di luar bilik darjah yang menyokong pembelajaran di bilik darjah – aktiviti kokurikulum diwajibkan kepada semua murid darjah empat sehingga murid tingkatan lima – murid-murid wajib mengambil bahagian dalam aktiviti kokurikulum yang merangkumi unit beruniform, sukan, dan permainan

Isi-isi Penting

- 1 penyertaan dalam aktiviti kokurikulum membolehkan saya lebih mesra dengan guru-guru dan rakan-rakan – sebagai contohnya, unit beruniform yang mengadakan perkhemahan membolehkan kami melakukan aktiviti bersama-sama selama beberapa hari – tempoh yang panjang membolehkan kami bermesra dan bekerjasama
- 2 penyertaan dalam aktiviti kokurikulum membolehkan saya lebih berdisiplin dalam kehidupan – sebagai contohnya, aktiviti kawad kaki yang selalu diadakan menyebabkan saya lebih berdisiplin dari segi ketepatan masa dan kerja sepasukan
- 3 aktiviti kokurikulum membolehkan saya nimba pengalaman yang bermakna – sebagai contohnya, penyertaan saya dalam koakademik bahas ala parliment membolehkan saya memahami betapa sukar其na mengemukakan hujah di hadapan audiens
- 4 penyertaan saya dalam aktiviti kokurikulum membolehkan saya meningkatkan prestasi akademik – sebagai contohnya, aktiviti Kelab Geografi di lapangan membolehkan saya mengenali sistem perparitan dengan lebih dekatnya dan bukan melalui teori semata-mata
- 5 penyertaan saya dalam aktiviti kokurikulum memudahkan saya melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi – sebagai contohnya, ketika mengisi borang kemasukan, saya tentulah akan mengetengahkan kehebatan saya dalam bidang kokurikulum kerana bidang ini menjanjikan markah sebanyak 10%

Penutup

jelaslah bahawa aktiviti ini sangat penting kepada semua murid – setiap murid perlu mengambil peluang untuk melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum – mendapat faedah yang sangat berharga – aktif dalam aktiviti kokurikulum demi masa hadapan yang lebih cemerlang

Soalan 3

Pendahuluan

karangan berformat syarahan – kata alu-aluan kepada hadirin mengikut protokol – menyatakan tajuk syarahan – bangunan bersejarah ialah bangunan yang berkait rapat dengan sejarah di sesuatu tempat – bangunan bersejarah begitu banyak di negara kita – boleh dikatakan setiap negeri di Malaysia mempunyai bangunan bersejarah – setiap bangunan bersejarah perlu dipelihara dan dipulihara

Isi-isi Penting

- 1 dengan pemeliharaan dan pemuliharaan bangunan bersejarah, kemasukan pelancong asing akan meningkat – sebagai contohnya, kerajaan negeri Pulau Pinang berjaya menarik 10 juta pelancong pada tahun lalu kerana bangunan bersejarah di seluruh Pulau Pinang dibaik pulih dan dinaik taraf
- 2 pemeliharaan dan pemuliharaan bangunan bersejarah menyebabkan semangat patriotisme dalam kalangan rakyat semakin meningkat – sebagai contohnya, rakyat akan berbangga apabila bangunan yang menjadi tempat Rundingan Baling, iaitu Sekolah Kebangsaan Tunku Putera di Baling dipulihara sehingga kini
- 3 pemeliharaan dan pemuliharaan bangunan bersejarah membolehkan negara ini menjadi hab pendidikan serantau – sebagai contohnya, pengkaji-pengkaji sejarah dan pelajar peringkat kedoktoran akan datang ke Malaysia untuk mengkaji bangunan tersebut dan sejarahnya
- 4 pemeliharaan dan pemuliharaan bangunan bersejarah menyedarkan rakyat tentang pengorbanan pemimpin dan masyarakat terdahulu – sebagai contohnya, kawasan Pasir Salak yang menjadi medan sejarah di Perak mengingatkan rakyat tentang pengorbanan Datuk Maharajalela dalam usaha untuk membunuh J.W.W Birch demi kemerdekaan
- 5 pemeliharaan dan pemuliharaan bangunan bersejarah penting agar program pengisian kemerdekaan dirancang dengan eloknya – episod penjajahan tidak berulang lagi – sebagai contohnya, bangunan yang dipulihara itu akan menyedarkan kita betapa susahnya jika dijajah oleh kuasa asing

Penutup

berdasarkan huraian tentang kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan bangunan bersejarah, jelaslah bahawa bangunan ini

perlu dijaga demi kebaikan bersama-sama – hilangnya bangunan bersejarah di sesuatu negara bermakna hilanglah evidens kehebatan sesebuah negara – ucapan terima kasih

Soalan 4

Rangka Karangan

Pendahuluan

alam sekitar merupakan segala benda hidup dan benda bukan hidup yang wujud secara semula jadi di permukaan bumi atau sebahagian daripadanya – alam sekitar juga boleh dinamakan flora dan fauna – manusia semakin menyedari kepentingan penjagaan alam sekitar sejak pelbagai pencemaran memenuhi bumi

Isi-isi Penting

- 1 pihak sekolah perlu menetapkan dasar bagi setiap guru supaya menyebut penjagaan alam sekitar kepada murid sebelum mulakan pengajaran di dalam kelas – melalui pendekatan ini, murid dapat merasakan bahawa dia perlu menjaga alam sekitar disebabkan semua guru memberi penekanan terhadap perkara ini
- 2 pihak sekolah perlu mengadakan program yang melambangkan penjagaan alam sekitar – program ini merupakan petunjuk kepada murid supaya mereka dapat menghayati kepentingan penjagaan alam sekitar – program seperti ini perlu dijadikan tradisi sekolah
- 3 setiap guru mata pelajaran perlu menggabunggalinkan isi pelajaran dengan alam sekitar – penerapan nilai penjagaan alam sekitar perludijadikan budaya dalam kalangan guru tanpa mengira subjek yang diajarkan di sekolah – dengan cara ini, murid akan menyedari kepentingan alam sekitar kepada semua pihak
- 4 persekitaran sekolah mestilah dihias dengan pelbagai jenis pokok – apabila murid melihat penjagaan pokok yang rapi oleh pihak sekolah, mereka juga akan bersemangat untuk mencintai pokok – pokok merupakan sebahagian daripada alam sekitar – berasa tenang apabila berada di persekitaran yang menghijau
- 5 larangan terhadap pembakaran terbuka oleh pihak sekolah perlu dikuatkuasakan – papan tanda berkaitan dengan perkara ini perlu dipaparkan – murid dapat membaca dan memahami keperluan tersebut – kaedah serampang dua mata ini sangat penting – murid sentiasa berada dalam situasi yang baik – mencintai alam sekitar yang bersih

Penutup

berdasarkan huraihan, jelaslah bahawa proses bagi membolehkan seseorang cinta akan alam sekitar bukanlah suatu proses yang mudah – proses ini mengambil masa yang lama dan perlu dilakukan secara konsisten – seruan agar bersama-sama menjaga alam sekitar – akan diwariskan kepada generasi yang akan datang

Soalan 5

Rangka Karangan

Pendahuluan

hobi merupakan suatu amalan yang menjadi kesukaan seseorang – biasanya dilakukan oleh seseorang secara konsisten – perkara lain daripada rutin kehidupan biasa – pelbagai jenis hobi yang dilakukan pada masa lapang – dalam bidang sukan – ada juga yang mempunyai hobi yang aneh seperti pengumpulan barang antik dan sebagainya

Isi-isi Penting

- 1 setiap orang perlu mempunyai hobi – melalui hobi yang sama, seseorang dapat menjalinkan silaturahim – sebagai contohnya, seseorang yang mempunyai hobi mengumpulkan barang antik akan sentiasa bertemu, berbincang, dan sama-sama mencari barang tersebut
- 2 setiap orang perlu mempunyai hobi – hobi menyebabkan masa seseorang tidak dibazirkan begitu sahaja – sebagai contohnya, seseorang yang mempunyai hobi menunggang kuda akan menghabiskan masa dengan banyaknya untuk melakukan hobi tersebut – mungkin tidak berpeluang untuk membuang masa dengan melepak tanpa tujuan
- 3 setiap orang perlu mempunyai hobi – melalui hobi, seseorang berpeluang untuk menjadi kaya – sebagai contohnya, seseorang yang berminat mengumpulkan komik lama berpeluang untuk menjual komik itu dengan harga yang tinggi pada masa hadapan
- 4 kemesraan dalam keluarga juga akan meningkat jika seseorang mempunyai hobi yang sama dalam institusi kekeluargaan – sebagai contohnya, sebuah keluarga yang mempunyai hobi menunggang motosikal besar akan menjalankan aktiviti berkaitan dengan motosikal besar bersama-sama – mengeratkan kasih sayang sesama anggota keluarga
- 5 perlu mempunyai hobi kerana melalui hobi, kita akan lebih fokus minda – sebagai contohnya, seseorang yang mempunyai hobi menyimpan rantai kunci akan membelek-belek rantai kunci itu dengan kerapnya – aktiviti ini akan meningkatkan daya fokus minda seseorang

Penutup

berdasarkan huraihan tentang keperluan seseorang mempunyai hobi, jelas bahawa hobi sangat bermanfaat – setiap orang sepatutnya mempunyai

hobi untuk pelbagai tujuan – apabila setiap orang mempunyai hobi, diharapkan pelbagai amalan buruk akan terhindar daripada diri kita

2 Karangan Dimensi Keluarga

Analisis Soalan

- (a) Kata Kunci: Bincangkan
- (b) Skop Soalan: Bakat bersukan
- (c) Kehendak Soalan: Membincangkan peranan ibu bapa untuk membentuk minat bersukan dalam diri anak-anak
- (d) Jenis Karangan: Perbincangan
- (e) Dimensi Karangan: Keluarga

Contoh Jawapan

pelbagai tujuan; peralatan sukan; menyihatkan tubuh badan; kepentingan komersial; menyemaikan minat; menyerapkan minat; setahun jagung; semangat kesukanan; menghilangkan minat; membimbing anak-anak; mencetuskan minat; meminati bidang sukan; pendidikan asas sukan; melihat kecenderungan; bergiat aktif; jangka panjang; bermain bola sepak; teknik permainan; mencambahkan minat; memberikan sokongan; sangat penting; berkait rapat; mengganggu emosi; mengalami kekalahan; memberikan dorongan; meminat sukan; suntikan semangat; melebarkan sayap; penyokong anak-anak; menzahirkan sokongan; paling ampuh; menyediakan keperluan sukan; meningkatkan keyakinan; sokongan ibu bapa; pemantau kegiatan sukan; perasaan sayang; meningkatkan minat; menguatkuasakan peraturan; peranan penguat kuasa; menjadi mangkin; sokongan moral; respons positif; membuat keputusan; mengharapkan sokongan

Praktis SPM 2

Soalan 1

Rangka Karangan

Pendahuluan

jiran ialah orang yang tinggal bersebelahan dengan rumah kita – ada jiran yang tinggal di depan dan di belakang rumah kita – jiran bagaikan adik-beradik kerana mereka ialah orang pertama yang akan menolong kita jika kita menghadapi kesusahan

Isi-isi Penting

- 1 bagi memupuk semangat kejiranan dalam diri anak-anak, ibu bapa hendaklah menunjukkan teladan yang baik dengan berbaik-baik dengan jiran di kawasan kediaman – anak-anak akan memerhatikan amalan ibu bapa ini – lama-kelamaan anak-anak akan memahami bahawa semangat kejiranan sangat penting untuk diamalkan
- 2 ibu bapa hendaklah berkata perkara yang baik-baik sahaja tentang jiran di hadapan anak-anak – anak-anak tidak melihat keburukan jiran – jiran mungkin melakukan kesilapan tetapi ibu bapa hendaklah menutup keaibahan jiran dengan sebaik-baiknya
- 3 ibu bapa hendaklah sentiasa mengundang jiran ke rumah sebagai tetamu dalam tempoh tertentu – semangat kejiranan terpupuk dalam diri anak-anak secara berterusan – apabila anak-anak melihat ibu bapa mereka sentiasa menyantuni jiran, amalan ini akan diteruskan oleh mereka apabila dewasa nanti
- 4 ibu bapa juga hendaklah mengambil bahagian dalam aktiviti kejiranan supaya dalam diri anak-anak sentiasa tersemai semangat kejiranan – ibu bapa mengajak anak-anak turut serta dalam aktiviti kejiranan – mereka dapat melihat keakraban hubungan masyarakat setempat
- 5 ibu bapa hendaklah mengamalkan sikap suka memberi sesuatu kepada jiran tetangga – jiwa anak-anak dapat disemaikan dengan semangat kejiranan – seseorang yang suka memberi akan bersih hatinya daripada perasaan dendki dan iri hati – seseorang yang bersih hatinya akan mengutamakan jiran – sikap ini perlu ditunjukkan kepada anak-anak

Penutup

peranan yang dimainkan oleh ibu bapa untuk menanamkan semangat kejiranan dalam diri anak-anak sangat besar maknanya – jika ibu bapa konsisten semasa mendidik anak-anak, mereka akan menjadi masyarakat yang hormat-menghormati sekurang-kurangnya dengan jiran mereka sendiri

Soalan 2

Pendahuluan

format rencana – Internet sudah sebatи dalam diri dan kehidupan masyarakat kini tanpa mengira usia – hanya sebahagian kecil kawasan yang tidak diliputi Internet di Malaysia – Internet melambangkan kemajuan sesebuah negara – penggunaan Internet dalam kalangan anak perlu dikawal

Isi-isi Penting

- 1 kaedah utama untuk mengawal penggunaan Internet dalam kalangan anak ialah ibu bapa perlu menunjukkan contoh dan teladan yang baik – ibu bapa sebagai suri teladan terbaik kepada anak-anak dalam pelbagai perkara dan tindakan – sebagai contohnya, jika ibu bapa tidak menggunakan Internet di meja

- makan, tentulah anak-anak juga mengamalkan perkara yang sama – jelaslah bahawa anak-anak akan mengikuti perlakuan ibu bapa, bak kata orang, bapa borek anak rintik
- 2 ibu bapa perlu mengadakan peraturan tentang penggunaan Internet – sebagai contohnya, ibu bapa mengenakan syarat penggunaan Internet setakat puluk 11.00 malam sahaja pada setiap hari – syarat dan peraturan ini dapat mengawal penggunaan Internet dalam kalangan anak – perlu tegas ketika mengimplementasikan peraturan ini
 - 3 anak-anak perlu diberi pendedahan tentang ilmu teknologi dan kemasyarakatan – mereka dapat menyeimbangkan penggunaan Internet dan sosialisasi – dengan adanya ilmu, mereka akan tahu tentang kepentingan bersosial dengan keluarga dan masyarakat, bukannya melayari Internet semata-mata
 - 4 anak-anak perlu diberi didikan agama yang mencukupi bagi mengawal penggunaan Internet – seseorang yang beragama akan dapat membahagikan masa dengan baiknya seperti masa untuk belajar, masa untuk beribadah, dan sebagainya – anak-anak tidaklah terlalu memberi tumpuan terhadap Internet semata-mata
 - 5 ibu bapa perlu mengadakan aktiviti kekeluargaan dengan lebih kerapnya – anak-anak dapat mengawal penggunaan Internet – penggunaan Internet dalam kalangan anak sebenarnya berpunca daripada perasaan bosan – dengan adanya aktiviti riang ria menyebabkan anak-anak berasa gembira – mereka akan dapat melupakan Internet buat seketika

Penutup

Internet merupakan perkara penting tetapi Internet bukanlah segalanya dalam kehidupan kita – ibu bapa dan anggota keluarga yang lain perlulah melihat perkara ini secara mendalam – mewujudkan suasana gembira dalam rumah tangga atau institusi kekeluargaan

Soalan 3

Rangka Karangan

Pendahuluan

semangat patriotik ialah perasaan cinta akan negara yang wujud dalam diri seseorang – semangat patriotik mampu mengawal diri seseorang daripada melakukan khianat dan kemusnahan terhadap negara dan masyarakat

Isi-isi Penting

- 1 ibu bapa hendaklah berperanan sebagai suri teladan dengan mengamalkan ciri-ciri rakyat yang cinta akan negara – sebagai contohnya, ibu bapa menepati masa ketika masuk kerja dan mengamalkan integriti dalam kerjaya – amalan ini merupakan manifestasi daripada perasaan cinta akan negara – menjadi ikutan anak-anak
- 2 selain bertindak sebagai suri teladan, ibu bapa juga perlu sentiasa bercakap tentang patriotism dengan anak-anak – sebagai contohnya, ibu bapa sentiasa menceritakan kisah sejarah serta perjuangan pemimpin dan rakyat untuk membebaskan negara daripada cengkaman penjajah – anak-anak akan sentiasa sayang akan negara
- 3 ibu bapa perlu menjelaskan definisi patriotism yang sebenar kepada anak-anak – patriotism bukan semata-mata berkaitan dengan pemasangan bendera – merupakan perasaan cinta akan negara – tidak sanggup melihat negara dan rakyat mengalami kerugian
- 4 ibu bapa hendaklah mengajak anak-anak agar memupuk perpaduan sesama masyarakat yang pelbagai bangsa – kemerdekaan negara bermula dengan perpaduan rakyat yang berbilang kaum – seseorang itu tidak boleh dikatakan mencintai negara jika tidak menjaga masalah masyarakat berbilang kaum di negara ini
- 5 peranan ibu bapa yang sangat penting ialah konsisten dalam tindakan berkaitan dengan patriotism – tidak mengamalkan semangat ini seperti hangat-hangat tahi ayam – sebagai contohnya, kadang-kadang ibu bapa menunjukkan amalan patriotik tetapi pada waktu yang lain, ibu bapa menunjukkan sikap malas di depan anak-anak dan sebagainya

Penutup

ibu bapa mempunyai tanggungjawab yang sangat besar – kemajuan dan kehebatan negara pada masa hadapan bergantung pada keupayaan ibu bapa memainkan peranan tersebut – jika anak-anak membesar tanpa semangat patriotik, dibimbangi akan menyebabkan negara hancur atau terjahat semula

Soalan 4

Rangka Karangan

Pendahuluan

karangan berformat – format ceramah – kata alu-aluan kepada hadirin mengikut protokol – menyatakan tajuk ceramah – menghuraikan maksud obesiti, iaitu kegemukan melampaui – berdasarkan rekod oleh Kementerian Kesihatan, lebih dua pertiga daripada penduduk Malaysia mengalami obesiti

Isi-isi Penting

- 1 sebagai ketua keluarga, bapa perlu merancang pemakanan keluarga – anak-anak terhindar daripada masalah obesiti – sebagai tuggak institusi kekeluargaan, bapa hendaklah menerangkan kepentingan penjagaan makanan sejak anak-anak masih kecil – barang makanan yang dibeli untuk dihidangkan kepada anak-anak juga mestilah makanan yang sihat dan mengenyangkan
- 2 ibu pula yang bertindak sebagai pembantu ketua keluarga perlu mempunyai ilmu pemakanan – masakannya sentiasa menjadi makanan yang menyihatkan anggota keluarga terutama anak-anak – ibu yang berilmu tidak akan menggunakan minyak yang terlalu banyak dalam masakan
- 3 ibu bapa perlu saling bekerjasama – menyediakan bajet yang secukupnya berkaitan dengan urusan pemakanan – dapat menyediakan makanan yang seimbang – kedua-dua insan yang paling penting dalam keluarga ini perlu memastikan anak-anak tidak makan di luar – mereka perlu menyediakan makanan di rumah pada setiap hari
- 4 abang dan kakak yang telah dewasa pula perlu menunjukkan contoh teladan gaya hidup sihat kepada adik-adik yang masih kecil – mereka perlu bersenam setiap minggu secara berkala – amalan ini akan menjadi ikutan adik-adik
- 5 anggota keluarga seperti bapa dan emak saudara juga berperanan untuk menghindarkan anak-anak daripada obesiti – memberi nasihat kepada mereka jika mereka mengambil makanan yang tidak bagus untuk kesihatan – sebagai contohnya, jika anak-anak membeli aiskrim dengan kuantiti yang banyak, anggota keluarga hendaklah memberi teguran dan nasihat

Penutup

berdasarkan huraihan tentang peranan keluarga bagi menghindarkan anak-anak daripada obesiti, jelaslah bahawa usaha sebegini perlu dilakukan secara konsisten dan bersungguh-sungguh – kanak-kanak yang tidak dikawal cara pemakanannya akan mengalami masalah obesiti yang berpanjangan – menjelaskan kesihatan mereka – ucapan terima kasih

Soalan 5

Pendahuluan

makanan ringan sememangnya menjadi kegemaran kanak-kanak – makanan ringan mudah diperoleh dan harganya juga murah – terdapat perisa tertentu dalam makanan ringan yang dapat menarik kesukaan anak-anak – anak-anak rela berlapar asalkan mereka dapat membeli makanan ringan

Isi-isi Penting

- 1 ibu bapa perlu memastikan tiada makanan ringan di dalam rumah – makanan yang dibeli dan diberikan kepada anak-anak mestilah makanan yang berkhasiat sahaja – anak-anak tidak perlu diajar tentang makanan ringan seperti keropok dan sebagainya
- 2 sebagai individu yang rapat dengan anak-anak, ibu bapa perlu memberitahu anak-anak tentang bahaya pengambilan makanan ringan – ibu boleh menunjukkan contoh gambar seseorang yang bergigi rongak disebabkan oleh pengambilan makanan ringan – melalui cara ini, anak-anak akan berasa takut dan menjauhi makanan ringan
- 3 bapa pula perlu bertanggungjawab untuk memberitahu anak-anak tentang kepentingan makan makanan yang baik untuk kesihatan – bapa sebagai ketua keluarga perlu memberi kefahaman kepada anak-anak tentang kepentingan sayur, daging, dan roti supaya anak-anak tidak tertarik lagi untuk mengambil makanan ringan
- 4 kakak dan abang sebagai golongan remaja hendaklah menunjukkan contoh teladan kepada adik-adik dengan tidak makan makanan ringan – jika kakak dan abang tidak makan makanan ringan, adik juga tidak terdorong untuk makan makanan ringan
- 5 anggota keluarga yang lain seperti sepupu rapat juga perlu komited – kanak-kanak yang berada di rumah tidak makan makanan ringan – jika mereka melihat kanak-kanak mengambil makanan ringan, mereka mestilah mengatakan sesuatu larangan dan pencegahan kepada kanak-kanak itu

Penutup

berdasarkan huraihan tentang komitmen anggota keluarga bagi mengatasi isu pengambilan makanan ringan dalam kalangan kanak-kanak, jelaslah bahawa komitmen anggota keluarga sangat bermakna dalam hal ini – perlu bersungguh-sungguh ketika mendidik anak-anak – sangat memerlukan bimbingan secara berterusan

3 Karangan Dimensi Masyarakat/Negara

Analisis Soalan

- (a) Kata Kunci: Huraikan
- (b) Skop Soalan: Masalah pencemaran alam sekitar
- (c) Kehendak Soalan: Menghuraikan peranan masyarakat untuk mengatasi masalah pencemaran alam sekitar
- (d) Jenis Karangan: Fakta
- (e) Dimensi Karangan: Masyarakat/Negara

Pelan Induk Mengarang (PELINDUNG)

Pendahuluan

permukaan; lautan; membimbangkan; pencemaran

Isi Utama 1: pencinta

Huraian: bumi; kasih; sensitif; kebobrokan

Contoh: sungai; bersih; mengalir; alam sekitar

Isi Utama 2: murabbi

Huraian: mendidik; alam; cakna

Contoh: ilmu; akhlak; alam sekitar

Isi Utama 3: pemimpin; teladan

Huraian: wadah; bersuara; mementingkan

Contoh: bertemu; pencemaran; inti pati

Isi Utama 4: penyebar; bahaya

Huraian: panjang; murni; kebersihan; pencemaran

Contoh: mengajar; guru; mata pelajaran

Isi Utama 5

Huraian: berpengaruh; slot; mesej; ilustrasi

Contoh: alam sekitar; televisyen

Penutup

masyarakat; kolaboratif; diselaraskan; positif; padang; kemelut

Praktis SPM 3

Soalan 1

Rangka Karangan

Pendahuluan

format rencana – “budi bahasa budaya kita” merupakan slogan yang paling popular di negara ini apabila kita memperkatakan perihal gaya hidup masyarakat – di sesebuah negara yang masyarakatnya berbilang kaum seperti di Malaysia, budi bahasa yang diamalkan oleh masyarakatnya akan mencerminkan akal budi dan akhlak individu

Isi-isi Penting

- 1 insan terpenting yang memainkan peranan untuk melahirkan masyarakat yang berbudi bahasa tentulah ibu bapa – mereka perlu memainkan peranan sebagai pengasuh yang memberi tunjuk ajar dan mengasuh anak-anak supaya berakhhlak mulia – anak-anak sentiasa mempunyai keperibadian yang baik
- 2 guru-guru pula merupakan pihak kedua yang berperanan untuk mendidik murid-murid sekolah – generasi muda yang dididik dengan nilai-nilai berbudi bahasa akan menjadi masyarakat yang berbudi bahasa – pelbagai pendekatan digunakan sama ada di dalam kelas atau di luar kelas bagi memastikan murid berbudi bahasa
- 3 pemimpin-pemimpin agama juga berperanan untuk membentuk masyarakat supaya berbudi bahasa – imam dan guru-guru agama perlu menjalankan dakwah secara istiqamah – ketataan dan kepuhan terhadap setiap perintah agama akan mewujudkan masyarakat yang berbudi bahasa
- 4 pertubuhan-pertubuhan belia juga berperanan untuk melahirkan masyarakat yang berbudi bahasa – perlu menjalankan aktiviti kemasyarakatan yang menjurus ke arah itu – sebagai contohnya, pertubuhan belia boleh mengajurkan aktiviti di rumah orang tua-tua – golongan belia dapat belajar untuk berbudi bahasa dengan orang yang lebih tua daripada mereka
- 5 rakan taulan juga mempunyai peranan – mereka perlu menunjukkan teladan yang baik dalam usaha untuk melahirkan masyarakat yang berbudi bahasa – jika semua orang menunjukkan contoh yang baik, rakannya juga akan mengikut jejak langkahnya – lama-kelamaan semua orang akan berbudi bahasa

Penutup

berdasarkan huraian tersebut, jelaslah bahawa semua pihak mempunyai tanggungjawab dalam usaha untuk melahirkan masyarakat yang berbudi bahasa – budaya tegur-menegur dengan sopannya dalam kalangan masyarakat perlu diteruskan – semua pihak perlu menerima budaya berbudi bahasa dengan baiknya

Soalan 2

Rangka Karangan

Pendahuluan

kad kredit ialah sejenis kad pembayaran yang dikeluarkan kepada pengguna – membolehkan mereka membayar bil ketika urusan pembelian barang atau perkhidmatan – kad kredit sebenarnya menggabungkan perkhidmatan pembayaran dengan sambungan kredit

Isi-isi Penting

- 1 impak negatif – penggunaan kad kredit secara berleluasa menyebabkan banyak rakyat Malaysia muflis – penggunaan kad kredit menggalakkan mereka berbelanja mengikut nafsu – tidak mengambil kira barang yang dibeli – keperluan atau kehendak – menyebabkan mereka terjebak dengan hutang yang banyak

- 2 impak negatif – penggunaan kad kredit secara berleluasa oleh ketua keluarga juga menyebabkan institusi kekeluargaan goyah – menyebabkan ketenteraman rumah tangga terjejas – ketenteraman tergugat apabila pemungut hutang datang untuk menuntut hutang di rumah tanpa henti – keselamatan anggota keluarga terancam
- 3 impak negatif – penggunaan kad kredit secara berleluasa menyebabkan hilangnya ketenteraman jiwa seseorang – seseorang yang berhutang akan sentiasa resah dan gelisah – keadaan ini boleh menyebabkan prestasi kehidupan terganggu – hilang tumpuan terhadap pekerjaan
- 4 impak positif – penggunaan kad kredit secara berleluasa mendatangkan impak positif dari segi pengurusan wang – pengguna yang bijak akan menentukan garis panduan penggunaan kad kredit – menggunakan kad kredit berdasarkan had tersebut sahaja dalam sebulan
- 5 impak positif – penggunaan kad kredit secara berleluasa memudahkan masyarakat ketika kecemasan – seseorang yang ditimpa musibah boleh menggunakan kad kredit untuk memudahkan urusan kecemasan – tidak perlu menyusahkan pihak lain

Penutup

banyak implikasi baik dan buruk penggunaan kad kredit – penggunaan kad tersebut secara berleluasa telah menukar gaya hidup masyarakat – masyarakat yang hebat ialah masyarakat yang mampu mengawal nafsu – tidak menggunakan kad kredit tanpa kawalan

Soalan 3

Rangka Karangan

Pendahuluan

generasi berwawasan ialah generasi yang cemerlang dari segi akhlak, kemahiran, dan ilmu – generasi yang baik ini sebenarnya lahir daripada kejayaan Falsafah Pendidikan Kebangsaan – generasi harapan masyarakat untuk mencorakkan masa hadapan negara

Isi-isi Penting

- 1 dengan adanya generasi berwawasan, masa hadapan negara akan lebih cerah – generasi bijak pandai ini akan merancang wawasan negara dalam tempoh yang panjang – sentiasa berfikiran terbuka dan berpandangan jauh
- 2 generasi berwawasan ialah generasi yang mempunyai perasaan cinta akan negara yang menebal – perasaan yang dipupuk sejak di bangku sekolah ini akan menjadikan mereka sebagai pemimpin negara yang berintegriti – sentiasa bersemangat untuk berbakti kepada masyarakat dan negara
- 3 generasi berwawasan ialah generasi yang berakhhlak mulia – manrik kedatangan pelabur asing ke negara ini – pelabur asing tentulah akan meyakini daya kepemimpinan barisan pemimpin atau pegawai yang berakhhlak – akan menguntungkan negara untuk jangka masa yang panjang
- 4 generasi berwawasan akan menjadi citra negara – menaikkan imej negara pada pandangan mata dunia – citra negara bermaksud lambang kehebatan peribadi – sebagai contohnya, keperibadian masyarakat Jepun sangat dihargai – mereka sanggup mengutip setiap sampah yang dilihat oleh mereka walaupun ketika mereka berada di negara lain
- 5 generasi berwawasan sangat mementingkan pendidikan – akan meletakkan sistem pendidikan negara di tempat yang tinggi – apabila sesebuah negara mementingkan pendidikan dalam kalangan rakyatnya, negara tersebut akan terus berjaya – mara ke hadapan

Penutup

berdasarkan huraian tentang faedah yang diperoleh daripada generasi berwawasan, ternyata bahawa generasi seperti ini perlu dilahirkan secara konsisten – pada bahu mereka diletakkan harapan – negara mendapat manfaat yang maksimum

Soalan 4

Rangka Karangan

Pendahuluan

siswazah merupakan pelajar institusi pengajian tinggi yang telah berjaya menamatkan pengajian dan mendapat ijazah – gelaran siswazah menjadi idaman semua pelajar – sejak akhir-akhir ini, siswazah gagal mendapatkan pekerjaan – pengangguran siswazah – amat merugikan

Isi-isi Penting

- 1 pendapat pihak tertentu – pendapat bahawa pengangguran siswazah berpuncanya daripada sikap siswazah yang terlalu memilih pekerjaan adalah benar – mereka tidak mahu berkecimpung dalam kerjaya 3D – kerja 3D merujuk pekerjaan yang bahaya, kotor, dan sukar
- 2 sikap siswazah yang terlalu memilih pekerjaan – menyebabkan mereka terus menganggur – mereka tidak mahu mencari pengalaman melalui pekerjaan yang bergaji rendah – sikap mereka yang mahu terus mendapat gaji yang lumayan menyebabkan tiada majikan yang mahu menggunakan atau mengupah khidmat mereka

- 3 siswazah juga terlalu memilih pekerjaan – mereka tidak mahu bekerja dalam bidang yang tiada kaitan dengan bidang pengajian mereka – menyebabkan mereka terus menganggur – sikap mereka telah menutup peluang mereka sendiri untuk menimba pengalaman
- 4 selain sikap siswazah tersebut, sikap majikan yang mementingkan pengalaman seseorang menyebabkan siswazah yang tidak berpengalaman terus terpinggir – siswazah yang berilmu terus menganggur kerana sikap majikan yang sedemikian
- 5 gaji yang terlalu rendah menyebabkan siswazah sanggup untuk terus menganggur – mereka bukan memilih pekerjaan – ketidakendahan masyarakat terhadap keupayaan ilmu menyebabkan mereka berasa kecewa – lebih rela menganggur daripada menerima pekerjaan yang bergaji rendah

Penutup

isu pengangguran dalam kalangan siswazah sebenarnya bukanlah berpuncak daripada sikap mereka yang suka memilih kerja semata-mata – terdapat banyak faktor lain yang menyebabkan isu ini terjadi

Soalan 5

Rangka Karangan

Pendahuluan

pelancongan merupakan sumber pendapatan kedua tertinggi selepas petroleum – pelancongan merujuk kedatangan warganegara lain ke negara ini atau aktiviti riadah yang dilakukan oleh warganegara Malaysia sendiri

Isi-isi Penting

- 1 Malaysia merupakan negara yang aman damai walaupun rakyatnya berbilang bangsa – menyebabkan negara ini menjadi destinasi pelancongan yang menarik – kelebihan ini membolehkan pelancong asing berasa selamat ketika berada di sini
- 2 masyarakat Malaysia ramah-tamah dan suka membantu – merupakan kelebihan bagi menarik kedatangan pelancong ke negara ini – kelebihan ini menyebabkan pelancong asing dan pelancong tempatan berasa selesa dan selamat – dilayan dalam suasana yang sangat mesra
- 3 sikap para pengusaha destinasi pelancongan dan para peniaga yang baik memikat pelancong – tidak mengambil kesempatan terhadap pelancong – menjadi kelebihan industri pelancongan di negara ini – kelebihan ini membolehkan pelancong dapat menetapkan bajet tanpa berasa risau
- 4 Malaysia mempunyai kelebihan dari segi struktur muka bumi – sesuatu yang istimewa dan jarang terdapat di negara lain – menarik kedatangan pelancong – terdapat kawasan gunung-ganang, pantai, dan air terjun – pelancong boleh memilih untuk melancong di kawasan yang diminati mereka
- 5 kelebihan yang sangat penting dalam industri pelancongan di negara ini ialah kerajaan yang sangat memahami kehendak pelancong – pelbagai usaha dilakukan untuk memberikan keselesaan kepada pelancong – menaik taraf pelbagai kemudahan untuk industri ini – penginapan, pengangkutan, dan sebagainya

Penutup

Malaysia menyajikan pelbagai kelebihan dalam usaha untuk menarik kemasukan pelancong ke negara ini – seluruh rakyat perlu bekerjasama untuk mengekalkan kelebihan yang ada – menjaga aset-aset yang sangat penting untuk industri pelancongan, iaitu keindahan alam semula jadi

4 Karangan Dimensi Antarabangsa

Contoh Soalan

Analisis Soalan

- (a) Kata Kunci: Huraikan
- (b) Skop Soalan: Pemerdagangan manusia
- (c) Kehendak Soalan: Menghuraikan kerjasama yang dapat dilakukan oleh Malaysia dengan negara-negara jiran untuk menangani masalah tersebut
- (d) Jenis Karangan: Fakta
- (e) Dimensi Karangan: Antarabangsa

Contoh Jawapan

Pendahuluan

- Pemerdagangan manusia merupakan isu yang melanda negara-negara membangun.
- Pelbagai usaha perlu dilakukan oleh Malaysia dan negara-negara jiran untuk mengatasi masalah ini.

Isi Utama 1

- Kerjasama utama yang perlu dilakukan oleh Malaysia bagi mengatasi masalah pemerdagangan manusia ialah perkongsian ilmu.
- Singapura menjadi pilihan kerana negara ini paling sedikit menghadapi masalah pemerdagangan manusia.

Isi Utama 2

- Selain perkongsian ilmu, Malaysia juga boleh menjalinkan kerjasama

dengan negara jiran dari aspek pengalaman.

- Oleh itu, perkongsian pengalaman dengan Thailand merupakan metode terbaik untuk mengatasi masalah ini.

Isi Utama 3

- Bagi mengatasi masalah pemerdagangan manusia juga, Malaysia dan negara jiran perlu mengetatkan kawalan di pintu keluar dan di pintu masuk negara masing-masing.
- Kedua-dua negara serumpun ini perlu lebih telus semasa menjaga pintu keluar dan pintu masuk serta kemasukan imigran, di samping membuat laporan secara berkala.

Isi Utama 4

- Kerjasama dengan negara jiran dari aspek pendidikan moral juga dapat menjadi dinding bagi mengelakkan pemerdagangan manusia.
- Pendidikan moral juga akan menjadikan seseorang tidak mudah tergoda oleh tawaran lumayan daripada pihak lain.

Isi Utama 5

- Peluang pekerjaan yang mencukupi dapat mengelakkan sindiket pemerdagangan manusia daripada mengeksplorasi rakyat di sesebuah negara.
- Oleh itu, kerjasama dalam penyediaan peluang pekerjaan perlulah diperlakukan supaya masalah pemerdagangan manusia dapat diselesaikan.

Penutup

- Lataran itu, semua negara perlu melihat permasalahan ini secara global.
- Masyarakat berharap supaya rantau ini bersih daripada pemerdagangan manusia.

Praktis SPM 4

Soalan 1

Rangka Karangan

Pendahuluan

format rencana – masyarakat di seluruh dunia memandang tinggi terhadap negara yang tampil dengan imej baik dan positif – penampilan imej negara yang baik dan positif ini akan menguntungkan negara tersebut dalam pelbagai aspek

Isi-isi Penting

- 1 meningkatkan ekonomi negara melalui pelaburan asing – negara yang berimej baik dapat menarik minat pelabur – kedudukan ekonomi dan politiknya stabil – ekonomi yang baik – pelbagai sumber alam dan kemudahan asas diurus dengan sempurna
- 2 terkenal apabila terpilih untuk menjadi tuan rumah – pelbagai aktiviti di peringkat antarabangsa – sukan Komanwel, persidangan, dan pameran perkhidmatan pertahanan Asia – semua acara dapat berlangsung dengan selamatnya
- 3 mempunyai hubungan diplomatik yang baik dengan negara-negara lain – membuka ruang yang banyak untuk dikenali dalam pelbagai bidang – pelancongan kesihatan dan pendidikan – meningkatkan ekonomi negara itu sendiri
- 4 memudahkan rakyatnya berurusan di peringkat antarabangsa – melancong, belajar atau bekerja – banyak rakyat Malaysia membuka perniagaan di negara luar – membuka mata penduduk dunia terhadap keistimewaan negara terbabit
- 5 meminta bantuan atau menyalurkan bantuan dapat dilakukan dengan mudahnya – membenarkan ruang angkasa mereka digunakan untuk tujuan memindahkan rakyatnya yang berada di negara yang bergolak

Penutup

imej baik dan positif oleh negara dan rakyatnya perlu dikekalkan – suara pemimpin mesti didengar – pandangannya dihormati oleh rakyat – ular yang menyusur akar tidak akan hilang bisanya – menjamin kerjasama yang berpanjangan dengan semua negara di dunia

Soalan 2

Rangka Karangan

Pendahuluan

pelaburan merupakan elemen penting untuk menentukan pertumbuhan ekonomi yang berterusan bagi sesebuah negara – kemasukan pelaburan asing amat penting kepada sesebuah negara yang sedang membangun terutamanya Malaysia

Isi-isi Penting

- 1 faktor utama yang menggalakkan kedatangan pelabur asing ke sesebuah negara ialah faktor kestabilan politik – sangat penting kepada negara tersebut sebelum membuat keputusan untuk melabur di negara lain – tanpa kestabilan politik, pelabur tidak akan berani untuk membuat pelaburan
- 2 sumber tenaga kerja yang banyak turut menggalakkan kedatangan pelabur asing ke negara kita – tenaga kerja yang banyak menjadikan kos pengeluaran lebih rendah – tidak menghadapi masalah kekurangan tenaga pekerja yang boleh menjelaskan produktiviti

- 3 penyediaan infrastruktur yang lengkap – infrastruktur seperti sistem jalan raya, sistem pengangkutan, pelabuhan, lapangan terbang, dan jaringan komunikasi sebagai prasyarat dan perkara yang sangat penting kepada pelabur asing – memudahkan urusan pelaburan
- 4 faktor bebas cukai turut menggalakkan pelaburan asing ke negara kita – pengecualian cukai kepada pelabur asing dalam usaha menggalakkan mereka terus di sini – tidak mendatangkan beban kepada mereka – kedatangan mereka lebih diperlukan untuk menjana ekonomi negara
- 5 faktor kestabilan ekonomi sebagai daya penarik kedatangan pelabur asing ke sebuah negara termasuk Malaysia – mencari negara yang mempunyai ekonomi yang stabil bagi meluaskan perniagaan mereka – tidak menghadapi konflik yang dapat menjelaskan kepentingan mereka

Penutup

jelaslah bahawa pihak pentadbiran kerajaan sebuah negara memainkan peranan yang sangat penting untuk menggalakkan pelaburan asing ke negara mereka – pelaburan asing di negara kita akan meningkat jika Malaysia menyediakan suasana yang kondusif – menjamin keselamatan pelaburan mereka

Soalan 3

Rangka Karangan

Pendahuluan

kerjasama antara negara di dunia dalam bidang pendidikan – dapat memastabatkan pelbagai cabang ilmu yang berguna untuk kehidupan manusia – menyejahterakan kehidupan masyarakat sejagat – kehidupan menjadi lebih mudah dan selesa

Isi-isi Penting

- 1 pertukaran murid pada peringkat sekolah – mendidik anak bangsa untuk mengenali serta memahami budaya dan adat resam masyarakat luar – merapatkan hubungan supaya dapat hidup dengan sejahtera – mengurangkan sikap prejedis
- 2 pengambilan profesor luar secara kontrak untuk mengajar para pelajar di institusi pengajian tinggi – berkongsi ilmu pengetahuan, kaedah pembelajaran, dan pengajaran – meningkatkan kualiti pendidikan di negara masing-masing
- 3 kerjasama antara universiti tempatan dengan universiti di luar negara – program berkembar pada peringkat ijazah – mengurangkan kos pendidikan yang terpaksa ditanggung oleh rakyat – melahirkan generasi yang berdaya saing dan berfikiran terbuka
- 4 kalender pembelajaran universiti tempatan selaras dengan kalender universiti luar negara – memudahkan hubungan dan kerjasama antara penuntut universiti dari pelbagai negara – memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran
- 5 peluang untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara – dalam bidang kritikal – kursus tersebut tiada di universiti tempatan – contohnya, kursus dalam bidang teknologi aeroangkasa untuk kepentingan kehidupan di bumi

Penutup

kesimpulannya, bidang pendidikan dapat menyejahterakan kehidupan masyarakat sejagat – sains dan teknologi menghasilkan pelbagai produk untuk kesejahteraan masyarakat sejagat – memberikan kehidupan yang selesa untuk jangka masa panjang

Soalan 4

Rangka Karangan

Pendahuluan

Hari Bumi diisytiharkan pada 22 April setiap tahun – semua manusia akan menghargai kepentingan bumi dalam kehidupan – bumi yang dikongsi bersama-sama oleh semua manusia – usaha-usaha yang perlu dilakukan oleh negara di dunia untuk menyelamatkan bumi

Isi-isi Penting

- 1 mengelakkan pembakaran secara terbuka – bumi yang mengandungi pelbagai sumber makanan untuk semua makhluk di atas bumi dapat diselamatkan – habitat flora dan fauna yang musnah akan mewujudkan krisis makanan
- 2 mewujudkan pembangunan yang terancang dengan memperluas konsep bandar dalam taman – menjamin keseimbangan alam dan ekosistem – mengekalkan warisan alam semula jadi – dari satu generasi ke satu generasi yang lain
- 3 meminimumkan pencemaran dengan mengurangkan jumlah kenderaan berenjin dan kilang – mengelakkan berlakunya pemanasan global – apabila kenderaan dan kilang menipiskan lapisan ozon – kesan buruk terhadap semua isi alam
- 4 memastikan pembalakan dan penghutanan semula berlaku seiring – dapat mewujudkan keseimbangan antara kadar penebangan hutan dengan kadar pertumbuhan hutan – mengekalkan khazanah hutan
- 5 melestarikan alam sekitar melalui penguatkuasaan, program kesedaran, dan pendidikan kepada seluruh masyarakat dunia – segala usaha perlu diperkuuh melalui kerjasama yang erat dan sokongan daripada semua warga dunia

Penutup

kesimpulannya, keselamatan bumi perlu diutamakan oleh semua negara di dunia ini – bumi ialah tempat tinggal semua penduduk dunia – tiada planet lain yang sesuai untuk menggantikannya – sekiranya bumi musnah, kehidupan semua makhluknya turut musnah

Soalan 5

Rangka Karangan

Pendahuluan

sindiket terancang jenayah antarabangsa – memperalatkan warga tempatan untuk melakukan jenayah hingga ke beberapa buah negara lain – bersatu dengan pernyataan tersebut – pelbagai punca dikenal pasti berkaitan dengan permasalahan ini

Isi-isi Penting

- 1 sikap materialistik – tawaran kerja mudah bergaji lumayan – menarik minat golongan pencari kerja – menawarkan kerja di luar negara – sebaik-baik tiba di sana, mereka dikurung dan dipaksa untuk menghantar dadah ke beberapa buah negara lain
- 2 penyalahgunaan teknologi maklumat – menggunakan e-mel palsu, menyiaran iklan melalui Internet, dan khidmat pesanan ringkas – memperdaya orang ramai melalui hubungan baik dengan menawarkan pelbagai janji dan manfaat
- 3 mudah terperdaya – ditawarkan perjalanan percutian ke luar negara secara percuma ataupun membawa barang bagi pihak ketiga – mengetahui bahan larangan itu disembunyikan oleh anggota sindiket setelah ditahan oleh pihak berkuasa
- 4 kurang berhati-hati – tergesa-gesa menerima tawaran kerja sebelum menentukan status dan memeriksa latar belakang majikan – langkah berjaga-jaga penting untuk mengelakkan diri daripada terperdaya oleh pelbagai taktik sindiket ini
- 5 kurang kerjasama – tidak melaporkan sesuatu tawaran kerja yang diragui kesahihannya kepada pihak yang berkuasa – menggunakan kecanggihan teknologi maklumat dan konsep dunia tanpa sempadan untuk kesejahteraan masyarakat

Penutup

keterlibatan dalam sindiket sebegini akan mencemarkan nama dan imej sebuah negara – menyukarkan rakyat lain di negara-negara yang terbabit yang mahu membuat perjalanan atas pelbagai urusan ke luar negara – bak kata pepatah, “kerana nila setitik, rosak susu sebelanga”

5 Karangan Dimensi Sastera

Analisis Soalan

- (a) Kata Kunci: Bincangkan
- (b) Skop Soalan: Kedudukan bahasa Melayu
- (c) Hendak Soalan: Membincangkan usaha-usaha untuk menjadikan bahasa Melayu kembali hebat di persada dunia
- (d) Jenis Karangan: Perbincangan
- (e) Dimensi Karangan: Sastera

Contoh Jawapan

Pendahuluan

- Bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi negara kita, Malaysia. Latar itu, rakyat Malaysia mestilah menggunakan bahasa Melayu dalam majlis rasmi kerajaan.

Isi Utama 1

- Cara untuk menghebatkan bahasa Melayu di persada dunia adalah dengan memperhebat bangsa Melayu itu sendiri.
- Jelasnya, bangsa Melayu perlu menjadi hebat supaya bahasa Melayu hebat juga.

Isi Utama 2

- Bahasa Melayu akan kembali hebat jika pihak berwajib menggunakan wadah perfileman untuk menyebarkan bahasa tersebut.

Isi Utama 3

- Selain itu, institusi pengajian tinggi boleh memperhebat bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa dengan menggalakkan pelajar luar negara mempelajari bahasa tersebut.

Isi Utama 4

- Seterusnya, Dewan Bahasa dan Pustaka boleh melobi supaya kursus bahasa Melayu dijadikan pilihan pelajar universiti luar negara bagi memperkasakan bahasa Melayu di persada dunia.

Isi Utama 5

- Langkah yang tidak kurang pentingnya untuk menghebatkan bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa ialah pemimpin negara perlu menggunakan bahasa tersebut dalam majlis rasmi ketika berucap di luar negara.

Penutup

Sebagaimana kesimpulannya, perancangan strategik jangka panjang hendaklah dijadikan wahana untuk membolehkan bahasa kita hebat seantero dunia.

Praktis SPM 5

Soalan 1

Rangka Karangan

Pendahuluan

menyatakan maksud pantun peribahasa tersebut – orang yang setaraf akan bergaul sesama sendiri dan tidak akan bercampur gaul dengan golongan lain – perbezaan status dan darjah dalam kalangan mereka akan menghalang sesuatu perhubungan

Isi-isi Penting

- 1 pantun peribahasa ini dicipta berdasarkan keinginan anak orang kaya atau berpangkat untuk melamar anak orang miskin – tindakan itu pula mendapat tentangan daripada keluarga – mementingkan kedudukan dan pangkat
- 2 masyarakat dahulu mementingkan persamaan taraf – ketika mencari jodoh atau pasangan untuk anak-anak mereka – mementingkan pandangan masyarakat terhadap keluarga – berkawan dengan orang yang berbeza status dianggap memalukan
- 3 tidak sesuai digunakan pada zaman yang sudah maju ini – masyarakat kini meningkatkan taraf hidup dengan berusaha keras – banyak usahawan yang berjaya pada hari ini berasal daripada keluarga yang susah atau sederhana
- 4 setiap orang mempunyai peluang yang sama untuk memajukan diri – paling penting perlu mempunyai ilmu pengetahuan – berusaha dengan gigih dan bijaknya untuk mencari peluang – menggunakan peluang dan kesempatan yang ada dengan sebaik-baiknya
- 5 kekayaan pada hari ini tidak lagi berasaskan status kelahiran seseorang – jika seseorang itu tidak bijak mengurus wang atau boros berbelanja – orang yang kaya-raya pun boleh menjadi miskin dan papa kedana dalam sekelip mata

Penutup

sesetengah peribahasa yang dicipta pada zaman dahulu sudah tidak relevan digunakan pada masa ini – sikap masyarakat sekarang tidak sama dengan masyarakat dahulu – sebagai hamba-Nya, setiap manusia di muka bumi ini sama sahaja di sisi Tuhan

Soalan 2

Rangka Karangan

Pendahuluan

membaca novel merupakan hobi utama – menjadikan novel sebagai teman setia – membaca sebuah novel yang sangat menarik dan memberikan kesan

Isi-isi Penting

- 1 kulit novel ini sahaja sudah cukup untuk membuatkan terpanggil membeli novel ini – ilustrasi yang berlatarbelakangkan sawah padi yang kekuningan amat menarik – mendamaikan jiwa tatkala menatapnya
- 2 sangat suka akan penulis novel ini – Sasterawan Negara yang ulung dan disegani di negara kita – Shahnon Ahmad ialah penulis yang sangat teliti ketika berkarya
- 3 mengisahkan sebuah keluarga yang baru mendapat pendedahan hidup di bandar – anak mereka yang bekerja di bandar mengalami transformasi
- 4 kisah yang dipaparkan melalui novel ini merupakan sindiran kepada masyarakat – beransur-ansur mengalami perubahan apabila anak mereka yang bertugas di bandar menghadiahinya sebuah televisyen
- 5 pengolahan yang dilakukan oleh penulis sangat jelas – mudah difahami dan dihayati oleh pembaca – pembaca seolah-olah sedang menonton drama pentas

Penutup

novel ini wajar dimiliki oleh semua peminat novel – penulisnya telah diiktiraf pada peringkat antarabangsa – cerita yang dihidangkan amat sesuai dijadikan renungan bersama

Soalan 3

Rangka Karangan

Pendahuluan

cogan kata “usaha tangga kejayaan” bermaksud mengerjakan sesuatu dengan bersungguh-sungguh hingga mencapai matlamat yang diharapkan – sesuai dengan kisah Hasnul, seorang ketua pengawas di sebuah sekolah menengah

Isi-isi Penting

- 1 menerima jawatan sebagai ketua pengawas dalam keadaan berbelah bahagi – masalah disiplin dalam kalangan murid yang agak serius – bukan suatu tugas yang mudah
- 2 mengadakan mesyuarat dengan semua pengawas – memberikan kata-kata semangat agar melaksanakan tanggungjawab dengan baiknya – yakin akan dapat mengatasi permasalahan disiplin
- 3 mendapat kerjasama daripada guru-guru terutama guru disiplin – bekerjasama dengan Kelab Kaunseling untuk mendekati murid yang sering terlibat dengan masalah disiplin
- 4 mewujudkan suasana yang ceria, selesa, dan selamat di sekolah – mendorong semua murid berasa gembira untuk datang

ke sekolah – berasa seronok ketika mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran

- 5 mengadakan Kempen Sayangi Sekolah Kita – mendorong semua murid sayang akan sekolah – semua murid semakin bersemangat untuk menjaga keselamatan sekolah – masalah disiplin semakin berkurang

Penutup

bersyukur dan berasa sungguh gembira kerana usaha gigih untuk menangani permasalahan disiplin dalam kalangan murid telah membawa hasil

Soalan 4

Rangka Karangan

Pendahuluan

kemunculan penulis-penulis muda dalam dunia sastera kita pada hari ini – membantu perkembangan dunia sastera tanah air yang suram – cara-cara golongan ini untuk mempengaruhi hala tuju kesusasteraan Melayu negara

Isi-isi Penting

- 1 memeriahkan suasana dalam bidang sastera – semakin banyak penulis muda melibatkan diri – kelahiran mereka menarik minat untuk berkarya terutamanya dalam penulisan cerpen dan novel – lebih memahami jiwa khalayak pembaca
- 2 menjalankan pelbagai usaha untuk memperkenalkan dunia sastera kita ke peringkat yang lebih tinggi – idea-idea mereka yang bernesir dengan perkembangan teknologi pada masa ini
- 3 mengadakan pelbagai aktiviti sastera seperti persembahan teater dan mendeklamasi puisi – menggunakan media sosial untuk menarik lebih banyak golongan muda untuk turut sama meminati bidang sastera – mudah dan efisien
- 4 mempertingkatkan pengetahuan dalam bidang sastera melalui pembacaan – golongan muda melakukan pelbagai kajian dan rujukan – menterjemahkannya melalui karya-karya sastera – menghasilkan karya yang memenuhi kehendak generasi muda
- 5 menaikkan imej bidang sastera pada pandangan mata masyarakat – pelibatan golongan profesional dalam bidang ini semakin meningkat – tidak sepenuh masa tetapi menjadi permulaan yang baik – mempelbagaikan hasil karya sastera

Penutup

kesimpulannya, masa hadapan dunia sastera kita banyak bergantung kepada generasi muda pada masa ini – mereka perlu memainkan peranan yang penting – menentukan hala tuju sastera negara pada pandangan mata masyarakat dunia

Soalan 5

Rangka Karangan

Pendahuluan

kerja sebagai penulis semakin diminati oleh pelbagai lapisan masyarakat – kerja dalam bidang penulisan menjanjikan pulangan yang lumayan – terdapat pelbagai genre yang boleh dipilih oleh sesiapa sahaja yang berminat untuk menjadi penulis

Isi-isi Penting

- 1 penulis yang berjaya perlu mempunyai ciri-ciri yang tertentu – perlu rajin membaca pelbagai jenis bahan bacaan – melalui pembacaan, mereka akan mendapat ilham untuk menulis – pembacaan mestilah mencakupi pelbagai bidang – meluaskan pemikiran dan ilmu pengetahuan penulis
- 2 seorang penulis yang berjaya perlu mempunyai minat yang mendalam dalam bidang penulisan – menguasai teknik penulisan yang baik dan berkualiti – menjadikan kejayaan penulis-penulis yang tersohor dalam genre masing-masing sebagai sumber inspirasi
- 3 seseorang penulis mestilah memiliki sifat tabah dan cekal – tidak mudah berputus asa apabila menghadapi kesulitan dalam penulisan karya – cekal semasa menghasilkan bahan penulisan sehingga karya diiktiraf – ketabahan akan mendatangkan kejayaan
- 4 seseorang penulis yang baik perlu kreatif dan berdaya saing serta mempunyai motivasi yang tinggi – kekreatifan semasa menghasilkan pelbagai karya dapat memikat hati pembaca – karyanya akan sentiasa dicari dan dinanti-nantikan oleh khalayak pembaca – mempunyai peminat setia
- 5 prihatin dengan situasi semasa yang berlaku di sekelilingnya – harus mendampingi masyarakat – kehidupan masyarakat menjadi sumber inspirasi dan ilham untuk menghasilkan penulisan – sentiasa mempunyai idea yang baik untuk menulis – hasil penulisan memberikan manfaat kepada pelbagai pihak

Penutup

jelaslah bahawa pelbagai sifat dan sikap positif perlu ada dalam diri seseorang yang membina impian untuk menjadi penulis yang berjaya – dimiliki secara semula jadi atau dipelajari dari semasa ke semasa melalui pemerhatiannya

FOKUS KBAT

Pendahuluan

hampir separuh daripada penduduk Malaysia terdiri daripada golongan remaja – detik paling bergelora dalam kehidupan seseorang – pembentukan peribadi dan jati diri perlu dilakukan – persediaan-persediaan yang perlu dilakukan oleh remaja untuk mengharungi kehidupan yang sangat mencabar ini

Isi-isi Penting

- 1 remaja perlu menyediakan diri dengan ilmu pengetahuan – ilmu dunia untuk meneruskan kehidupan secara fizikal – ilmu ukhrawi penting untuk spiritual remaja – remaja perlu mempunyai ilmu agama – dapat melindungi diri daripada ancaman buruk – ilmu pengetahuan terutamanya ilmu agama merupakan asas penting dalam diri remaja untuk mengharungi kehidupan
- 2 remaja perlu menyediakan diri dengan kemahiran tertentu – mempunyai keyakinan diri yang tinggi – tidak berasa gentar untuk berhadapan dengan cabaran – menguasai kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi – mengharungi kehidupan yang rencam dan mencabar – perlu melengkapkan diri dengan kemahiran
- 3 remaja perlu menyiapkan diri dengan pengalaman sahsiah yang terpuji – kerjasama dan hormat-menghormati – memerlukan sokongan kuat antara satu sama lain – pengalaman nilai-nilai murni secara konsisten merupakan contoh sahsiah terpuji – perlu diimplementasikan dalam diri remaja – menjadi lebih baik
- 4 remaja perlu menyediakan diri dengan nilai-nilai keinsanan – keupayaan remaja untuk memahami permasalahan orang lain – nilai keinsanan seperti empati perlu ada dalam diri remaja – memahami masalah orang lain – lebih memahami orang lain – tidak bersikap mementingkan diri sendiri
- 5 remaja perlu menyediakan diri dengan sumber kewangan yang kukuh – hampir setiap perkara dalam kehidupan pada era ini memerlukan wang – remaja perlu mempunyai sumber kewangan – makan gaji atau bekerja sendiri – pendapatan tetap – aspek kewangan tidak boleh diabaikan – tanpa wang, kehidupan akan menjadi amat sukar

Penutup

remaja perlu membuat persediaan sejak awal – tidak boleh menunggu sehingga kesuntukan masa – masa umpama emas – konsep “sedikit-sedikit lama-lama jadi bukit” perlu dihayati dan diamalkan – memberi bimbingan kepada remaja – mengharapkan masyarakat tidak hanya melihat kesalahan mereka – mahu masyarakat melihat kekuatan yang dimiliki oleh mereka

TOPIK 3 Rumusan dan Pemahaman Petikan Umum

PRAKTIS BERPANDU

Kertas 2 SPM: Soalan 1

Praktis SPM 1

- 1 (a) Penanda tugas: Buat satu rumusan
(b) Fokus pertama: Manfaat-manfaat pelibatan murid dalam aktiviti kurikulum
Fokus kedua: Punca-punca murid mengabaikan aktiviti kurikulum
(c) Kehendak soalan: Menulis rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan tentang manfaat-manfaat pelibatan murid dalam aktiviti kurikulum dan punca-punca murid mengabaikan aktiviti kurikulum
- 2 Pendahuluan
Kaedah 1: Petikan membincangkan kepentingan-kepentingan/faedah-faedah/kebaikan-kebaikan pelibatan murid dalam aktiviti kurikulum di sekolah.
Kaedah 2: Rumusan membincangkan kepentingan-kepentingan/faedah-faedah/kebaikan-kebaikan pelibatan murid dalam aktiviti kurikulum dan punca-punca murid mengabaikan aktiviti kurikulum.
- 3 Isi-isi Tersurat
 1. Aktiviti kurikulum berupaya untuk menjanakan murid yang pintar dan terpuji sahsiahnya.
 2. Aktiviti kurikulum membantu pihak sekolah mempercepat proses penerapan nilai murni.
 3. Pelibatan murid dalam aktiviti kurikulum ini dapat memberikan keyakinan diri kepada mereka.
 4. Aktiviti kurikulum mendedahkan mereka terhadap keprihatinan kepada ahli pasukan.
 5. Murid berpeluang untuk menjadi pemimpin semasa masih berada di bangku sekolah.
 6. Murid terhindar daripada tabiat mementingkan diri sendiri.
 7. Aktiviti kurikulum menyuburkan perkembangan sahsiah dan sosial murid.

8. Aktiviti kurikulum menyuburkan semangat perpaduan sesama murid.
9. Aktiviti kurikulum membolehkan mereka mengadaptasi kefahaman hidup bersama.
10. Aktiviti kurikulum menjadi landasan untuk membentuk insan yang dinamik.

4 Isi-isi Tersirat

1. Murid lebih fokus untuk mencapai kecerlangan dalam bidang akademik.
2. Murid yang cemerlang kurikulum tidak diiktiraf seperti murid yang cemerlang akademik.
3. Ibu bapa kurang memberikan dorongan kepada anak-anak agar bergiat dalam aktiviti kurikulum.
4. Pihak sekolah tidak melaksanakan aktiviti kurikulum secara serius di sekolah.
5. Tiada jaminan pekerjaan bagi bekas murid yang ceremlang dalam aktiviti kurikulum.
6. Sistem pendidikan yang lebih menjurus dalam bidang akademik.

5 Kesimpulan

Kesimpulannya, setiap murid wajar menyertai aktiviti kurikulum di sekolah agar mereka mendapat pendidikan yang seimbang antara akademik dengan aktiviti kurikulum.

Praktis SPM 2

- 1 (a) Penanda tugas: Buat satu rumusan
(b) Fokus pertama: Kaedah-kaedah untuk meraih kejayaan dalam kerjaya
Fokus kedua: Implikasi-implikasi kegagalan dalam pekerjaan
(c) Kehendak soalan: Menulis rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan tentang kaedah-kaedah untuk meraih kejayaan dalam kerjaya dan implikasi-implikasi kegagalan dalam pekerjaan

2 Pendahuluan

Kaedah 1: Petikan membincangkan langkah-langkah/usaha-usaha untuk meraih kejayaan dalam kerjaya dalam kalangan pekerja di negara kita.

Kaedah 2: Rumusan membincangkan langkah-langkah/usaha-usaha untuk meraih kejayaan dalam kerjaya dan implikasi-implikasi kegagalan dalam pekerjaan.

3 Isi-isi Tersurat

1. Pekerja mempunyai minat yang mendalam terhadap pekerjaan yang diceburinya.
2. Pekerja bermotivasi untuk mencapai tahap yang lebih baik dalam pekerjaan.
3. Pekerja mengenal pasti kebolehan dan kemampuannya dalam pekerjaan.
4. Pekerja memilih kerjaya yang paling sesuai dengan kebolehannya.
5. Pekerja menumpukan sepenuh usaha untuk mencapai kecerlangan.
6. Pekerja melaksanakan sesuatu tugas itu dengan perasaan gembira dan puas hati.
7. Pekerja sentiasa berikhtiar untuk menghasilkan kualiti kerja yang terbaik.
8. Pekerja tidak mudah mengalah apabila berhadapan dengan halangan.
9. Pekerja tidak boleh patah semangat dengan pekerjaannya.

4 Isi-isi Tersirat

1. Individu itu berasa segan kepada bekas teman sekerjanya.
2. Individu itu mula murung dan tidak suka bergaul dengan kawan-kawannya.
3. Majikan lain keberatan hendak mengambilnya bekerja di syarikat mereka.
4. Individu itu menghadapi masalah untuk menyara keluarganya.
5. Individu itu hilang harga diri dan tidak diyakini oleh orang lain.
6. Individu itu bertekad untuk membaiki nasib dan masa hadapannya.

5 Kesimpulan

Kesimpulannya, setiap pekerja hendaklah bekerja dengan bersungguh-sungguh agar produktiviti dan prestasinya dalam pekerjaan sentiasa meningkat.

Aktiviti Pelibatan Ibu Bapa (PIB)

Cadangan Jawapan

Cabarani:

- 1 Mendapatkan pekerjaan yang benar-benar diidam-idamkan oleh mereka.

- 2 Sikap majikan yang tidak menghargai sumbangan mereka.
- 3 Kebajikan mereka yang tidak dijaga dengan baiknya oleh majikan.
- 4 Gaji yang diterima tidak setimpal dengan sumbangan yang diberikan oleh mereka.

Usaha:

- 1 Mengenal pasti cita-cita atau kerjaya yang diminati
- 2 Memastikan keperluan untuk menjawat sesuatu jawatan
- 3 Berusaha dengan gigihnya agar target yang ditetapkan tercapai

PRAKTIS BERFORMAT SPM

Kertas 2: Soalan 1 dan Soalan 2(a)

Praktis SPM 1

Soalan 1: Rumusan

Pendahuluan

Kaedah 1: Petikan membincangkan punca-punca/kepentingan-kepentingan remaja perlu memiliki harga diri dalam kehidupan mereka.

Kaedah 2: Rumusan membincangkan punca-punca/kepentingan-kepentingan remaja perlu memiliki harga diri dan kesan-kesan yang menimpa remaja jika mereka hilang harga diri.

Isi-isi Tersurat [Faktor-faktor Remaja Perlu Memiliki Harga Diri]

- 1 Harga diri menjadikan remaja yakin akan kemampuan dirinya sendiri.
- 2 Remaja yang memiliki harga diri dihormati oleh orang lain.
- 3 Remaja itu memiliki prinsip, norma, dan nilai sebagai pegangan hidup.
- 4 Remaja meletakkan dirinya pada landasan yang betul menuju kehidupan dewasa.
- 5 Remaja yang memiliki harga diri tidak menuntut kebebasan yang keterlaluan.
- 6 Mereka mempunyai kemampuan untuk mengelakkan impian menjadi kenyataan.
- 7 Mereka dapat membina watak yang baik.
- 8 Mereka belajar untuk mengharungi proses perubahan yang berlaku.

Jawapan Ekstra

- 9 Mereka mengelakkan diri daripada mengambil perkara yang bertentangan dengan amalan masyarakat.

Isi-isi Tersurat [Kesan-kesan yang Menimpa Remaja jika Mereka Hilang Harga Diri]

- 1 Remaja dipandang rendah oleh anggota masyarakat.
- 2 Remaja sanggup melakukan sesuatu tindakan yang menyimpang daripada norma masyarakat.
- 3 Menjejaskan kredibiliti mereka sebagai remaja berwawasan.
- 4 Golongan ini mudah terjebak dalam masalah sosial remaja.
- 5 Semakin berleluasa pegangan kebebasan tanpa batas dalam kalangan remaja.
- 6 Remaja mengabaikan tanggungjawab sebagai pewaris bangsa.

Kesimpulan

Kesimpulannya, setiap remaja hendaklah sentiasa menjaga maruah diri agar kehadiran mereka disenangi oleh masyarakat.

Soalan 2(a) – Petikan Umum

- (i) ... maksud: kesan yang baik
- (ii) ... sebab: TMK dapat dimanfaatkan bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia – memudahkan pendidik memuat naik bahan pengajaran untuk dimanfaatkan oleh sesiapa sahaja yang memerlukannya – jurang pencapaian antara murid di kawasan bandar dengan murid di kawasan luar bandar dapat dirapatkan
- (iii) ... faktor: kesukaran untuk menggunakan perkakasan dan perisian kerana guru perlu mematuhi pelbagai prosedur untuk menggunakan peralatan di dalam makmal komputer di sekolah – penyediaan bahan pengajaran dengan menggunakan TMK memakan masa yang lama – suasana persekitaran pembelajaran yang kerap berubah-ubah menyebabkan kebanyakan guru tidak berpeluang untuk mendapatkan latihan intensif

Praktis SPM 2

Soalan 1: Rumusan

Pendahuluan

Kaedah 1: Petikan membincangkan kelebihan-kelebihan/manfaat-manfaat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam pembelajaran di Malaysia.

Kaedah 2: Rumusan membincangkan kebaikan-kebaikan/manfaat-manfaat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam pembelajaran dan kekangan-kekangan yang mesti ditangani untuk mengaplikasikan TMK.

Isi-isi Tersurat [Kepentingan-kepentingan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam Pembelajaran]

- 1 Aplikasi TMK mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih berkesan.

- 2 TMK mampu bertindak sebagai pemudah cara dalam proses pembelajaran.
- 3 Pendekatan ini dapat memperkasakan generasi yang celik TMK sejak di bangku sekolah.
- 4 Pelbagai maklumat yang terkini dapat diakses oleh guru dan murid.
- 5 TMK menjadi asas pembinaan landasan pembelajaran maya.
- 6 KPM dapat menambahkan kandungan dalam talian dari semasa ke semasa.
- 7 Portal ini menjadikan pembelajaran lebih menarik dan tidak berpusat bilik darjah sahaja.
- 8 Murid-murid dapat memilih bahan daripada Internet yang bersesuaian dengan kehendak mereka.

Jawapan Ekstra

- 9 Penggunaan TMK mampu memperkuuh proses pengajaran dan pembelajaran.

Isi-isi Tersirat [Kekangan-kekangan yang Mesti Ditangani untuk Mengaplikasikan TMK]

- 1 Bukan semua sekolah di negara ini mempunyai liputan Internet.
- 2 Kelemahan murid untuk mengurus jadual dan waktu belajar masing-masing.
- 3 Murid yang kurang motivasi tidak mengendahkan kaedah pembelajaran ini.
- 4 Kos yang tinggi untuk menyediakan perkakasan semasa proses pengajaran dan pembelajaran.
- 5 Penulis perisian yang tidak menguasai kandungan mata pelajaran dengan sepenuhnya.

Jawapan Ekstra

- 6 Bukan semua guru celik teknologi maklumat dan komunikasi.

Kesimpulan

Kesimpulannya, proses pengajaran dan pembelajaran hendaklah menggunakan teknologi dan komunikasi semasa agar pendidikan di negara ini bertaraf dunia.

Soalan 2(a) – Petikan Umum

- (i) ... maksud: kesan yang baik
- (ii) ... sebab: TMK dapat dimanfaatkan bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia – memudahkan pendidik memuat naik bahan pengajaran untuk dimanfaatkan oleh sesiapa sahaja yang memerlukannya – jurang pencapaian antara murid di kawasan bandar dengan murid di kawasan luar bandar dapat dirapatkan
- (iii) ... faktor: kesukaran untuk menggunakan perkakasan dan perisian kerana guru perlu mematuhi pelbagai prosedur untuk menggunakan peralatan di dalam makmal komputer di sekolah – penyediaan bahan pengajaran dengan menggunakan TMK memakan masa yang lama – suasana persekitaran pembelajaran yang kerap berubah-ubah menyebabkan kebanyakan guru tidak berpeluang untuk mendapatkan latihan intensif

Praktis SPM 3

Soalan 1: Rumusan

Pendahuluan

Kaedah 1: Petikan membincangkan faedah-faedah/kebaikan-kebaikan amalan membaca dalam kalangan masyarakat di Malaysia.

Kaedah 2: Rumusan membincangkan faedah-faedah/kebaikan-kebaikan amalan membaca dan usaha-usaha menggalakkan amalan membaca dalam kalangan masyarakat.

Isi-isi Tersurat [Manfaat-manfaat Amalan Membaca]

- 1 Amalan membaca ialah wahana bagi mencari ilmu pengetahuan.
- 2 Amalan membaca melahirkan masyarakat berilmu dan tinggi tahap pemikirannya.
- 3 Tahap ilmu dan kepakaran dapat digembung sepenuhnya.
- 4 Rakyat dapat memahirkan diri untuk berpikir pada tahap pemikiran aras tinggi.
- 5 Seseorang memperoleh pengetahuan baharu tentang pelbagai perkara.
- 6 Amalan ini mencambahkan nilai mencintai ilmu dalam kalangan masyarakat.
- 7 Amalan ini dapat melahirkan masyarakat Malaysia yang cinta akan budaya ilmu.
- 8 Amalan membaca meningkatkan pemikiran dan imaginasi seseorang.

Jawapan Ekstra

- 9 Fikiran orang yang suka membaca lebih matang dan mereka tidak bertindak terburu-buru.

Isi-isi Tersirat [Usaha-usaha Menggalakkan Amalan Membaca dalam Kalangan Masyarakat]

- 1 Ibu bapa mendidik anak-anak supaya mengamalkan budaya membaca sejak mereka kecil.

- 2 Ibu bapa menyediakan perpustakaan mini di rumah.
- 3 Penulis menghasilkan karya yang menarik untuk bacaan umum.
- 4 Kerajaan dan badan bukan kerajaan melancarkan kempen membaca secara berterusan.
- (ii) Syafikah sedang mengulang kaji pelajaran ketika kami sampai di rumahnya.
- (iii) Kenderaan yang terperangkap dalam kesesakan lalu lintas semakin berderet-deret.

Praktis SPM 2

Omar menyatakan bahawa rakyat Malaysia bersikap rasional dan mementingkan kebaikan apabila membuat sesuatu pilihan. Azlan menyentruinya dengan menyatakan bahawa pilihan yang dibuat itu demi kestabilan dan kemakmuran yang berkekalan. Pada pandangan Omar, rakyat Malaysia bersikap matang ketika membuat apa-apa jua pilihan yang melibatkan pemerintahan dan pendidikan. Menurut Azlan, kebanyakan rakyat tidak menyukai peranan golongan yang merosakkan perpaduan. Omar berpendapat bahawa rakyat mahu hidup dalam suasana yang damai tanpa unsur-unsur perpecahan sesama sendiri. Azlan menyentruinya dan menegaskan bahawa rakyat tidak mudah termakan hasutan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Praktis SPM 3

- (i) (a) Rakyat perlu mengurus sumber kekayaan negara.
(b) Sumber kekayaan itu dapat meningkatkan kemajuan negara.
- (ii) (a) Abang Shamil akan berlepas ke Australia pada malam ini.
(b) Dia akan melanjutkan pelajaran di sana dalam bidang pengurusan perniagaan.
- (iii) (a) Strategi keselamatan negara harus menghasilkan satu pelan tindakan.
(b) Pelan tindakan itu sistematis.

Praktis SPM 4

- (i) Penghuni kota balik ke kampung pada hari perayaan kerana mereka hendak menziarahi saudara-mara mereka.
- (ii) Pengerusi syarikat itu sedang mempengaruhi mesyuarat yang diadakan pada minggu pertama setiap bulan.
- (iii) Semua guru sanggup mengorbankan masa cuti mereka kerana mereka sentiasa mementingkan kejayaan murid-murid.

Praktis SPM 5

- (i) Kita tidak harus memandang rendah terhadap sesuatu pekerjaan dan menggolongkan sesuatu pekerjaan itu berstatus rendah.
- (ii) Sikap kita itu menyerlahkan prasangka buruk terhadap pekerjaan seseorang serta menggambarkan kita mementingkan darjah dan pangkat dalam kehidupan.
- (iii) Kita wajar menghormati pekerjaan orang lain agar kita tahu peranan dan tanggungjawab mereka.

Praktis SPM 6

- (i) Frasa Nama + Frasa Kerja (FN + FK)
- (ii) Frasa Nama + Frasa Nama (FN + FN)
- (iii) Frasa Nama + Frasa Sendi Nama (FN + FS)
- (iv) Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN + FA)
- (v) Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN + FA)
- (vi) Frasa Nama + Frasa Kerja (FN + FK)

Praktis SPM 7

- (i) Subjek: Hartanah
Predikat: boleh diwakafkan untuk kepentingan awam
- (ii) Subjek: Ilmu pengetahuan
Predikat: sangat penting dalam era digital ini
- (iii) Subjek: Beberapa jenis produk kami hasilkan
Predikat: menerusi jenama halal
- (iv) Subjek: Sebuah negara maju
Predikat: sangat memerlukan pelibatan dan peranan pengguna
- (v) Subjek: Peningkatan kadar faedah
Predikat: melonjakkan kedudukan hutang dalam kalangan isi rumah
- (vi) Subjek: Pelanggan
Predikat: hendaklah memanfaatkan sistem perbankan Internet secara selamatnya

Praktis SPM 8

- (i) Kemerdekaan jiwa bermaksud seseorang itu bebas daripada belenggu yang mengongkong pemikiran dan merosakkan peradaban bangsa.
- (ii) Golongan yang buta sejarah boleh mengundang malapetaka kepada negara kerana mereka mudah kehilangan jati diri dan luntur semangat patriotik.
- (iii) Malaysia sentiasa mengorak langkah untuk memajukan industri pelancongan kerana negara kita mempunyai keunikan dan kepelbagai sumber yang sesuai untuk dimajukan sebagai tarikan pelancong.

PRAKTIS BERFORMAT SPM 3 Kertas 2: Soalan 3(c)

Praktis SPM 1

- (i) Kesalahan ejaan: porpular – popular
Kesalahan dari segi imbuhan: mencariakan – mencari
- (ii) Kesalahan ejaan: gudaan – godaan
Kesalahan dari segi imbuhan: membentengkan – membentengi
- (iii) Kesalahan ejaan: tingkahlaku – tingkah laku
Kesalahan dari segi imbuhan: mencorak – mencorakkan

Aktiviti Pelibatan Ibu Bapa (PIB)

Cadangan Jawapan

Lima kesalahan ejaan dan pembetulannya:

- 1 jalanraya – jalan raya
- 2 kedai alatulis – kedai alat tulis
- 3 mee goreng – mi goreng
- 4 selekoh merbahaya – selekoh berbahaya
- 5 pusat tuisyen – pusat tuisyen

Langkah-langkah untuk mengelakkan kesalahan ejaan pada papan tanda di tempat awam:

- 1 Pihak terbabit perlu mendapatkan khidmat nasihat daripada pakar bahasa sebelum memperkenan papan tanda tersebut di tempat awam.
- 2 Pihak terbabit melantik jawatankuasa khas yang bertindak sebagai penasihat atau pemantau berkaitan dengan bahasa pada papan tanda.

Praktis SPM 2

- (i) Kesalahan ejaan: peremis – premis
Kesalahan dari segi imbuhan: melakukan – dilakukan
- (ii) Kesalahan ejaan: Institusi – Institusi
Kesalahan dari segi imbuhan: mengukuh – mengukuhkan
- (iii) Kesalahan ejaan: peroses – proses
Kesalahan dari segi imbuhan: berfokus – memfokuskan

Praktis SPM 3

- (i) Kesalahan ejaan: resminya – rasminya
Kesalahan dari segi imbuhan: Perlantikan – Pelantikan
- (ii) Kesalahan ejaan: memupok – memupuk
Kesalahan dari segi imbuhan: memain – memainkan
- (iii) Kesalahan ejaan: jenerasi – generasi
Kesalahan dari segi imbuhan: perulangan – mengulangi

Aktiviti Pelibatan Ibu Bapa (PIB)

Cadangan Jawapan

Kesalahan Ejaan dan Pembetulan		Kesalahan Ejaan dan Pembetulan	
mee goreng	mi goreng	kueh-mueh	kuih-muih
mee hoon sop	mihun sup	reset	resit
komidi	komedi	television	televisyen
otomatik	automatik	teknoloji	teknologi
profesyen	profesion	sektur	sektor
alatulis	alat tulis	alegi	alergi

Praktis SPM 4

- (i) Kesalahan ejaan: istillah – istilah
Kesalahan dari segi imbuhan: pembina – membina
- (ii) Kesalahan ejaan: petriotik – patriotik
Kesalahan dari segi imbuhan: dijajahkan – dijayah
- (iii) Kesalahan ejaan: risko – risiko
Kesalahan dari segi imbuhan: berhadap – berhadapan

Praktis SPM 5

- (i) Kesalahan ejaan: jarengan – jaringan
Kesalahan dari segi imbuhan: pelibatan – melibatkan
- (ii) Kesalahan ejaan: tamaddun – tamadun
Kesalahan dari segi imbuhan: mengesangkan – berkesan
- (iii) Kesalahan ejaan: vaksine – vaksin
Kesalahan dari segi imbuhan: pertularan – penularan

Aktiviti Pelibatan Ibu Bapa (PIB)

- 1 Sikap segelintir pemandu yang memandu secara berbahaya akan membahayakan keselamatan pengguna jalan raya.
- 2 Ibu bapa perlu mendidik anak-anak tentang kepentingan menjaga kebersihan kawasan rekreasi untuk mengelakkan kesejahteraan alam sekitar.
- 3 Ahli jawatankuasa persatuan penduduk di kampung kami akan mengadakan sesi dialog dengan pihak pemaju perumahan pada masa yang terdekat.
- 4 Para pengawas yang menjalankan tanggungjawab mereka dengan berdedikasi akan meningkatkan disiplin murid-murid.

Praktis SPM 6

- (i) Kesalahan ejaan: tiusyen – tuisyen
Kesalahan dari segi imbuhan: peningkatan – meningkatkan
- (ii) Kesalahan ejaan: silaturrahim – silaturahim
Kesalahan dari segi imbuhan: pengerat – mengeratkan/mempererat
- (iii) Kesalahan ejaan: lojik – logik
Kesalahan dari segi imbuhan: mengemuka – mengemukakan

Praktis SPM 7

Kesalahan ejaan:

- (i) missi – misi
- (ii) saksiah – sahsiah
- (iii) pragmatik – pragmatik

Kesalahan dari segi imbuhan:

- (i) mempancarkan – memancarkan
- (ii) diperkuuhkan – diperkuuh/dikukuhkan
- (iii) meneladani – diteladani

Praktis SPM 8

Kesalahan ejaan:

- (i) riadhah – riadah
- (ii) kolestrol – kolesterol
- (iii) diabeties – diabetes

Kesalahan dari segi imbuhan:

- (i) menitikberatkan – dititikberatkan
- (ii) perbezaan – berbeza
- (iii) persediaan – penyediaan

PRAKTIS BERFORMAT SPM 4 Kertas 2: Soalan 3(d)

Praktis SPM 1

- (i) Kesalahan penggunaan kata atau istilah: genting – serius
Kesalahan tatabahasa: di mana – kerana
- (ii) Kesalahan penggunaan kata atau istilah: tulen – sahilih
Kesalahan tatabahasa: adalah – ialah
- (iii) Kesalahan penggunaan kata atau istilah: kebestarian – kelestarian
Kesalahan tatabahasa: di dalam – dalam

Praktis SPM 2

- (i) Kesalahan penggunaan kata atau istilah: inovasi perbankan – operasi perbankan
Kesalahan tatabahasa: mengatasi tentang isu – mengatasi isu
- (ii) Kesalahan penggunaan kata atau istilah: dihajati – dikehendaki
Kesalahan tatabahasa: bahkan – dan
- (iii) Kesalahan penggunaan kata atau istilah: kedudukan – kewangan
Kesalahan tatabahasa: tersangat rapat sekali – sangat rapat/rapat sekali

Praktis SPM 3

- (i) Kesalahan penggunaan kata atau istilah: lepas laku – berputus asa
Kesalahan tatabahasa: berbagai – berbagai-bagai/pelbagai
- (ii) Kesalahan penggunaan kata atau istilah: kemerosotan – kemuflihan
Kesalahan tatabahasa: bila – apabila
- (iii) Kesalahan penggunaan kata atau istilah: wacana nasional – agenda nasional
Kesalahan tatabahasa: sekalipun – yang

Praktis SPM 4

- (i) Kesalahan penggunaan kata atau istilah: termampu – teruji
Kesalahan tatabahasa: pelbagai dugaan-dugaan – pelbagai dugaan
- (ii) Kesalahan penggunaan kata atau istilah: jatuh – runtuh
Kesalahan tatabahasa: kecuali – malahan
- (iii) Kesalahan penggunaan kata atau istilah: mengorek – mengaut
Kesalahan tatabahasa: para peniaga-peniaga – para peniaga/peniaga-peniaga

Praktis SPM 5

Kesalahan penggunaan kata atau istilah:

- (i) kukuhnya – tenangnya
- (ii) meneroka – menghadapi
- (iii) memegang – mencapai

Kesalahan tatabahasa:

- (i) dihadapi oleh kita – kita hadapi
- (ii) setiap cabaran-cabarannya – setiap cabaran
- (iii) di dalam – dalam

Praktis SPM 6

Kesalahan penggunaan kata atau istilah:

- (i) duit setem – duti setem
- (ii) kadar hutang – kadar faedah
- (iii) membesar – meningkat

Kesalahan tatabahasa:

- (i) apabila – tetapi
- (ii) pinjaman yuran pemprosesan – yuran pemprosesan pinjaman
- (iii) dari – daripada

PRAKTIS BERFORMAT SPM 5 Kertas 2: Soalan 3(e)

Praktis SPM 1

- (i) seperti kerakap tumbuh di batu, hidup segan mati tak mau
- (ii) rezeki secupak takkan jadi segantang
- (iii) usaha tangga kejayaan

Praktis SPM 2

- (i) Mengikut sahaja kehendak orang lain
- (ii) Kalau tidak ada yang baik sekali, yang kurang baik pun berguna juga
- (iii) Sesuatu itu berubah mengikut masa atau keadaan

Praktis SPM 3

- (i) Orang yang tidak mengenang budi
- (ii) Setiap pekerjaan yang dilakukan biarlah sempurna, bukan separuh jalan sahaja
- (iii) Keuntungan yang diharapkan tidak diperoleh, sedangkan yang telah ada hilang pula

Praktis SPM 4

- (i) Bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat
- (ii) Bagai melepaskan batuk di tangga
- (iii) Sudah terhantuk baru tengahda

Praktis SPM 5

- (i) seperti harimau menyembunyikan kukunya
- (ii) berapa berat mata memandang, berat lagi bahu memikul.
- (iii) bukit sama didaki, lurah sama dituruni

Praktis SPM 6

- (i) Berjagung-jagung dahulu sementara menunggu padi masak
- (ii) Orang berbudi kita berbahasa, orang memberi kita merasa
- (iii) Bagai enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing

PRAKTIS SUMATIF SPM Kertas 2: Soalan 3(a), 3(b), 3(c), 3(d), & 3(e)

Praktis SPM 1

- (a) (i) [baik: memuaskan hati dari segi rupa (mutu, kegunaan, dan lain-lain); elok] Setiap ibu bapa akan memberikan pendidikan yang paling baik kepada anak-anak agar mereka menjadi insan yang berguna kepada agama, bangsa, dan negara.
- (ii) [baik-baik: menjaga atau memelihara sesuatu dengan rapi] Mak Cik Semah menyimpan barang kemas yang diwarisi daripada nenek moyangnya baik-baik agar tidak hilang.
- (iii) [diam: tidak bercakap] Kami berasa hairan kerana Nadhirah diam sahaja sejak dia masuk ke dalam kelas satu jam yang lalu sedangkan kebiasaananya dialah yang paling banyak bercakap.
- (iv) [diam-diam: dengan tidak memberitahu orang; secara senyapsenyapsen] Hanafi dan rakan-rakannya menjalankan projek itu dengan diam-diam agar penduduk kampung tidak memperlekehkan usaha mereka itu.
- (v) [rapat: erat; karib; kuat (persahabatan, pertalian, dan lain-lain)] Mereka berdua saling membantu dan memahami kerana hubungan mereka sangat rapat sejak mereka berkawan sepuluh tahun yang lalu.
- (vi) [rapat-rapat: dengan seberapa rapat yang boleh; dengan betul-betul rapat] “Tutup pagar rumah rapat-rapat dan kunci sebelum kamu meninggalkan rumah,” pesan Puan Nadia kepada anaknya.

- (b) (i) Ayat seruan

- (ii) Ayat perintah

- (iii) Ayat tanya

- (iv) Ayat perintah

- (v) Ayat penyata

- (vi) Ayat penyata

- (c) (i) Kesalahan ejaan: kriatif – kreatif

- Kesalahan dari segi imbuhan: mengabaikan – diabaikan

- (ii) Kesalahan ejaan: penyalah gunaan – penyalahgunaan

- Kesalahan dari segi imbuhan: berhentikan – menghentikan

- (iii) Kesalahan ejaan: issu – isu

- Kesalahan dari segi imbuhan: perhubungan – hubungan

- (d) (i) Kesalahan penggunaan kata atau istilah: Bahana – Bencana

- Kesalahan tatabahasa: terpalang dahsyat – paling dahsyat

- (ii) Kesalahan penggunaan kata atau istilah: cerdas – aktif

- Kesalahan tatabahasa: di dalam – dalam

- (iii) Kesalahan penggunaan kata atau istilah: melestarikan – merancang

- Kesalahan tatabahasa: pada – kepada

- (e) (i) Pak Daud tidak berasa terbebani dengan tanggungjawab yang perlu dipikulnya semenjak isterinya meninggal dunia kerana alah bisa tegal biasa.

- (ii) Menasihati seseorang yang degil itu seperti hujan jatuh ke pasir kerana nasihat yang diberikan itu tidak akan diendahkannya.

- (iii) Setiap anggota masyarakat wajar sentiasa menghadapi susah dan senang bersama-sama bak kata peribahasa, berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.

Praktis SPM 2

- (a) (i) [uji: percubaan untuk menentukan betul tidaknya] “Barang kemas ini perlu saya uji terlebih dahulu untuk menentukan ketulenanya,” kata tukang emas itu kepada Puan Fatimah.
- (ii) [puji: penghargaan kepada kebaikan, kelebihan, dan lain-lain] “Saya puji kesungguhan kamu semasa menjalankan setiap tanggungjawab yang diamanahkan kepada kamu,” kata Encik Lukman kepada Faizal.
- (iii) [keji: hina] “Orang miskin tidak sewajarnya kita keji kerana mereka juga mempunyai perasaan seperti insan yang lain,” pesan Puan Bahiyah kepada anak-anaknya.
- (iv) [balas: tanda terima kasih terhadap kebaikan yang telah diterima] “Budi baik puau amat kami hargai dan akan kami balas pada suatu hari nanti,” ujar Mak Cik Semah kepada Datin Mariam yang banyak membantu keluarganya.
- (v) [bilas: membasuh atau mencuci pakaian untuk kali kedua dan seterusnya sehingga bersih] “Ibu mahu kamu bilas pakaian di dalam baldi itu sehingga benar-benar bersih,” kata ibu kepada adik.
- (vi) [bidas: kecam] Hujahnya yang tidak berasas dalam pertandingan bahas itu sudah pasti akan kena bidas oleh pasukan pembangkang.
- (b) (i) Industri perikanan komersial dapat melahirkan golongan usahawan muda.
- (ii) Sesetengah pihak menyebarkan berita palsu dengan menggunakan media sosial.
- (iii) Pihak berkuasa perlu meningkatkan kawalan keselamatan di sempadan negara untuk membendung sindiket pemerdagangan manusia.
- (c) (i) Kesalahan ejaan: lumaian – lumayan
Kesalahan dari segi imbuhan: kerancakan – merancakkan
- (ii) Kesalahan ejaan: matawang – mata wang
Kesalahan dari segi imbuhan: mengecualikan – terkecuali
- (iii) Kesalahan ejaan: kukoh – kukoh
Kesalahan dari segi imbuhan: keadaban – peradaban
- (d) (i) Kesalahan penggunaan kata atau istilah: faktor – sektor
Kesalahan tatabahasa: sejak dari – sejak/dari
- (ii) Kesalahan penggunaan kata atau istilah: ruang sempit – ruang lingkup
Kesalahan tatabahasa: dengan – dan
- (iii) Kesalahan penggunaan kata atau istilah: diperkenankan – diperkenalkan
Kesalahan tatabahasa: demi untuk – demi/untuk
- (e) (i) kalau asal benih yang baik, jatuh ke laut menjadi pulau
(ii) ditumbuk dikisar baharulah lumat
(iii) besar periuk besar keraknya

Praktis SPM 3

- (a) (i) [tangguh: pengunduran waktu untuk mengerjakan sesuatu, membayar hutang, dan lain-lain] “Jangan kamu tangguh membayar hutang kamu dengan pihak bank agar kamu tidak menghadapi masalah pada masa hadapan,” kata Encik Zaquan kepada anak lelakinya.
- (ii) [bertangguh: berlengah-lengah] Kamarul menyiapkan kerja sekolahnya dengan tidak bertangguh lagi setelah selesai membantu ayahnya membersihkan kebun di belakang rumah mereka.
- (iii) [penangguhan: perihal menangguhkan waktu dan lain-lain] Penangguhan jadual penerbangan ke Singapura itu terpaksa dilakukan oleh syarikat penerbangan itu demi keselamatan para penumpang.
- (iv) [pinggir: tepi] Abang Izman memberhentikan kereta yang dipandunya di pinggir jalan untuk menjawab panggilan telefon daripada rakanannya.
- (v) [meminggir: pergi ke tepi; menepi] Kenderaan kecil kerap meminggir untuk memberikan laluan kepada kenderaan berat yang bermaharajalela di jalan raya.
- (vi) [peminggiran: perbuatan mengesampingkan atau mengetepikan] Peminggiran bahasa kebangsaan dalam kalangan masyarakat amat dikesali oleh para pencinta bahasa.
- (b) (i) “Naskhab lama yang bertulisan tangan disimpan dengan baiknya untuk kajian para penyelidik,” kata Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia.
- (ii) “Adakah penyaman udara yang dipasang di pejabat sekolah berfungsi atau tidak?” tanya juruteknik itu kepada kerani sekolah.
- (iii) “Saya berasa kecewa apabila penggunaan bahasa rojak semakin menular dalam kalangan pengguna bahasa Melayu,” tegas tokoh bahasa itu.
- (c) (i) Kesalahan ejaan: suratkhabar – surat khabar
Kesalahan dari segi imbuhan: pengembangan – perkembangan
- (ii) Kesalahan ejaan: televisen – televisyen
Kesalahan dari segi imbuhan: disiar – disiarkan

- (iii) Kesalahan ejaan: emel – e-mel
Kesalahan dari segi imbuhan: tawaran – menawarkan

- (d) (i) Kesalahan penggunaan kata atau istilah: insentif – inisiatif
Kesalahan tatabahasa: berbagai – berbagai-bagai/pelbagai
- (ii) Kesalahan penggunaan kata atau istilah: meningkatkan – memajukan
Kesalahan tatabahasa: di masa hadapan – pada masa hadapan
- (iii) Kesalahan penggunaan kata atau istilah: terpisah – terpinggir
Kesalahan tatabahasa: pada – kepada
- (e) (i) bagi tikus membailki labu
(ii) biar putih tulang jangan putih mata
(iii) tajam pisau kerana diasah/belakang parang jika lau diasah nescaya tajam

Praktis SPM 4

- (a) (i) [bolak-balik: tidak tetap atau berubah-ubah yang berkaitan dengan percakapan atau perbuatan seseorang] “Cakap kamu yang sentiasa bolak-balik itu menyebabkan rakan-rakan kamu sukar untuk mempercayai kebenaran kata-kata kamu,” kata Cikgu Farhana kepada murid perempuan itu.
- (ii) [membolak-balikkan: memutarbelitkan] Sikap lelaki itu yang membolak-balikkan ceritanya tentang tujuan kehadirannya di tempat kejadian menyebabkan pihak polis menahannya.
- (iii) [gembar-gembur: bersorak-sorai; berseru-seru] Jika sesuatu kerja yang dilakukan tidak seberapa, tidak perlu kita gembar-gembur kerana akhirnya perlakuan itu akan diketahui orang lain juga.
- (iv) [menggembar-gemburkan: melaung-laungkan] Kita tidak seharusnya menggembar-gemburkan keburukan orang lain kerana perbuatan itu akan memberikan kesan terhadap diri kita sendiri.
- (v) [kucar-kacir: keadaan tidak teratur atau tidak berketentuan] Majlis yang sedang berlangsung itu menjadi kucar-kacir apabila hujan turun dengan lebatnya disertai angin kencang sehingga menyebabkan banjir kilat.
- (vi) [mengucar-ngacirkan: menjadikan kucar-kacir] Masalah sosial dalam kalangan remaja akan mengucar-ngacirkan kesejahteraan masyarakat dan negara jika tidak ditangani dengan berkesan.
- (b) (i) Encik Ahmad bukan pensyarah tetapi pegawai tadbir.
(ii) Encik Samad dan Puan Rita pegawai imigresen.
(iii) Amalina masuk ke dalam bilik lalu menutup pintu biliknya rapat-rapat.
(iv) Peniaga itu membungkus pisang goreng yang dibeli oleh pelanggannya.
(v) Abang Shahruh berlepas ke Turki pada malam tadi kerana melanjutkan pelajarannya di sana.
(vi) Ibu bapa sanggup bekerja keras kerana hendak melihat kejayaan anak-anak dalam kehidupan.
- (c) (i) Kesalahan ejaan: pelangan – pelanggan
Kesalahan dari segi imbuhan: menjinak-jinak – berjinak-jinak
- (ii) Kesalahan ejaan: cyber – siber
Kesalahan dari segi imbuhan: dibandingkan – berbanding
- (iii) Kesalahan ejaan: Tanggung jawab – Tanggungjawab
Kesalahan dari segi imbuhan: mengajarkan – mengajar
- (d) (i) Kesalahan penggunaan kata atau istilah: miskin – muflis
Kesalahan tatabahasa: bukan – tidak
- (ii) Kesalahan penggunaan kata atau istilah: rahsia – maklumat
Kesalahan tatabahasa: di – pada
- (iii) Kesalahan penggunaan kata atau istilah: komplikasi – implikasi
Kesalahan tatabahasa: di masa – pada masa
- (e) (i) Setiap orang tentu pernah melakukan kesalahan
(ii) Adat yang tidak berubah
(iii) Seorang yang berketurunan baik akan tetap baik walau di mana-mana sahaja dia berada

Praktis SPM 5

- (a) (i) [merebus: memasak sesuatu dalam air] Oleh sebab kehabisan beras, keluarga itu sekadar mampu merebus ubi kayu untuk mengalas perut.
- (ii) [mencelur: memasukkan (mencelupkan) sesuatu (seperti sayur dan sebagainya) untuk beberapa ketika ke dalam air panas (supaya lembut)] Ibu meminta kakak mencelur kangkung, kubis, kacang bendi, dan terung untuk dijadikan ulam.
- (iii) [mengukus: memasak atau memanaskan sesuatu dengan menggunakan wap air mendidih] Puan Latifah mengukus pulut untuk dijadikan hidangan tetamu pada majlis kenduri kesyukuran di rumahnya pada malam tadi.
- (iv) [menakik: melukai sesuatu dengan parang dan lain-lain; membuat takik (dengan memarang dan lain-lain); menakuk] Budak-budak nakal itu melakukan perbuatan khanat dengan menakik pokok buah-buahan di dusun Pak Cik Mustafa.

- (v) [merincih: menghiris (memotong, mengerat, dan lain-lain) kecil-kecil; meracik] Pembantu tukang masak di restoran itu sedang merincih rebung yang akan dimasak bersama-sama ramuan yang lain.
- (vi) [memangkas: memotong hujung (rumput, pokok, dan lain-lain); mencantas] Pak Ali memangkas dahan dan ranting pokok rambutan yang telah memasuki kawasan pagar di sebelah rumah jirannya.
- (b) (i) Frasa Nama + Frasa Kerja (FN + FK)
(ii) Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN + FA)
(iii) Frasa Nama + Frasa Sendi Nama (FN + FS)
(iv) Frasa Nama + Frasa Nama (FN + FN)
(v) Frasa Nama + Frasa Sendi Nama (FN + FS)
(vi) Frasa Nama + Frasa Kerja (FN + FK)
- (c) (i) Kesalahan ejaan: ajenda – agenda
Kesalahan dari segi imbuhan: Permantapan – Kemantapan
(ii) Kesalahan ejaan: peroduk – produk
Kesalahan dari segi imbuhan: meningkat – meningkatkan
(iii) Kesalahan ejaan: kompititif – kompetitif
Kesalahan dari segi imbuhan: beraras – berasaskan
- (d) (i) Kesalahan penggunaan kata atau istilah: kemakmuran – kemajuan
Kesalahan tatabahasa: oleh kerana – kerana
(ii) Kesalahan penggunaan kata atau istilah: mengetatkan – mengeratkan
Kesalahan tatabahasa: di antara masyarakat – antara masyarakat
(iii) Kesalahan penggunaan kata atau istilah: terdedah – terbuka
Kesalahan tatabahasa: membincangkan tentang langkah-langkah – membincangkan langkah-langkah
- (e) (i) Bertangguh itu pencuri masa
(ii) Alah membeli menang memakai
(iii) Ingat sebelum kena, jimat sebelum habis

TOPIK 6 Novel

NOTA GRAFIK KOMSAS

1 Novel ‘Jendela Menghadap Jalan’

Sinopsis

17 tahun; Hajah Aisyah Tan Abdullah; Terengganu; kampung; kedai runcit; datuk; Danel; kubah; masjid; Lili; Rafiq; disembunyikan; menyelamatkan; penolong pegawai; Kak Mimah; saksi; Che Jah; Seman; pusat pemulihan akidah; Nenek; menghadap; mengintai; Kuala Lumpur; Kampung Sentosa

Tema dan Persoalan

Tema – dugaan

Persoalan:

- 1 keluarga
- 2 ibu bapa
- 3 Kepincangan
- 4 moden
- 5 masalah

Watak dan Perwatakan

Lili; Datuk (Haji Abdul Rahman); Nenek (Hajah Aisyah Tan Abdullah); Danel

Plot

Permulaan/Eksposisi – Dungun; menghabiskan Perkembangan – Geetha; Datuk; kayu; rumah; Lili Perumitan/Konflik – Danel; muda; masjid; Sugi; Che Jah Klimaks – Lili; Haziq; Datuk; tanah Peleraian – Sugi; laporan polis; Seman; masjid; rumah

Teknik Plot

Imbas Kembali – ibu; keagamaan
Imbas Muka – Lili; melarikan diri
Pemerian – keganasan rumah tangga
Monolog Dalaman – perubatan tradisional
Dialog – penyakit; moden
Saspens – jendela

Latar

Latar Masa; Latar Tempat; Latar Masyarakat

Gaya Bahasa

Personifikasi; Simile; Hiperbola; Metafora; Peribahasa

Pengajaran

- 1 menyayangi
- 2 mempertahankan
- 3 kesalahan

- 4 kasih sayang
- 5 memanfaatkan
- 6 menyiasat
- 7 menghargai
- 8 gaya hidup

2 Novel “Leftenan Adnan Wira Bangsa”

Sinopsis

Leftenan Adnan; Mak Milah; Inggeris; kem tentera; askar Melayu; Jepun; Bukit Candu; peluru; Bukit Candu; Jepun; Nagasaki; guru; Ustaz Ridwan; meninggal dunia

Tema dan Persoalan

Tema – Keberanian; berjuang; mempertahankan

Persoalan:

- 1 keluarga
- 2 anak-anak
- 3 anak muda
- 4 Kebijaksanaan
- 5 Perasaan
- 6 memusnahkan

Watak dan Perwatakan

Leftenan Adnan; Pak Saidi; Sophia; Jeneral Tomoyuku Yamashita

Plot

Permulaan/Eksposisi – kecil; Port Dickson; berkahwin Perkembangan – Jepun; menyekat; peluru; Jepun Perumitan/Konflik – diserang; kehabisan; askar; Bukit Candu; Leftenan Adnan Peleraian – menyerah kalah; Sophia; leukemia

Teknik Plot

Dialog; Imbas Kembali; Kejutan; Saspens; Monolog; Imbas Muka

Latar

Tempat – Bukit Candu; Pasir Panjang; Kota Bharu
Masyarakat – anak muda; mempertahankan; berkurban; keberanian

Gaya Bahasa

Metafora; Hiperbola

Pengajaran

- 1 kekeluargaan
- 2 cinta akan tanah air
- 3 meringankan
- 4 bertoleransi
- 5 perintah
- 6 berani
- 7 setia
- 8 ibu bapa

Aktiviti Pelibatan Ibu Bapa (PIB)

Cadangan Jawapan

- 1 Generasi muda perlulah banyak membaca bahan bacaan tentang sejarah negara agar mereka menghargai pengorbanan pejuang negara untuk mendapatkan kemerdekaan negara.
- 2 Ibu bapa perlulah membawa anak-anak menyaksikan sambutan Hari Kebangsaan pada setiap tahun.
- 3 Pihak sekolah mengadakan sambutan Hari Kebangsaan pada peringkat sekolah pada setiap tahun.
- 4 Pihak media massa perlulah menayangkan filem yang berkaitan dengan semangat patriotik.

Aktiviti PAK-21: Peta i-THINK

Cadangan Jawapan

Novel “Jendela Menghadap Jalan”

- 1 Kita mestilah menyayangi ibu bapa kita untuk membala jasa dan pengorbanan mereka.
- 2 Kita hendaklah berani untuk mempertahankan maruah diri agar kita tidak dipandang rendah oleh orang lain.
- 3 Kita hendaklah insaf akan kesalahan yang telah kita lakukan agar kita tidak berterusan melakukan kesalahan.
- 4 Kita perlulah mendidik anak-anak dengan kasih sayang agar mereka tidak terlibat dalam masalah sosial.

Novel “Leftenan Adnan Wira Bangsa”

- 1 Kita mestilah cinta akan tanah air dan sanggup berkurban demi negara agar kita menjadi warganegara yang bertanggungjawab
- 2 Kita hendaklah menyayangi anggota keluarga kita agar hubungan keluarga sentiasa terjalin dengan eratnya.

- 3 Kita hendaklah berani menyahut cabaran agar kita memperoleh kejayaan yang dapat mengubah kehidupan kita ke arah yang lebih baik.
- 4 Kita mestilah menjadi rakyat yang setia, bukannya menjadi pengkhianat kepada bangsa dan negara.

Novel "Di Sebalik Dinara"

- 1 Kita mestilah menghormati dan menyayangi ibu bapa agar kita menjadi anak yang baik dan mengenang jasa ibu bapa.
- 2 Kita hendaklah bersikap bijak dengan berfikir sebelum membuat keputusan agar kita tidak berhadapan dengan masalah.
- 3 Kita hendaklah gigih berusaha untuk memperoleh kejayaan walaupun menghadapi cabaran demi kehidupan yang lebih baik pada masa hadapan.
- 4 Kita hendaklah melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan kepada kita agar kita sentiasa dipercayai oleh orang lain.

Novel "Pantai Kasih"

- 1 Kita mestilah menyayangi anak-anak tanpa mengira anak kita sempurna atau tidak sihat.
- 2 Kita hendaklah belajar dengan tekunnya demi masa hadapan yang lebih baik.
- 3 Kita hendaklah tabah menghadapi kesukaran dan cabaran hidup agar kita dapat menghadapi kehidupan dengan tenangnya.
- 4 Kita hendaklah bekerjasama agar setiap tugas yang diamanahkan kepada kita dapat dilaksanakan dengan baiknya.

3 Novel "Di Sebalik Dinara"

Sinopsis

Farisha; Kuala Lumpur; Aqram; menggodam; Soft Lab; Dr. Maxi; cip telepati; Shida; Azraai; pengsan; Shida; pengganti; Alia; ibu kandung; Karl; memusnahkan; diculik; Marilyn; menghembuskan; Selat Melaka

Tema dan Persoalan

Tema – teknologi

Persoalan

- 1 Kebijaksanaan
- 2 Kasih sayang
- 3 Penghargaan
- 4 persahabatan
- 5 kehancuran
- 6 Kecanggihan

Watak dan Perwatakan

Farisha; Aqram; Azraai; Rosman; Karl; Dr. Maxi

Plot

Binaan Plot

Permulaan/Eksposisi – Lapangan Terbang Senai; Soft Lab
Perkembangan – RM15.5. juta; Karl
Perumitan/Konflik – Dinara; anak angkat
Klimaks – Marilyn/Medina; Shida
Peleraian – ayah; menyesal

Teknik Plot

Saspens – Farisha
Imbas Kembali – barah tulang
Pemerian – kapal terbang

Latar

Tempat – Hotel Renaissance; Farisha; Azraai
Masyarakat – penyayang; teknologi; ketua

Gaya Bahasa

Sinkope; Simile; Personifikasi; Hiperbola; Metafora; Repetisi

Aktiviti Pelibatan Ibu Bapa (PIB)

Cadangan Jawapan

- 1 Meringankan beban manusia untuk menjalankan tugas dan dapat menjimatkan masa
- 2 Menjadikan proses pembelajaran di sekolah semakin menarik dan efisien
- 3 Meningkatkan produktiviti dalam sektor pertanian dan perindustrian
- 4 Membantu manusia mencapai kemajuan dalam bidang perubatan

Aktiviti PAK-21: Alas Meja (*Table Cloth*)

Cadangan Jawapan

Novel "Jendela Menghadap Jalan"

- (i) Dua latar masyarakat: masyarakat yang mengamalkan perubatan tradisional – masyarakat yang prihatin akan kesusaahan orang lain

- (ii) Tiga watak yang terdapat dalam novel ini: Lili – datuk (Haji Abdul Rahman) – nenek (Hajah Aisyah Tan Abdullah) – Danel
- (iii) Dua persoalan: kasih sayang dalam keluarga – ketaatan seorang anak terhadap perintah ibu bapa
- (iv) Dua pengajaran: kita mestilah menyayangi ibu bapa kita untuk membala jasa dan pengorbanan mereka – kita hendaklah berani untuk mempertahankan maruah diri

Novel "Leftenan Adnan Wira Bangsa"

- (i) Dua latar masyarakat: masyarakat yang sanggup berkurban untuk mempertahankan negara – masyarakat yang bertanggungjawab terhadap keluarga
- (ii) Tiga watak yang terdapat dalam novel ini: Leftenan Adnan – Pak Saidi – Jeneral Tomoyuki Yamashita
- (iii) Dua persoalan: semangat patriotik dalam jiwa anak muda – kebijaksanaan menyusun strategi
- (iv) Dua pengajaran: kita hendaklah cinta akan tanah air dan sanggup berkurban demi negara – kita hendaklah menyayangi anggota keluarga agar hubungan kekeluargaan sentiasa terjalin dengan eratnya

Novel "Di Sebalik Dinara"

- (i) Dua latar masyarakat: masyarakat yang berwaspada semasa membuat keputusan – masyarakat saintis yang taasub akan teknologi
- (ii) Tiga watak yang terdapat dalam novel ini: Farisha – Aqram – Azraai
- (iii) Dua persoalan: kebijaksanaan dalam bidang sains – kasih sayang ibu terhadap anak
- (iv) Dua pengajaran: kita mestilah menghormati dan menyayangi ibu bapa kita – kita mestilah gigih berusaha untuk memperoleh kejayaan walaupun berhadapan dengan cabaran

Novel "Pantai Kasih"

- (i) Dua latar masyarakat: masyarakat yang berdedikasi semasa menjalankan tugas – masyarakat yang tabah semasa menghadapi dugaan hidup
- (ii) Tiga watak yang terdapat dalam novel ini: Doktor Raiha – Doktor Uwang – Felicia Landosi
- (iii) Dua persoalan: kasih sayang seorang ibu terhadap anaknya – keredaan terhadap ketentuan Tuhan
- (iv) Dua pengajaran: kita hendaklah bertanggungjawab untuk melaksanakan tugas yang diamanahkan kepada kita dengan baiknya – kita hendaklah tabah menghadapi kesukaran dan cabaran hidup

Pengajaran

- 1 menghormati
- 2 bijak
- 3 berusaha
- 4 kebaikan
- 5 diamanahkan
- 6 baik hati
- 7 amanah
- 8 tugasan

4 Novel "Pantai Kasih"

Sinopsis

Raiha; Doktor Uwang; komplikasi; Unong Siron; keenam; curiga; kematian; ibu; kereta mewah; merempuh; pembedahan; Rohayu; Felicia; saksi; memaafkan

Tema dan Persoalan

Tema – wanita; tekanan

Persoalan

- 1 Kasih sayang
- 2 Keredaan
- 3 Pengalaman
- 4 tugas
- 5 kesalahan
- 6 membinasakan

Aktiviti PAK-21: Kerusi Panas (*Hot Seat*)

Cadangan Jawapan

Novel "Jendela Menghadap Jalan"

Tema dan Persoalan

Tema: Kecekalan seorang gadis semasa menghadapi pelbagai dugaan dan rintangan kehidupan

Persoalan

- 1 Kasih sayang dalam keluarga
- 2 Kepincangan institusi kekeluargaan
- 3 Ketaatan seorang anak terhadap perintah ibu bapa
- 4 Persaingan antara perubatan tradisional dengan perubatan moden

Novel "Leftenan Adnan Wira Bangsa"

Tema dan Persoalan

Tema: Keberanian dan keperwiraan askar Melayu yang sanggup berjuang hingga titisan darah yang terakhir untuk mempertahankan tanah air.

Persoalan

- 1 Pandangan jauh seorang ketua keluarga
- 2 Kepatuhan anak-anak terhadap perintah ibu bapa
- 3 Semangat patriotik dalam jiwa anak muda
- 4 Kebijaksanaan semasa mengatur strategi

Novel "Di Sebalik Dinara"

Tema dan Persoalan

Tema: Ketaasuhan manusia terhadap teknologi hingga menghilangkan sifat kemanusiaan.

Persoalan

- 1 Kebijaksanaan dalam bidang sains
- 2 Kasih sayang seorang ibu terhadap anaknya
- 3 Penghargaan terhadap daya inovasi seseorang
- 4 Semangat setia kawan dalam menjalin persahabatan

Novel "Pantai Kasih"

Tema dan Persoalan

Tema: Ketabahan seorang wanita ketika menghadapi cabaran dan tekanan sebagai seorang pakar bedah.

Persoalan

- 1 Kasih sayang seorang ibu terhadap anaknya
- 2 Keredaan terhadap ketentuan Tuhan
- 3 Pengalaman pahit mampu mengubah seseorang
- 4 Keinsafan terhadap kesalahan yang dilakukan

Watak dan Perwatakan

Doktor Raiha; Doktor Uwang; Felicia Landosi; Doktor Sadiz

Plot

Binaan Plot

Permulaan/Eksposisi – Unong Siron; Rohayu
Perkembangan – Felicia; ubat batuk; Pusat Rawatan Pantai Kasih
Perumitan/Konflik – Raiha; panggilan palsu
Klimaks – pemuda; Unong Siron; hospital sakit jiwa; tembok
Peleraian – Felicia; memaafkan

Teknik Plot

Dialog – pakar bedah
Imbas Kembali – tidak bersetuju
Imbas Muka – keselamatan
Monolog – sendi tulang pinggul
Saspens – Felicia
Kejutan – Doktor Sadiz
Pemerian – Pusat Rawatan Pantai Kasih

Latar

Tempat – Raiha; Farmasi
Masyarakat – tugas; keuntungan

Gaya Bahasa

Personifikasi; Repitisi; Simile; Hiperbola; Metafora; Sinkope

Aktiviti Pelibatan Ibu Bapa (PIB)

Cadangan Jawapan

- Dapat membuka minda anak-anak terhadap sesuatu isu yang dipaparkan dalam novel yang dibaca
- Dapat mengisi masa lapang anak-anak dengan melakukan aktiviti yang berafaedah
- Menanamkan sikap cinta akan karya sastera Melayu dalam diri anak-anak
- Menambahkan kosa kata anak-anak
- Menambahkan ilmu pengetahuan anak-anak menerusi jalan cerita yang terdapat dalam novel Melayu tersebut

Aktiviti PAK-21: Bulatan Masa (Time Circle)

Cadangan Jawapan

Novel "Jendela Menghadap Jalan"

- Lili sentiasa patuh akan permintaan ibunya. – Contohnya, Lili sentiasa berusaha untuk menjadi anak yang baik dan mendengar kata apabila menurut apa-apa sahaja permintaan ibunya.
- Lili prihatin akan masalah Che Jah. – Contohnya, Lili meminta bantuan daripada Kak Mimah yang bekerja di Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh keluarga Che Jah.

Novel "Leftenan Adnan Wira Bangsa"

- Leftenan Adnan rajin menuntut ilmu. – Contohnya, pada waktu siang, Adnan belajar di sekolah Inggeris manakala pada waktu malam, Adnan belajar mengaji untuk mendapatkan ilmu akademik dan ilmu agama yang seimbang.
- Leftenan Adnan mempunyai semangat patriotik yang tinggi. – Contohnya, Leftenan Adnan tidak mahu menerima cadangan Sarjan Arshad untuk menyerah kalah kepada Jepun lalu mengarahkan pasukannya berjuang hingga titisan darah yang terakhir.

Novel "Di Sebalik Dinara"

- Farisha seorang manusia yang istimewa. – Contohnya, pelbagai mikrocip dan implan yang tertanam dalam tubuh Farisha telah menjadikannya seorang yang genius dan mempunyai perisai untuk menahan pencerobohan minda.
- Farisha tidak bersikap pendamad. – Contohnya, Farisha mengakui Karl sebagai ayahnya dan menerima Medina sebagai ibunya walaupun mereka tidak pernah memberikan kasih sayang kepadanya.

Novel "Pantai Kasih"

- Raiha seorang yang berpendirian tegas. – Contohnya, Raiha berkeras untuk meneruskan kandungannya walaupun didesak oleh suaminya, iaitu Doktor Sadiz untuk menggugurkan janin dalam kandungannya yang tidak normal itu.
- Raiha berfikiran matang dan rasional. – Contohnya, Raiha memaafkan kesalahan Felicia yang menyembunyikan rahsia sebenar kematian Rohayu kerana mereka berdua ialah mangsa keadaan.

Pengajaran

- 1 menyayangi
- 2 belajar
- 3 kesilapan
- 4 diamanahkan
- 5 kesukaran
- 6 tugas
- 7 kesusahan
- 8 Tuhan

Praktis SPM 1

Novel "Jendela Menghadap Jalan"

- (a) **Dua persoalan:**
- ... Persoalan tentang kegigihan mencari rezeki. Contohnya, datuk Lili gigih mencari tumbuhan seperti akar-akar kayu di dalam hutan untuk dijadikan herba perubatan tradisional.
 - ... Persoalan tentang kepincangan rumah tangga dalam masyarakat. Contohnya, Che Jah dan anak-anaknya menjadi mangsa keganasan suaminya, Seman yang ketagih alkohol dan judi. Seman mendera isteri dan anak-anaknya apabila mabuk dan kalah berjudi.
- (b) **Dua peristiwa yang menimbulkan perasaan simpati kepada pembaca:**
- ... Peristiwa Lili diculik oleh Rafiq dan Haziq. Lili telah diculik oleh Raziq semasa dia dalam perjalanan balik dari pekan disebabkan Raziq dalam keadaan tersebut untuk menyelamatkan dirinya ketika dikejar oleh beberapa orang lelaki. Lili telah disembunyikan di dalam sebuah rumah usang. Peristiwa ini menimbulkan perasaan simpati kepada pembaca kerana Lili yang tidak berdosa menjadi mangsa keadaan hingga membahayakan keselamatannya.
 - ... Peristiwa kekecohan yang berlaku di rumah Che Jah. Che Jah menderita fizikal dan perasaan akibat didera oleh suaminya, Seman sehingga Che Jah menjerit-jerit meminta diceraikan oleh Seman. Peristiwa ini menimbulkan perasaan simpati kepada pembaca kerana bersimpati dengan nasib malang yang dialami oleh Che Jah.

Novel "Leftenan Adnan Wira Bangsa"

- (a) **Dua persoalan:**
- ... Persoalan tentang tanggungjawab ibu bapa kepada anak. Contohnya, Pak Saidi bercadang untuk menghantar Adnan melanjutkan pelajaran ke sekolah Inggeris.
 - ... Persoalan tentang tanggungjawab rakyat kepada negara Jepun. Contohnya, Leftenan Adnan dan pasukan askar Melayu berjuang bermati-matian ketika menentang tentera Jepun sehingga titisan darah yang terakhir.
- (b) **Dua peristiwa yang menimbulkan perasaan simpati kepada pembaca:**
- ... Peristiwa Adnan terpaksa menghantar anak-anak dan isterinya pulang ke kampung kerana ura-ura mengatakan bahawa Jepun akan menyerang Tanah Melayu dan Singapura. Peristiwa ini menimbulkan perasaan simpati kepada pembaca kerana Adnan terpaksa berpisah dan berjauhan dengan keluarganya demi keselamatan mereka walaupun hatinya tidak mahu berjauhan dengan keluarganya.

... Peristiwa Leftenan Adnan yang dikepung dan ditangkap lalu diseret di dalam guni sebelum digantung pada pokok ceri. Selepas itu, Leftenan Renya Mutuguchi menyeka Leftenan Adnan sehingga pengsan dan apabila sedar, Leftenan Adnan disejuk semula sehinggalah Leftenan Adnan meninggal dunia kerana perutnya ditikam dengan bayonet. Peristiwa ini menimbulkan perasaan simpati kepada pembaca kerana askar Jepun terus menikmati Leftenan Adnan walaupun Leftenan Adnan telah meninggal dunia.

Novel "Di Sebalik Dinara"

(a) Dua persoalan:

... Persoalan tentang semangat setia kawan semasa menjalinkan hubungan persahabatan. Contohnya, Shida sanggup menggantikan rakan baiknya, Farisha sebagai penghubung dengan Karl meskipun dia mengalami kesakitan.
... Persoalan tentang kecanggihan teknologi yang disalahgunakan membawa kehancuran. Contohnya, Sistem Dinara yang dicipta oleh Karl dan Medina menyebabkan konflik keluarga sehingga menyebabkan perceraian keluarga.

(b) Dua peristiwa yang menimbulkan perasaan simpati kepada pembaca:

... Peristiwa Farisha mengetahui bahawa dia sebenarnya hanya anak angkat. Selepas 26 tahun menjadi anggota keluarganya, barulah Azraai memberitahu Farisha tentang perkara sebenar bahawa dia ialah anak angkat keluarganya. Azraai menyerahkan fail plastik yang mengandungi dokumen tentang peribadi Farisha. Peristiwa ini menimbulkan perasaan simpati kepada pembaca kerana amat sukar bagi Farisha untuk menerima hakikat sebenar bahawa dia hanyalah anak angkat kerana hubungannya yang sangat erat dengan abangnya, Azraai.
... Peristiwa Farisha menangis teresak-esak selepas mendapat tahu bahawa abangnya, Azraai disahkan oleh doktor mempunyai masalah jantung. Pada malam itu, dia tidak dapat melelapkan matanya kerana menangis apabila memikirkan hal tersebut. Peristiwa ini menimbulkan perasaan simpati kepada pembaca kerana Farisha sangat bimbang dan mengambil berat akan kesihatan abangnya.

Novel "Pantai Kasih"

(a) Dua persoalan:

... Persoalan tentang dendam kesumat yang membawa kebinasaan dalam keluarga. Contohnya, Doktor Sadiz sanggup membakar kereta mewahnya walaupun menyebabkan kematian anaknya, Rohayu kerana perasaan dendam terhadap isterinya yang enggan menghantar Rohayu ke Pusat Rawatan Khas.
... Persoalan tentang keredaan terhadap ketentuan Tuhan. Contohnya, Doktor Raiha reda dan memaafkan pihak yang terlibat dengan kes kematian anaknya, Rohayu.

(b) Dua peristiwa yang menimbulkan perasaan simpati kepada pembaca:

... Peristiwa Doktor Raiha tidak mahu menggugurkan kandungannya. Doktor Sadiz memaksa Doktor Raiha supaya menggugurkan kandungannya setelah mengetahui janin dalam kandungannya cacat. Peristiwa ini menimbulkan perasaan simpati kepada pembaca kerana bersimpati dengan nasib yang menimpak Doktor Raiha yang dipaksa oleh suaminya supaya menggugurkan kandungannya.
... Peristiwa kematian Rohayu yang tragis. Rohayu terkorban dalam kebakaran yang melibatkan kereta Porsche milik Doktor Sadiz. Doktor Sadiz telah membakar kereta itu kerana marah akan Doktor Raiha yang melarikan anaknya dengan menggunakan keretanya. Peristiwa ini menimbulkan perasaan simpati kerana pembaca berasa simpati dengan kematian Rohayu dan musibah yang menimpak Doktor Raiha

Praktis SPM 2

Novel "Jendela Menghadap Jalan"

(a) Dua latar tempat berserta contoh peristiwa:

... Kampung Sentosa. Contohnya, Lili menghabiskan cuti persekolahannya di Kampung Sentosa. Semasa berada di Kampung Sentosa, Lili dapat mengenali Geetha dan Danel William.
... Pondok usang di tepi belukar. Contohnya, Lili yang telah diculik oleh Haziq dan Rafiq disembunyikan di pondok usang ini. Di sini juga Danel bertindak berani dengan menyelamatkan Lili.

(b) Dua pengajaran:

... Kita mestilah berani mengambil tindakan untuk menyelamatkan nyawa seseorang. Contohnya, Danel bertindak berani apabila menyelamatkan Lili yang diculik serta disembunyikan oleh Rafiq dan Haziq di sebuah pondok usang.
... Kita hendaklah prihatin terhadap kesusahan yang dialami oleh masyarakat di sekeliling kita. Contohnya, Lili sangat prihatin

terhadap permasalahan yang berlaku dalam keluarga Che Jah yang menjadi mangsa keganasan Seman dan berusaha untuk membantu menyelesaikan permasalahan tersebut.

Novel "Leftenan Adnan Wira Bangsa"

(a) Dua latar tempat berserta contoh peristiwa:

... Kampung Sungai Ramal, Kajang. Contohnya, Leftenan Adnan dilahirkan, dibesarkan, dan mendapat pendidikan di sini.
... Kem Latihan Haiq Lines, Port Dickson. Contohnya, Adnan menyertai skuad pertama menjalani latihan ketenteraan di sini bersama-sama Mamat. Selama setahun, mereka dilatih dengan pelbagai ilmu ketenteraan seperti menggunakan senjata api, gerak gempur, dan teknik mempertahankan diri.

(b) Dua pengajaran:

... Sebagai seorang suami, kita hendaklah memastikan keselamatan anggota keluarga sentiasa terjamin. Contohnya, Leftenan Adnan menghantar isteri dan anak-anaknya ke rumah mentuanya apabila memikirkan keselamatan keluarganya sekiranya tentera Jepun menyerang Tanah Melayu.
... Kita haruslah mempunyai semangat cinta akan negara yang kuat supaya kedaulatan negara kita terjamin. Contohnya, Leftenan Adnan dan pasukannya berjuang habis-habisan ketika menentang tentera Jepun di Bukit Candu demi perasaan cinta akan negara yang ada dalam diri mereka.

Novel "Di Sebalik Dinara"

(a) Dua latar tempat berserta contoh peristiwa:

... Hotel Renaissance, Kuala Lumpur. Contohnya, Farisha menghadiri satu simposium bersama-sama Rosman di sini. Agram turut serta dalam simposium ini dan mereka bertukar-tukar maklumat. Di sini juga Farisha diperangkap oleh Agram untuk mendapatkan maklumat menggunakan pen yang mempunyai *penetrator*.
... Apartmen Farisha. Contohnya, apartmen Farisha dilengkapi *retinal scanner* dan Azraai menyambung interkom di rumah Farisha dengan rumahnya untuk meningkatkan tahap keselamatan Farisha.

(b) Dua pengajaran:

... Kita hendaklah gigih berusaha untuk memperoleh kejayaan walaupun menghadapi dugaan hidup. Contohnya, Farisha gigih melaksanakan tugasnya menggodam sistem Dinara daripada dimasuki virus bom jangka.
... Kita haruslah menghormati dan menyayangi ibu bapa kita. Contohnya, Farisha tetap menghormati dan menyayangi ibu bapanya meskipun dijadikan bahan uji kaji untuk kepentingan Soft Lab.

Novel "Pantai Kasih"

(a) Dua latar tempat berserta contoh peristiwa:

... Pusat Rawatan Pantai Kasih. Contohnya, Doktor Raiha bertugas sebagai pakar bedah di pusat rawatan mewah milik keluarga Doktor Uwang dengan penuh tanggungjawab dan dedikasi.
... Bilik bedah Pusat Rawatan Pantai Kasih. Contohnya, seorang pemuda yang kurang siuan telah menyamar sebagai doktor dan menahan Felicia di dalam bilik bedah.

(b) Dua pengajaran:

... Kita mestilah bertanggungjawab untuk melaksanakan tugas yang diamanahkan kepada kita. Contohnya, Doktor Raiha bertanggungjawab merawat pesakitnya, iaitu Unong Siron yang telah lima kali menjalani pembedahan oleh Doktor Uwang.
... Kita mestilah berani menegur kesilapan orang lain agar kesilapan tersebut dapat dibaiki. Contohnya, Doktor Raiha berani menegur sikap Felicia yang kasar terhadap ibu Unong Siron.

Praktis SPM 3

Novel "Jendela Menghadap Jalan"

(a) Tema dan contoh peristiwa:

... Tema: Kecekanan seorang gadis semasa menempuh berbagai ujian dan riuntangan.
... Contoh peristiwa yang menggambarkan tema ini ialah sepanjang berada di Kampung Sentosa, Lili tidak menghubungi ibunya di Kuala Lumpur untuk mengadu nasib atau berkongsi masalah yang dihadapinya. Sebaliknya, Lili berusaha dengan sedaya upayanya untuk menempuh semua ujian tersebut dengan semangat yang kental.

(b) Dua keistimewaan perwatakan utama:

... Lili menghormati dan mematuhi arahan ibu bapanya. Contohnya, Lili melupakan hasratnya untuk bercuti bersama-sama rakannya kerana menghormati permintaan ibunya yang mahukannya bercuti di Kampung Sentosa dengan datuk dan neneknya.

... Lili seorang yang berhati lembut dan bersympati terhadap kesusahan orang lain. Contohnya, Lili berasa simpati akan nasib malang yang menimpah Che Jah dan anak-anaknya akibat perbuatan suaminya, Seman yang panas baran serta tidak berdendam terhadap Rafiq dan Haziq yang telah menculiknya.

Novel "Leftenan Adnan Wira Bangsa"

(a) Tema dan contoh peristiwa:

... Tema: Keberanian dan keperwiraan askar Melayu yang sanggup berjuang hingga titisan darah yang terakhir.
... Contoh peristiwa yang menggambarkan tema ini ialah Leftenan Adnan dan pasukannya berjuang bermati-matian hingga titisan darah yang terakhir untuk mempertahankan tanah air yang tercinta daripada dikuasai oleh tentera Jepun. Keberanian Leftenan Adnan mendapat penghormatan dan pujian daripada banyak pihak.

(b) Dua keistimewaan perwatakan utama:

... Leftenan Adnan mempunyai semangat cinta akan negara yang tinggi. Contohnya, Leftenan Adnan sanggup meninggalkan bidang perguruan untuk menyertai latihan ketenteraan di Port Dickson.
... Leftenan Adnan seorang yang tenang dan bijaksana semasa menghadapi keadaan yang sangat genting. Contohnya, Leftenan Adnan bijak membaca muslihat tentera Jepun meskipun tentera Jepun menyamar sebagai askar India dengan turban ketika menyerang askar Melayu.

Novel "Di Sebalik Dinara"

(a) Tema dan contoh peristiwa:

... Tema: Ketaasuhan manusia terhadap teknologi hingga menghilangkan sifat kemanusiaan.
... Contoh peristiwa yang menggambarkan tema ini ialah Karl, seorang saintis berjaya membangunkan sistem Dinara yang digunakan untuk menyimpan maklumat penyelidikan. Karl menjalankan pelbagai uji kaji terhadap manusia termasuk keluarganya sendiri. Karl juga telah mencipta manusia *cyborg* dan mikrocip yang berfungsi untuk memindahkan maklumat daripada seorang manusia kepada manusia yang lain. Walaupun Karl sedang sakit tenat, namun dia masih mampu berhubung dengan Farisha melalui mikrocip yang disimpannya di dalam tubuh Farisha.

(b) Dua keistimewaan perwatakan utama:

... Farisha seorang yang penyayang terhadap anggota keluarganya. Contohnya, Farisha sangat menyayangi abangnya, Azraai dan keluarganya. Lantaran itu, Farisha berasa sedih apabila mengetahui abangnya, Azraai menghidap sakit jantung.
... Farisha sentiasa berhati-hati semasa membuat sesuatu keputusan. Contohnya, Farisha sentiasa berhati-hati sebelum membuat sesuatu keputusan serta membuat pertimbangan sebelum menerima tawaran yang lumayan daripada Aqram. Selain itu, Farisha juga meminta pendapat dan pandangan daripada abangnya, Azraai.

Novel "Pantai Kasih"

(a) Tema dan contoh peristiwa:

... Tema: Ketabahan seorang wanita ketika menghadapi cabaran sebagai seorang pakar bedah.
... Contoh peristiwa yang menggambarkan tema ini ialah Doktor Raiha, iaitu seorang pakar bedah tabah menghadapi konflik dan tekanan setelah kematian anak tunggalnya, Rohayu dalam suatu kebakaran kereta. Doktor Raiha juga tabah menghadapi penolakan ayah kandungnya terhadap relaki pilihannya, keretakan rumah tanggannya, dan pelbagai masalah yang timbul di tempat kerjanya, iaitu Pusat Rawatan Pantai Kasih (PRPK).

(b) Dua keistimewaan perwatakan utama:

... Doktor Raiha bersikap profesional terhadap tugas yang diamanahkan kepada dirinya. Contohnya, sebagai doktor pakar, Doktor Raiha sanggup melakukan pembedahan terhadap pesakit Unong Siron yang telah menjalani pembedahan penggantian sendi tulang pinggul sebanyak lima kali di bawah pengawasan Doktor Uwang tetapi tidak berjaya. Doktor Raiha berusaha untuk melaksanakan tugas tersebut dengan cemerlangnya walaupun menghadapi masalah peribadi.
... Doktor Raiha seorang yang penyabar dan tabah semasa menghadapi dugaan hidup. Contohnya, Doktor Raiha sentiasa bersabar semasa melayan kerenah anak tunggalnya, Rohayu yang menghidap sindrom Down serta bersabar dengan sikap suaminya, Doktor Sadiz yang tidak menerima kehadiran Rohayu. Doktor Raiha juga tabah menghadapi kematian anak tunggalnya itu dalam suatu peristiwa yang tragis.

Praktis SPM 4

Novel "Jendela Menghadap Jalan"

(a) Latar masyarakat:

... Masyarakat yang mengalami masalah rumah tangga. Contohnya, Che Jah dan anak-anaknya sering dipukul oleh Seman yang panas baran dan kaki pukul.
... Masyarakat yang prihatin akan kesusahan orang lain. Contohnya, Lili berusaha untuk membantu Che Jah yang berhadapan dengan masalah keganasan suaminya, Seman yang panas baran dengan menceritakan masalah tersebut kepada Puan Hamimah yang merupakan Penolong Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat.

(b) Dua peristiwa yang menimbulkan perasaan gembira kepada pembaca:

... Peristiwa Haziq dan Rafiq akhirnya insaf akan perbuatan mereka menculik Lili, mencuri harta orang kampung, dan menagih dadah. Pembaca berasa gembira apabila melihat perubahan positif keluarga Seman khususnya Haziq dan Rafiq.
... Peristiwa keluarga Che Jah yang porak-peranda akibat tindakan suaminya, Seman yang tidak bertanggungjawab akhirnya dapat diselesaikan. Peristiwa tersebut menimbulkan perasaan gembira kepada pembaca yang mahu melihat keluarga Che Jah hidup dengan bahagianya.

Novel "Leftenan Adnan Wira Bangsa"

(a) Latar masyarakat:

... Masyarakat yang sanggup berkorban nyawa untuk mempertahankan negara. Contohnya, Leftenan Adnan dan pasukannya sanggup mempertahankan negara daripada ancaman tentera Jepun di Bukit Candu hingga titisan darah yang terakhir.
... Masyarakat yang bertanggungjawab terhadap keluarga. Contohnya, Leftenan Adnan bertanggungjawab menghantar isteri dan anak-anaknya ke rumah mentuanya supaya keselamatan mereka terjamin apabila terdengar ura-ura tentera Jepun akan menyerang Tanah Melayu dan Singapura.

(b) Dua peristiwa yang menimbulkan perasaan gembira kepada pembaca:

... Peristiwa Adnan menjuarai pertandingan syarahan dalam bahasa Inggeris walaupun dia belum fasih berbahasa Inggeris. Peristiwa tersebut menimbulkan perasaan gembira kepada pembaca kerana melihat kejayaan seorang anak Melayu seperti Adnan yang tidak mudah berputus asa walaupun terpaksa bersaing dengan peserta yang lain.
... Peristiwa Leftenan Adnan dinaikkan pangkat sebagai sarjan dan kemudian leftenan sebagai bukti bahawa Leftenan Adnan sangat bertanggungjawab terhadap tugasnya. Pembaca berasa gembira apabila melihat pencapaian Leftenan Adnan sebagai tentera yang amat membanggakan.

Novel "Di Sebalik Dinara"

(a) Latar masyarakat:

... Masyarakat yang celik teknologi maklumat. Contohnya, Karl menguasai teknologi maklumat dan membina sistem Dinara yang digunakan untuk menyimpan hasil penyelidikannya. Farisha melaksanakan tugasnya untuk membersihkan sistem Dinara daripada serangan virus.
... Masyarakat yang penyayang. Contohnya, Azraai sangat menyayangi adik angkatnya, Farisha dan mengambil berat akan keselamatan Farisha dengan memasang *retinal scanner* dan interkom di rumah Farisha.

(b) Dua peristiwa yang menimbulkan perasaan gembira kepada pembaca:

... Peristiwa Farisha bertemu semula dengan ibu kandungnya, Medina setelah sekian lama terpisah dengan bantuan abang angkatnya, Azraai. Pembaca berasa gembira kerana usaha Medina mencari anak kandungnya, Farisha akhirnya berjaya setelah terpisah sekian lamanya.
... Peristiwa Farisha dan rakan kongsinya, Rosman ditawarkan projek bernilai RM1.5 juta daripada Soft Lab untuk menggodam sistem Dinara oleh Dr. Maxi. Peristiwa tersebut menimbulkan perasaan gembira kepada pembaca atas kejayaan Farisha dan Rosman.

Novel "Pantai Kasih"

(a) Latar masyarakat:

... Masyarakat yang saling bekerjasama semasa melaksanakan tugas. Contohnya, Doktor Raiha bekerjasama dengan Doktor Alex Ng dan Doktor Mohammad semasa melakukan pembedahan terhadap pesakit yang bernama Unong Siron.
... Masyarakat yang tabah menghadapi dugaan hidup. Contohnya, Doktor Raiha tabah menghadapi dugaan hidup akibat kematian anak tunggalnya, Rohayu dalam suatu kebakaran kereta.

- (b) Dua peristiwa yang menimbulkan perasaan gembira kepada pembaca:
- ... Peristiwa Doktor Raiha berusaha untuk membantu menjalankan pembedahan terhadap Unong Siron yang gagal dilaksanakan oleh Doktor Uwang sebanyak lima kali. Pembaca berasa gembira akan sikap profesional Doktor Raiha yang memberikan harapan kepada Unong Siron.
 - ... Peristiwa Raiha rajin dan tekun belajar untuk mencapai cita-citanya menjadi doktor pakar bedah walaupun tidak direstui oleh ayahnya. Peristiwa ini menimbulkan kegembiraan kepada pembaca kerana kesungguhan dan usaha Raiha yang bersungguh-sungguh akhirnya membuat hasil.

Praktis SPM 5

Novel "Jendela Menghadap Jalan"

(a) Dua latar masa:

... Waktu pagi. Contohnya, ibu membangunkan Lili daripada tidur dan meminta Lili bersiap-siap ke stesen bas supaya tidak ketinggalan bas untuk balik ke kampung datuknya di Kampung Sentosa di Dungun, Terengganu.

... Waktu malam. Contohnya, Abang Rashid membawa Lili makan malam di pasar malam.

(b) Dua nilai kemanusiaan:

... Nilai kasih sayang. Contohnya, Hajah Aisyah sangat menyayangi cucunya, Lili. Lantaran kasih sayangnya terhadap cucunya itu, Hajah Aisyah tidak membenarkan Lili ke pekan bersendirian, kecuali ditemani oleh Abang Rashid demi keselamatan cucunya itu.

... Nilai kegigihan. Contohnya, datuk Lili gigih ke hutan untuk mencari akar-akar kayu dan tumbuhan eksotik untuk tujuan perubatan tradisional.

Novel "Leftenan Adnan Wira Bangsa"

(a) Dua latar masa:

... 1 Mac 1933. Contohnya, Adnan memulakan hari pertamanya menjalani latihan ketenteraan di Kem Latihan Haiq Lines di Port Dickson.

... 15 Ogos 1945. Contohnya, penduduk Tanah Melayu dikejutkan dengan berita pengguguran bom atom oleh Amerika Syarikat di Hiroshima dan Nagasaki. Akhirnya, Jepun menyerah kalah dan British memerintah Tanah Melayu semula.

(b) Dua nilai kemanusiaan:

... Nilai tanggungjawab. Contohnya, Adnan membantu ayahnya menoreh getah di kebun getah pada waktu pagi dan membanting tulang di sawah pada waktu petang.

... Nilai kesyukuran. Contohnya, Pak Saidi mengadakan majlis doa selamat bersempena dengan pemergian Adnan ke Port Dickson untuk menjalani latihan ketenteraan.

Novel "Di Sebalik Dinara"

(a) Dua latar masa:

... Waktu pagi. Contohnya, Farisha menunggu Rosman yang berjanji untuk menjemputnya ke Hotel Renaissance bagi menghadiri simposium pada pukul 9.00 pagi.

... Waktu malam. Contohnya, Karl menghembuskan nafasnya pada jam 7.00 malam di rumah agamnya.

(b) Dua nilai kemanusiaan:

... Nilai baik hati. Contohnya, keluarga Azraai telah menjaga dan membesarakan Farisha sejak Farisha berumur dua tahun.

... Nilai tanggungjawab. Contohnya, Farisha bertanggungjawab untuk membantu mengukuhkan Soft Lab dan menggodam sistem Dinara yang diserang virus bom jangka.

Novel "Pantai Kasih"

(a) Dua latar masa:

... Waktu petang. Contohnya, pembedahan sendi tulang pinggul kali keenam terhadap Unong Siron dijalankan oleh Doktor Raiha pada waktu senja.

... Waktu malam. Contohnya, Doktor Uwang ke pusat hiburan eksklusif pada waktu malam untuk menenangkan fikirannya selepas dia melihat gambaran wajah kanak-kanak perempuan yang mirip dengan wajah anak Doktor Raiha di kaca televisyen.

(b) Dua nilai kemanusiaan:

... Nilai ketabahan. Contohnya, Doktor Raiha tabah menghadapi konflik dan tekanan setelah kematian anak tunggalnya, Rohayu dalam suatu kebakaran kereta.

... Nilai kegigihan. Contohnya, Doktor Uwang gigih berusaha untuk memajukan Pusat Rawatan Pantai Kasih daripada sebuah pusat rawatan kecil sehingga menjadi pusat rawatan yang mewah dan terkenal.

FOKUS KBAT

Novel "Jendela Menghadap Jalan"

(a) Dua kritikan sosial:

... Pengarang mengkritik sikap masyarakat yang sentiasa bersikap buruk sangka terhadap orang lain. Contohnya, penduduk kampung menuduh Haziq dan Rafiq mencuri kubah surau sedangkan ayah mereka, Seman yang melakukannya.

... Pengarang mengkritik sikap masyarakat yang tidak bertanggungjawab terhadap keluarga. Contohnya, Seman tidak bertanggungjawab terhadap keluarganya kerana terlibat dengan perjudian dan alkohol serta sanggup mendera isteri dan anak-anaknya apabila mabuk.

(b) Dua peristiwa menarik, alasan, dan pengajaran daripada peristiwa:

... Peristiwa penduduk kampung akhirnya bersetuju untuk pembinaan masjid baharu di kampung mereka. Alasannya, peristiwa ini menggambarkan wujudnya persefahaman antara penduduk kampung yang pada mulanya saling berbalah dan berbeza pendapat. Pengajarannya, kita hendaklah bekerjasama untuk membina dan memastikan pembinaan masjid baharu itu siap dengan sepenuhnya.

... Peristiwa Geetha mendapat tawaran melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya dalam bidang kejuruteraan awam. Alasannya, peristiwa ini menggambarkan kegigihan dan kesungguhan Geetha yang berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mendapatkan keputusan yang cemerlang dan mencapai impianinya ke menara gading. Pengajarannya, kita hendaklah memastikan generasi muda memperoleh pendidikan yang secukupnya supaya mereka dapat menempuh cabaran.

Novel "Leftenan Adnan Wira Bangsa"

(a) Dua kritikan sosial:

... Pengarang mengkritik masyarakat yang tidak mempunyai sikap patriotik dan bersikap individualistik. Contohnya, sikap Samad yang sanggup menjadi tali barut Jepun dan mengintip bagi pihak Jepun untuk mendapatkan maklumat pertahanan pasukan askar Melayu sebelum tentera Jepun melancarkan serangan.

... Pengarang mengkritik sikap masyarakat yang berfikiran sempit terhadap kepentingan pendidikan. Contohnya, segelintir masyarakat kampung mempertikaikan keputusan Pak Saidi menghantar anaknya, Adnan ke sekolah Inggeris. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka beranggapan bahawa Adnan akan terpengaruh dan murtad sekiranya melanjutkan pelajaran di sekolah tersebut.

(b) Dua peristiwa menarik, alasan, dan pengajaran daripada peristiwa:

... Peristiwa Pak Saidi menghantar anaknya, Adnan melanjutkan pelajaran di sekolah Inggeris kerana mahu anaknya menjadi insan yang mempunyai ilmu pengetahuan. Pak Saidi sanggup menghantar dan mengambil anaknya ke sekolah dengan basikal pada setiap hari. Alasannya, peristiwa ini menggambarkan kesungguhan dan cita-cita Pak Saidi yang mahu melihat anaknya berjaya menjadi manusia yang berguna dan menjadi pemimpin negara pada masa akan datang. Pengajarannya, kita mestilah melaksanakan tanggungjawab sebagai ibu bapa dengan sepenuh hati agar anak-anak mendapat manfaat untuk kebaikan dan masa hadapan mereka.

... Peristiwa Adnan dan Mamat mengikuti latihan fizikal dan mental sebagai persediaan menjadi seorang tentera. Alasannya, peristiwa ini memperlihatkan kesungguhan Adnan dan Mamat menjalani latihan supaya dapat dipilih menjadi tentera dan dapat berjuang untuk mempertahankan negara daripada pihak musuh. Pengajarannya, kita hendaklah bersikap positif terhadap tugas yang diamanahkan kepada kita agar kita dapat mencapai kecemerlangan dalam tugas tersebut.

Novel "Di Sebalik Dinara"

(a) Dua kritikan sosial:

... Pengarang mengkritik sikap masyarakat yang terlalu taat terhadap sains dan teknologi untuk kepentingan diri. Contohnya, Karl dan Medina/Marilyn sanggup menggunakan anak mereka, Farisha sebagai bahan uji dengan memasang mikrocip pada tubuh Farisha. Karl juga sanggup menjadikan isterinya, Medina gila.

... Pengarang mengkritik sikap masyarakat yang tamak haloba. Contohnya, Karl bersikap tamak dengan mencipta pelbagai ciptaan sains seperti manusia cyborg untuk kepentingan dirinya sendiri.

(b) Dua peristiwa menarik, alasan, dan pengajaran daripada peristiwa:

... Peristiwa tentang rahsia ibu bapa sebenar Farisha terbongkar. Medina merupakan ibu Farisha manakala Karl pula ayahnya yang bertanggungjawab mengeksplorasi Farisha untuk kepentingan kajianinya di Soft Lab. Alasannya, peristiwa ini membuktikan Karl dan Medina/Marylin akhirnya mengaku Farisha sebagai anak mereka. Pengajarannya, setiap pasangan

suami isteri hendaklah bersikap jujur dan tidak menyimpan dendam antara satu sama lain supaya rumah tangga yang dibina kekal bahagia.

... Peristiwa Shida menggantikan Farisha untuk berhubung dengan Karl apabila Farisha jatuh pengsan di Soft Lab. Alasannya, peristiwa ini memberikan peluang kepada Shida untuk merasai pengalaman berhubung dengan Karl dan membantu menyelesaikan masalah sistem Dinara. Pengajarannya, kita hendaklah menyiasat sesuatu perkara sebelum menerima supaya tidak menyesal pada kemudian hari.

Novel "Pantai Kasih"

(a) Dua kritikan sosial:

... Pengarang mengkritik sikap masyarakat korporat yang mementingkan keuntungan semata-mata. Contohnya, Doktor Uwang, pemilik Pusat Rawatan Pantai Kasih tidak mempedulikan penderitaan pesakitnya asalkan mereka mampu membayar kos rawatan yang mahal. Doktor Uwang juga lebih mementingkan pesakit yang mempunyai status yang tinggi.
... Pengarang mengkritik sikap masyarakat yang kejam dan mementingkan diri sendiri. Contohnya, Felicia Landosi sanggup terlibat dengan komplottan kematian Rohayu, anak Doktor Raiha supaya jawatannya sebagai ketua jururawat di Pusat Rawatan Pantai Kasih terjamin.

(b) Dua peristiwa menarik, alasan, dan pengajaran daripada peristiwa:

... Peristiwa ibu Unong Siron yang berjaya memujuk relaki yang menyamar sebagai doktor dan telah menjadikan Ketua Jururawat Pusat Rawatan Pantai Kasih (PRPK), Felicia Landosi sebagai tebusan. Ibu Unong Siron mengenali relaki tersebut dan meminta pertolongannya untuk merawat anaknya yang sedang sakit. Alasannya, peristiwa ini menjelaskan bahawa tindakan pantas ibu Unong Siron telah dapat menyelamatkan Felicia Landosi daripada menjadi mangsa keganasan penceroboh tersebut. Pengajarannya, kita hendaklah bersikap rasional dan bijak mengawal emosi ketika sesuatu menyelesaikan masalah.
... Peristiwa Doktor Raiha milarikan anaknya, Rohayu kerana tidak bersetuju dengan tindakan suaminya menghantar Rohayu ke pusat rawatan pemulihan untuk anak-anak sindrom Down. Alasannya, peristiwa ini membuktikan bahawa kasih sayang Doktor Raiha terhadap anaknya tidak berbelah bahagi walaupun anaknya cacat. Pengajarannya, setiap ibu bapa hendaklah berani menghadapi masalah yang melibatkan anak serta sentiasa menerima kekurangan dan kelebihan anak.

PENILAIAN AKHIR TAHUN

KERTAS 1

Bahagian A

Rangka Karangan

Pendahuluan

Malaysia dijangka mencapai tahap negara maju pada tahun 2025 – kemajuan negara bukan hanya merujuk aspek pembangunan fizikal – kemajuan pemikiran bagi mencapai minda kelas pertama dalam kalangan rakyat perlu diberi keutamaan

Isi-isi Penting

1. pada masa hadapan, masyarakat lebih bersifat terbuka untuk menghayati silang budaya – budaya sesuatu kaum dapat diamalkan oleh kaum lain dengan baiknya – perkara yang tidak berkaitan dengan agama dapat diamalkan secara bersama-sama dan bertoleransi – rakyat lebih bangga mengamalkan pelbagai budaya
2. pada masa hadapan, rakyat sanggup berjuang untuk negara – rakyat sanggup berkorban kesenangan demi negara – rakyat sanggup mempertahankan negara ketika menghadapi masalah – rakyat berasa amat rugi jika tidak memerah keringat demi negara – mempertahankan negara bagaikan mempertahankan nyawa sendiri
3. pada masa hadapan, perpaduan semakin kukuh – rakyat Malaysia lebih menghayati kepentingan perpaduan – perpaduan semakin kukuh – rakyat lebih memikirkan sumbangan mereka yang berbilang bangsa kepada negara – rakyat bersatu padu untuk menyumbang bakti kepada negara

Penutup

rakyat perlu memiliki minda kelas pertama supaya negara akan lebih maju dan makmur – menjadi sebahagian daripada pembina negara – kesimpulannya, kemajuan negara kini dan pada masa hadapan bergantung pada kesanggupan rakyat untuk berkorban

Bahagian B

Soalan 1

Rangka Karangan

Pendahuluan

penggunaan kad elektronik bukanlah perkara baru dalam kehidupan

masyarakat – kad ini mula popular sejak tahun 80-an – bermula dengan penggunaan kad kredit diikuti oleh kad Touch'nGo – kini, penggunaan kad elektronik merangkumi pengurusan penginapan dan hubungan dengan pihak lain

Isi-isi Penting

1. kad elektronik merupakan inovasi yang berjaya mengubah cara saya berfikir – suatu masa dahulu, saya berpendapat bahawa kehidupan saya akan setara sahaja – tiada kemajuan sains yang akan mempengaruhi kehidupan saya – telahan saya silap – kini saya tidak perlu lagi membawa wang tunai untuk meneruskan kehidupan
2. kad elektronik memudahkan pergerakan saya – dalam bidang pengurusan kewangan, saya hanya perlu menggunakan kad elektronik untuk urusan jual beli – saya tidak berasa bimbang akan kehilangan wang kerana kad elektronik saya tidak boleh dimiliki oleh orang lain
3. kad elektronik mempercepat perjalanan saya – ketika saya dan keluarga menggunakan lebuh raya bertol, kami hanya menggunakan kad Touch'nGo – saya dan keluarga tidak perlu beratur panjang – menjimatkan masa perjalanan – rebat juga diberikan kepada saya setelah menggunakan kad elektronik untuk tempoh tertentu
4. kad elektronik menjamin keselamatan saya – kad elektronik digunakan ketika saya menginap di hotel – hanya saya yang dapat mengakses masuk ke bilik tersebut – saya berasa selamat dan selesa – barang peribadi yang tersimpan di dalam peti berkunci juga selamat
5. kad elektronik memberi saya bonus yang banyak – pengendali kad elektronik sentiasa menawarkan pelbagai bonus – contohnya pembelian makanan segera dengan harga yang lebih rendah – mata ganjaran juga diperkenalkan oleh pengendali kad ini – boleh digunakan ketika membeli-belah

Penutup:

jelaslah bahawa penggunaan kad elektronik merupakan gaya hidup yang mendatangkan manfaat kepada masyarakat termasuk diri saya sendiri – kehidupan semakin canggih dari semasa ke semasa – harapan agar kemudahan kad elektronik tidak disalahgunakan oleh mana-mana pihak – baik buruk sesuatu perkara bergantung pada cara penggunaan dan niat pengguna itu sendiri

Soalan 2

Rangka Karangan

Pendahuluan

remaja ialah seseorang yang berusia antara 12 hingga 21 tahun – pada peringkat umur ini, biasanya remaja masih berada di bangku sekolah – pakar kaunseling keluarga merumuskan bahawa pada usia ini, anak-anak memerlukan perhatian yang luar biasa – kemahiran yang perlu dimiliki oleh ibu bapa ketika mendidik golongan remaja

Isi-isi Penting

1. ibu bapa perlu memiliki kemahiran mendengar – remaja berasa selesa untuk meluahkan pandangan dan permasalahan – kemahiran mendengar seiring dengan sifat sabar – sifat sabar membolehkan ibu bapa dapat mencungkil segala isu berbangkit berkaitan dengan remaja
2. ibu bapa perlu memiliki kemahiran memujuk – remaja tidak mahu diberi arahan yang berpanjangan – remaja mahu dipujuk secara lembut supaya mereka melakukan sesuatu kebaikan – ibu bapa perlu menggunakan laras bahasa memujuk dan sentiasa memberikan motivasi
3. ibu bapa perlu mempunyai kemahiran teknologi – remaja dan teknologi tidak dapat dipisahkan – untuk memudahkan ibu bapa mendekati remaja, mereka perlu mengetahui sedikit banyak berkaitan dengan teknologi – lebih dihormati oleh remaja – kemahiran teknologi juga boleh digunakan untuk mengesan aktiviti remaja melalui gajet
4. ibu bapa perlu mempunyai kemahiran kaunseling – kemahiran ini penting untuk memahami tingkah laku remaja – ibu bapa perlu merancang sesuatu dengan konsep mencegah adalah lebih baik daripada mengubati – ibu bapa tidak boleh menunggu sehingga timbul masalah barulah hendak bertindak
5. ibu bapa perlu mempunyai kemahiran telahan – mereka mestilah dapat mengagak perubahan tingkah laku remaja – mereka juga mestilah dapat menelah masalah yang sedang disembunyikan oleh anak-anak – langkah bagi menyelesaikan kemelut perlu bermula dengan telahan yang bijaksana

Penutup

peranan ibu bapa sangat penting ketika mendidik anak-anak pada usia remaja – kelalaian ibu bapa pada momen ini boleh menyebabkan kesan buruk yang berpanjangan – ibu bapa wajib mempersiapkan diri dengan kemahiran berkenaan demi masa hadapan anak-anak

Soalan 3

Rangka Karangan

Pendahuluan

anak-anak muda sering diperkatakan sejak belakangan ini – anak-anak muda merujuk golongan masyarakat yang berusia antara 21 hingga 39 tahun – golongan inilah yang paling banyak di negara ini – sering mendapat tempat dalam pelbagai bidang di negara ini sekarang

Isi-isi Penting

1. anak-anak muda perlu menggagayakan peranan sebagai pemimpin setempat – contohnya, jika mereka pelajar di universiti, mereka perlu mencari peluang untuk memimpin walaupun hanya memimpin satu kelompok yang kecil – apabila anak muda memimpin orang lain, mereka akan berusaha untuk memimpin diri mereka sendiri terlebih dahulu
2. anak-anak muda perlu menggagayakan peranan sebagai orang yang berakhhlak mulia – sebagai contohnya, mereka perlu mentaati perintah agama – orang yang beragama sangat mudah diurus – apabila anak muda menghayati agama, mereka tidak akan terjebak dalam situasi yang tidak senonoh seperti melepak dan membuang masa
3. anak-anak muda perlu menggagayakan peranan sebagai cendekiawan – sebagai contohnya, mereka akan bersungguh-sungguh ketika menuntut ilmu – anak-anak muda yang suka mencari ilmu akan mempunyai minda yang sangat terbuka dan baik – mereka akan terus mengkaji, dan seterusnya menghebahkan kajian kepada khalayak
4. anak-anak muda perlu menggagayakan peranan sebagai orang yang sihat – sebagai contohnya, anak-anak muda akan bersenam secara berkala dan konsisten – anak-anak muda yang sihat akan dapat menyumbang tenaga yang lebih kepada masyarakat – anak-anak muda yang sedemikian akan menjadi teladan kepada generasi akan datang
5. anak-anak muda perlu menggagayakan peranan sebagai ahli atau ketua keluarga yang baik – ketua atau ahli keluarga yang baik ialah seseorang yang bertanggungjawab – seseorang yang bertanggungjawab sangat penting dalam sesbuah negara – kehebatan anak-anak muda dalam keluarga akan melambangkan dirinya jika diberi peluang memimpin pada peringkat yang lebih tinggi

Penutup

jelaslah bahawa anak-anak muda perlu bijak membawa diri dalam masyarakat – anak-anak muda perlu meningkatkan kewibawaan diri – jatuh bangunnya negara pada masa hadapan bergantung pada kewibawaan dan akhlak generasi muda kini – anak muda harus memahami bahawa kehadiran mereka sangat penting kepada masyarakat dan negara

Soalan 4

Rangka Karangan

Pendahuluan

Malaysia terkenal sebagai sebuah negara yang suka membantu negara lain – dalam usaha untuk membantu negara lain, Malaysia tidak pernah mengenal bangsa atau agama – bagi Malaysia, nilai kemanusiaan lebih penting daripada perkara lain ketika memberi bantuan – untuk membantu negara lain, persediaan awal perlu dilakukan terlebih dahulu

Isi-isi Penting

1. Malaysia perlu menyediakan rakyat yang bersiap siaga pada bila-bila masa sahaja untuk membantu negara lain – rakyat Malaysia dalam pelbagai bidang seperti bidang kedoktoran perlu disediakan dengan persediaan dari segi mental dan fizikal – membantu masyarakat yang ditimpa musibah pada bila-bila masa sahaja
2. Malaysia perlu mengadakan latihan fizikal secara sistematis kepada semua kakitangan awam – mereka yang dipilih untuk membantu mangsa mempunyai fizikal dan mental yang kuat – kesihatan kakitangan kerajaan perlu dipantau pada sepanjang masa – kecergasan mereka juga perlu sentiasa diuji – perlu sentiasa bersedia untuk memberikan khidmat
3. Malaysia perlu memantapkan pasukan khas untuk menghadapi bencana – pasukan seperti penyelamat darat, laut, dan udara perlu diperbanyak – ketika negara jiran menghadapi bencana, pasukan yang terdekat dengan kawasan bencana perlu pergi ke negara terbabit dengan segeraya untuk menghulurkan bantuan
4. Malaysia perlu menerapkan nilai murni bantu-membantu kepada semua rakyat sejak di bangku sekolah lagi – rakyat perlu dilatih supaya tidak bersikap mementingkan diri sendiri dan mengamalkan sikap ikram dengan masyarakat di negara lain – rakyat negara ini perlu membantu dengan tenaga dan bantuan harta benda
5. Malaysia perlu membentuk rakyat yang pemurah – rakyat perlu dilatih supaya sanggup bersedia untuk berkorban untuk membantu orang lain – tidak seharusnya kedekut untuk menyumbangkan wang ringgit kepada negara jiran demi maslahah sesama manusia – peribahasa “cubit paha kanan, paha kiri sakit juga” mestи diamalkan

Penutup

jelaslah bahawa Malaysia perlu bersiap sedia untuk membantu negara jiran yang ditimpa musibah – tanggungjawab kemanusiaan perlu dihayati oleh pelbagai lapisan masyarakat – amalan bantu-membantu perlu disemaikan dalam jiwa setiap rakyat Malaysia sejak mereka masih kecil

Soalan 5

Rangka Karangan

Pendahuluan

di Malaysia terdapat banyak pengkarya sastera – buku-buku sastera nukilan penulis tersohor terdapat di mana-mana sahaja kedai buku – masyarakat hanya membelek-belek buku sastera tersebut dan berlalu begitu sahaja – minat untuk membaca karya sastera semakin kurang dalam jiwa masyarakat

Isi-isi Penting

1. kemunculan media sosial menyebabkan masa banyak digunakan oleh masyarakat untuk perkara itu – masyarakat lebih suka bersantai dengan gajet berbanding dengan membaca buku-buku sastera – saiz gajet yang kecil dan mudah dibawa ke mana-mana sahaja menyebabkan buku bukan lagi menjadi pilihan masyarakat
2. kehidupan masyarakat yang rendam menyebabkan mereka sudah tiada masa untuk membaca buku sastera – buku sastera tidak boleh dibaca secara imbasan kerana pembaca perlu menghayati plot sebenar – masyarakat tiada masa lagi untuk menghayati sastera – kekangan kerja dan tugas
3. buku sastera sudah tidak mempunyai nilai ekonomi – membeli buku sastera sudah dianggap membazir oleh kebanyakan masyarakat – hanya sekali dibaca, buku ini akan ditinggalkan begitu sahaja – masyarakat juga boleh membaca buku sastera secara dalam talian jika mereka mahu
4. keadaan rumah yang semakin sempit – masyarakat sudah tidak suka membeli buku – jika mereka mahu membaca, mereka lebih rela meminjam buku daripada perpustakaan atau meminjam daripada rakan – apabila buku tiada di depan mata, mereka tidak lagi membaca buku sastera tersebut
5. kualiti penulisan karya sastera juga menjadi punca masyarakat sudah tidak berminat untuk membaca – penulis sekarang tidak kritis seperti Shahnon Ahmad atau Dato' A. Samad Said – pengamatan mereka sudah tidak setajam penulis senior – perkara ini menyebabkan masyarakat tidak berminat untuk membaca karya mereka

Penutup

jelaslah bahawa lambakan buku sastera melambangkan sastera di negara ini semakin suram – apabila buku tidak laris, penulis juga tidak berminat lagi untuk menulis – akan tiba suatu masa nanti, pembaca sastera tiada dan penulis pun tiada – akhirnya sastera di negara ini mati dengan sendirinya

KERTAS 2

Soalan 1: Rumusan

Pendahuluan

Kaedah 1: Petikan membincangkan faedah-faedah/kebaikan-kebaikan/manfaat-manfaat mengamalkan integriti dalam kalangan masyarakat di negara kita.

Kaedah 2: Rumusan membincangkan faedah-faedah/kebaikan-kebaikan/manfaat-manfaat mengamalkan integriti dan usaha-usaha untuk meningkatkan integriti dalam kalangan masyarakat.

Isi-isi Tersurat [Kepentingan-kepentingan Mengamalkan Integriti]

1. Seseorang yang teguh prinsip integritinya akan menjauhkan diri daripada sikap tercela.
2. Integriti memantapkan profesionalisme dalam kalangan kakitangan institusi atau agensi.
3. Integriti memastikan penghayatan nilai murni dalam pengurusan sikap pekerja.
4. Integriti meningkatkan kecekapan sistem penyampaian awam.
5. Integriti dapat memantapkan urus tadbir dengan berkesannya.
6. Kita dapat membentuk anggota masyarakat yang kukuh moral dan etika.
7. Integriti menghalang seseorang daripada menyalahgunakan kuasa dan melakukan jenayah.
8. Integriti menjadi pemangkin terhadap proses pembangunan negara.
9. Menerusi penjiawaan integriti, kita dapat mengubah mentaliti dan sikap rakyat.

Isi-isi Tersirat [Usaha-usaha untuk Meningkatkan Integriti dalam Kalangan Masyarakat]

1. Setiap individu memupuk budaya yang baik dan etika yang positif dalam segala bidang.
2. Setiap orang menghormati sistem dan tatacara yang diwujudkan oleh institusi.

3. Sesiaja sahaja mengamalkan etika yang positif kegiatan harian.
4. Menggalakkan masyarakat menjadikan integriti sebagai budaya hidup mereka.
5. Pelaksanaan agenda integriti dijalankan pada sepanjang tahun.
6. Mewujudkan secara jelasnya persekitaran yang menyokong penghayatan integriti.

Penutup/Kesimpulan

Kesimpulannya, setiap anggota masyarakat perlu memikul tanggungjawab untuk mengamalkan integriti dalam kehidupan agar nilai-nilai negatif dapat dijauhi oleh mereka.

Soalan 2: Pemahaman

Soalan 2(a) – Petikan Umum

- (i) ... maksud: proses penggantian nilai sedia ada dengan nilai baharu
- (ii) ... faktor: nilai mulia ini menjadi wawasan hidup agar mereka terus memartabatkan kecemerlangan bangsa Malaysia – mereka akan menceburkan diri dalam pelbagai perkhidmatan – integriti menampilkan kaedah membaiki perwatakan, minda, serta budi pekerti rakyat negara ini
- (iii) ... halangan: sukar untuk mengubah sikap masyarakat yang biasa mengamalkan budaya tidak mementingkan integriti – sistem nilai masyarakat yang semakin berubah fokus ke arah mementingkan diri sendiri – masyarakat semakin tidak mengendahkan manfaat integriti dalam kehidupan mereka – wujudnya pihak yang cuba menghalang penghayatan integriti dalam kalangan masyarakat

Soalan 2(b) – Petikan Drama

- (i) ... faktor yang menyebabkan Nek Sinah berasa kesal terhadap Aiman: sikap Aiman yang tidak menghormatinya dan tidak menghargai pengorbanannya – Aiman memanggilnya dengan panggilan orang gaji – anggota keluarga Aiman terlalu sibuk dengan urusan masing-masing
- (ii) ... punca: kurang jati diri dan kurang didikan agama yang kukuh – generasi muda terpengaruh oleh media sosial seperti *Facebook*, *Instagram*, *WhatsApp*, dan sebagainya – pengaruh media elektronik yang memaparkan budaya barat yang bertentangan dengan budaya timur
- (iii) ... **satu** pengajaran yang terdapat dalam petikan: kita tidak seharusnya bersikap kurang ajar dan menuturkan kata-kata yang kasar apabila beracak dengan orang yang lebih tua daripada kita, contohnya Aiman seharusnya menghormati dan menghargai pengorbanan Nek Sinah yang menyediakan makan minumannya
satu pengajaran lain daripada keseluruhan drama yang tidak terdapat dalam petikan: kita hendaklah mempunyai semangat patriotik agar menjadi rakyat Malaysia yang bertanggungjawab, contohnya Aiman akhirnya menyahut seruan kerajaan untuk mengikuti PLKN – kita mestilah bertanggungjawab terhadap tugas yang diamanahkan agar kita menjadi insan yang amanah, contohnya Cikgu Dahari bertanggungjawab menjelaskan manfaat PLKN kepada murid-muridnya

Soalan 2(c) – Prosa Tradisional

- (i) ... maksud: terpijak mayat
- (ii) ... perkara yang telah berlaku kepada mayat Kertala Sari: syahwatnya telah dihiris oleh Laksamana – telinganya dikerat – kepalanya dikerat – kaki tangannya dikerat juga
- (iii) ... sebab: mahu mendapatkan perhatian daripada raja – mahu mendapatkan ganjaran/hadiah/wang daripada raja – mahu dilantik sebagai penggawa/penghulu/hulubalang

Soalan 2(d) – Puisi Tradisional

- (i) sifat raja Negeri Kembayat: raja yang bijaksana – raja yang adil – raja yang gagah perkasa
- (ii) faktor-faktor yang mendorong seseorang itu berhijrah ke tempat baharu: mencari peluang pekerjaan yang lebih baik dan terjamin – ingin menikmati kehidupan yang lebih baik di tempat baharu – meningkatkan ilmu pengetahuan/kursus/pendidikan di tempat baharu – ditawarkan gaji yang lebih lumayan di tempat baharu – memulakan hidup berkeluarga di tempat baharu
- (iii) **dua** pengajaran yang terdapat dalam syair: pemimpin hendaklah bersikap adil semasa menjalankan pemerintahan agar kebajikan rakyat sentiasa terjaga – pemimpin haruslah bijak semasa membuat keputusan apabila menghadapi cabaran agar mereka tidak tersilap ketika membuat keputusan

Jawapan Ekstra

- setiap rakyat mestilah taat akan pemerintah supaya kesejahteraan hidup rakyat terjamin
- kita hendaklah menjalankan tanggungjawab yang diberikan oleh rakyat dengan amanahnya agar kita menjadi insan yang bertanggungjawab

- kita hendaklah berjuang mempertahankan kedaulatan negara daripada diancam oleh pihak musuk agar kesejahteraan kita tidak tergugat

Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

- (a) (i) [elit: golongan yang dianggap berpengaruh, intelek, dan sebagainya] Pembangunan sebuah negara bukan sahaja terletak dalam tangan golongan elit tetapi juga sumbangan daripada seluruh rakyat.
- (ii) [etika: prinsip moral atau nilai-nilai akhlak (adat sopan santun dan sebagainya) yang menjadi pegangan seseorang individu atau sesuatu kumpulan manusia] Setiap pegawai dalam bidang perubatan dikehendaki mematuhi etika perubatan apabila melaksanakan tugas masing-masing.
- (iii) [drastik: keterlalu, terlalu keras (berkenaan sesuatu tindakan dan lain-lain)] Bagi sebuah negara yang berbilang kaum, adalah tidak wajar jika ada segelintir pihak yang bertindak drastik ketika menuntut sesuatu hak.
- (iv) [strategi: rancangan yang teratur (yang memperhitungkan pelbagai faktor) untuk mencapai matlamat atau kejayaan] Pasukan keselamatan telah mengatur pelbagai strategi untuk memerangkap kumpulan pengganas yang mengancam keamanan negara dan kesejahteraan rakyat.
- (v) [prestasi: hasil dan mutu yang diperoleh (dicapai) semasa menjalankan sesuatu tugas; pencapaian] Pengurangan kakitangan tidak wajar diizinkan jika hal tersebut akan menjadikan prestasi sebuah jabatan.
- (vi) [persepsi: gambaran atau bayangan dalam hati atau fikiran (tentang sesuatu); pandangan (menerusi pancaindera); tanggapan] Kita tidak seharusnya mengambil sesuatu tindakan berdasarkan persepsi semata-mata tetapi setiap tindakan yang kita ambil hendaklah berpaksikan bukti yang nyata.
- (b) (i) Ayat perintah
- (ii) Ayat seruan
- (iii) Ayat tanya
- (iv) Ayat tanya
- (v) Ayat penyata
- (vi) Ayat penyata
- (c) (i) Kesalahan ejaan: otomotif – automotif
Kesalahan dari segi imbuhan: menjadikan – menjadi
- (ii) Kesalahan ejaan: deminsi – dimensi
Kesalahan dari segi imbuhan: berdasar – berdasarkan
- (iii) Kesalahan ejaan: strategi – strategi
Kesalahan dari segi imbuhan: mengikutkan – mengikut
- (d) (i) Kesalahan penggunaan kata atau istilah: persekitaran – kedudukan
Kesalahan tatabahasa: Setengah orang – Sesetengah orang
- (ii) Kesalahan penggunaan kata atau istilah: purata – kos
Kesalahan tatabahasa: daripada – oleh
- (iii) Kesalahan penggunaan kata atau istilah: kesan hiliran – kesan sampingan
Kesalahan tatabahasa: dengan – seperti
- (e) (i) alah bisa tegal biasa
- (ii) alang-alang berdakwat biar hitam
- (iii) belakang parang jikalau diasah nescaya tajam

Soalan 4: Novel

Novel “Jendela Menghadap Jalan”

- (a) Dua teguran penulis kepada masyarakat:
 - ... Penulis menegur sikap masyarakat yang tidak bertanggungjawab terhadap tanggungjawab yang diamanahkan kepada mereka. Contohnya, Seman ialah ketua keluarga yang tidak bertanggungjawab terhadap keluarganya. Seman gemar berjudi, minum arak, serta sangat memukul isteri dan anak-anaknya. Pengajarannya, setiap ibu bapa hendaklah melaksanakan tanggungjawab terhadap keluarga dengan bijaksananya.
 - ... Penulis menegur sikap masyarakat yang terlibat dengan gejala penyalahgunaan dadah dan mencuri. Contohnya, anak-anak Seman dan Che Jah, iaitu Rafiq dan Haziq terlibat dengan gejala penyalahgunaan dadah dan mencuri. Pengajarannya, kita hendaklah menjauhkan diri daripada terlibat dengan penyalahgunaan dadah yang boleh menghancurkan hidup kita.
- (b) Bahagian klimaks dan peleraian novel:
 - ... Klimaks: Kesabaran Che Jah berakhir dan dia menyesali kebodohnya selama ini kerana membiarkan dirinya dianiayai oleh suaminya, Seman. Che Jah akur supaya suaminya dihadapkan ke muka pengadilan terhadap perbuatan suaminya mencuri kubah masjid sehingga menyebabkan anak-anak mereka menjadi mangsa keganasan rumah tangga.
 - ... Peleraian: Kejayaan Lili melepas semua ujian dan masalah masyarakat di Kampung Sentosa diselesaikan amat menggembirakan Lili. Lili juga berasa gembira kerana penduduk

kampung bersetuju untuk membina masjid. Lili berhasrat untuk balik ke kampung datuk dan neneknya semula walaupun rahsia jendela menghadap jalan sudah diketahuinya.

Novel "Leftenan Adnan Wira Bangsa"

(a) Dua teguran penulis kepada masyarakat:

- ... Penulis menegur sikap masyarakat yang suka membuang masa tanpa melakukan aktiviti yang berfaedah. Contohnya, Nordin dan kawan-kawannya lebih suka melepak dan berbulu kosong di warung Pak Samad daripada bekerja. Pengajarannya, kita hendaklah menggunakan masa dengan sebaik-baiknya dengan aktiviti yang bermanfaat.
- ... Penulis menegur sikap masyarakat yang bersikap pembelot hingga sanggup menggadaikan maruah dan harga diri serta mengancam kesejahteraan masyarakat dan negara. Contohnya, Samad sanggup menjadi pembelot kepada negaranya sendiri dengan memberikan maklumat kepada tentera Jepun supaya mudah menyerang tanah air. Pengajarannya, sebagai rakyat yang bertanggungjawab, kita haruslah mempertahankan negara daripada ancaman pihak musuh.

(b) Bahagian klimaks dan peleraian novel:

- ... Klimaks: Pertempuran sengit antara tentera British yang dibantu oleh pasukan tentera Melayu dengan tentera Jepun. Dalam pertempuran itu, banyak askar Jepun telah dibunuh oleh askar Melayu walaupun menggunakan senjata ringan. Leftenan Adnan ditangkap oleh tentera Jepun dan diseksa dengan kejamnya sehingga meninggal dunia.
- ... Peleraian: Jepun menyerah kalah apabila Amerika Syarikat menggugurkan bom atom di Nagasaki dan Hiroshima. Sofia bekerja semula sebagai guru di Sekolah Kebangsaan Sungai Ramal apabila Tanah Melayu diperintah semula oleh British. Sofia berkahwin dengan Ustaz Ridwan tetapi meninggal selepas empat tahun berkahwin akibat penyakit leukemia.

Novel "Pantai Kasih"

(a) Dua teguran penulis kepada masyarakat:

- ... Penulis menegur sikap masyarakat yang suka berfoya-foya. Contohnya, Doktor Uwang gemar berfoya-foya dan bertukar-tukar teman wanita walaupun sudah berkahwin. Pengajarannya, sikap suka berfoya-foya perlu dijauhi dalam kehidupan kita kerana menyalahi ajaran agama.
- ... Penulis menegur sikap masyarakat yang kejam dan tidak berperikemanusiaan. Contohnya, Doktor Sadiz mengugut

isterinya, Doktor Raiha supaya menggugurkan anak dalam kandungannya apabila mengetahui janin dalam kandungan isterinya cacat. Pengajarannya, kita hendaklah reda dengan ketentuan Tuhan dan tabah apabila menghadapi dugaan hidup.

(b) Bahagian klimaks dan peleraian novel:

- ... Klimaks: Doktor Uwang terlibat dalam kemalangan jalan raya apabila keretanya terbiasa lalu melanggar tembok garaj Pusat Rawatan Pantai Kasih. Doktor Uwang mengalami kecederaan dan perlu menjalani pembedahan penggantian sendi tulang pinggul.
- ... Peleraian: Felicia memohon maaf daripada Doktor Raiha kerana kesilapannya terlibat dalam kemalangan yang menimpa Rohayu, anak Doktor Raiha. Doktor Raiha menerima setiap peristiwa yang berlaku dalam hidupnya sebagai ujian daripada Tuhan.

Novel "Di Sebalik Dinara"

(a) Dua teguran penulis kepada masyarakat:

- ... Penulis menegur sikap masyarakat yang kejam sehingga mengabaikan nilai kemanusiaan. Contohnya, Karl mendera Rusmina kerana enggan meninggalkan agama Islam. Pengajarannya, kita hendaklah menghormati agama yang dianuti oleh orang lain agar kehidupan kita menjadi lebih harmoni.
- ... Penulis menegur sikap masyarakat yang tidak mempercayai Tuhan. Contohnya, Karl mengambil keputusan untuk murtad dan menjadi ateis. Pengajarannya, kita mestilah mengamalkan ajaran sesuatu agama yang kita anuti agar kehidupan lebih dirahmati oleh Tuhan.

(b) Bahagian klimaks dan peleraian novel:

- ... Klimaks: Medina muncul di Soft Lab bersama-sama Farisha dan dua orang suruhannya ketika Karl menguasai Shida. Medina bertengkar dengan Karl apabila Karl mendedahkan perkara sebenar bahawa Farisha ialah anak kandungnya yang dijadikan bahan uji kaji. Karl menanam pelbagai jenis impalan dan mikrocip pada tubuh Farisha sekawtu kecil untuk menjadikan Farisha seorang anak yang genius.
- ... Peleraian: Farisha sempat bercakap dengan Karl sebelum Karl meninggal dunia tepat pada pukul 7.00 malam. Dr Maxi, Khairul Anwar, Medina, dan Farisha menziarahi Karl dan menerima kematian Karl dengan reda. Karl meninggalkan wasiat agar mayatnya dibakar dan abunya ditabur di Selat Melaka. Upacara itu dilakukan oleh Aqram di Port Dickson.